

KESEMBILAN*Ninth***PERTAMA***First*

Jilid 1 Bil. 22 Hari Khamis 28hb. Disember,
1995

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendidikan 1995	(Ruangan)
Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995	(Ruangan)
Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1995	(Ruangan,)
Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995	(Ruangan)
Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995	(Ruangan)

USUL

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan)
--	------------

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Penggal Yang Pertama
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.
(Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah (Negeri Sembilan)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Haji Dol bin Dolah, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C.,
P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.
(Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, 3P.J.K., J.P. (Perak)

- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- J.P. “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,
(Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l
Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.
(Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dato’ (Ir.) Ng Thian Hock, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunos, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
P.P.N. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Saidin bin Mohamad (Perlis)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,
.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,
A.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,
P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar,
K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Zaharah binti Naim

Norwahidah binti Azizi

Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 28hb. Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

SEKOLAH KEKURANGAN MURID - JUMLAH DITUTUP

1. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) berapakah buah sekolah rendah di seluruh negara telah ditutup disebabkan kekurangan murid;
- (b) adakah kerajaan menggalakkan sekolah rendah beraliran Tamil dan Cina yang menghadapi kekurangan murid berpindah ke bandar/kawasan perumahan. Jika ada, berapa buah telah berpindah. Jika tidak, mengapa; dan
- (c) demi menaiktarafkan kemudahan di sekolah kecil, adakah kerajaan bercadang menggabungkan beberapa buah sekolah kecil untuk menjadikan sebuah sekolah yang lebih sempurna dari segi kemudahan dan tenaga mengajar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hingga hari ini sebanyak 46 buah sekolah rendah di seluruh negara telah ditutup disebabkan kekurangan murid.
- (b) Kerajaan tidak mempunyai dasar untuk menggalakkan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang menghadapi kekurangan murid berpindah ke bandar atau kawasan perumahan.
- (c) Pada lazimnya semua sekolah kecil tanpa mengira alirannya akan tertutup dengan sendirinya dan murid-murid yang ada akan berpindah ke sekolah-sekolah yang berdekatan. Perpindahan ini adalah atas persetujuan semua pihak, iaitu pihak PIBG dan ibu bapa serta penjaga murid yang terlibat. Pada masa ini terdapat 5 buah sekolah kecil yang telah bergabung menjadi sekolah yang lebih besar, iaitu di negeri Perak. Usaha seperti ini

sedang dikaji secara mendalam dan ia terkandung di dalam sasaran kerja utama Kementerian Pendidikan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam semangat perpaduan yang dilahirkan dalam Akta Pendidikan yang baru ini, adakah kerajaan bercadang untuk menggubal dasar menggalakkan lebih ramai masuk ke sekolah-sekolah kebangsaan daripada sekolah jenis kebangsaan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dasarnya tidak ada, tinggal lagi kita tidak ada halangan sekiranya ibu bapa mahu menghantar anak-anaknya ke sekolah kebangsaan. Dan kita lebih percaya kepada cara mendorong, menggalak dan merangsang ini, tambahan pula perkara ini sensitif dan kita hendak mengelakkan sebarang salah faham dalam proses kita menguruskan pendidikan anak-anak kita.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 40 buah sekolah di seluruh negara yang telah ditutup, berapa buahkah sekolah di Sabah dan Sarawak yang telah mengalami nasib yang demikian dan ke manakah anak-anak yang kurang bernasib baik ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, angka untuk Sabah dan Sarawak itu tidak ada detailnya pada saya sekarang. Tetapi secara umumnya, sepertimana yang saya katakan tadi, bila sekolah itu sudah kurang murid, secara automatiklah ianya akan ditutup dan anak-anak itu dipindahkan ke sekolah yang berdekatan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak kerajaan menyatakan bahawa 40 buah sekolah yang ditutup itu berapakah mengikut aliran-alirannya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka itu di sini kecuali bolehlah saya maklumkan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Secara bertulis, ya.

SUKAN KOMANWEL 1998 - PUSAT MAKLUMAT

2. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-
- (a) adakah persediaan pusat maklumat bagi menghadapi Sukan Komanwel sudah dibuat;
 - (b) apakah kemudahan yang disediakan; dan

- (c) di mana kemudahan pusat itu ditempatkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Suka saya maklumkan di sini bahawa usaha-usaha sedang dibuat bagi menyediakan pusat maklumat untuk kegunaan Sukan Komanwel 1998 seperti Main Press Centre (MPC) dan International Broadcasting Centre (IBC). Sukom Ninety Eight Berhad dan Kementerian Penerangan bertanggungjawab menyediakan kedua-dua kemudahan ini.
- (b) Pusat maklumat ini akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan yang mencukupi dan terkini bagi memastikan semua maklumat Sukan Komanwel 1998 dapat disalurkan dengan sebaik mungkin ke negara-negara yang menjadi klien. Buat masa ini, Sukom Ninety Eight Berhad telah pun mengambil daya usaha memasukkan maklumat mengenai Sukan Komanwel 1998 ke dalam perkhidmatan internet.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, sebuah gimnasium di Bukit Jalil akan diubah suai bagi menempatkan MPC, manakala IBC pula akan ditempatkan di Bukit Putra, Angkasapuri.

KEMAS - PERUNTUKAN INDUSTRI KECIL

3. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) adakah lagi peruntukan melalui KEMAS untuk membekal alat-alat industri kecil untuk masyarakat yang ada minat berniaga dalam keluaran “cottage industry”; dan
- (b) bolehkah kementerian beliau memperuntukkan bantuan tambahan bagi peniaga-peniaga yang telah pun ada untuk diperbesar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang ada lagi peruntukan untuk membantu usahawan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk tahun 1996 sebanyak RM15.2 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program berkenaan adalah di bawah Program Pembangunan Usahawan Luar Bandar. Program ini dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Keenam menggantikan Program Industri Kecil yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Bagi meningkatkan pendapatan golongan termiskin, bantuan boleh ditimbang di bawah Program Peningkatan Ekonomi Kampung. Matlamat PPLB adalah untuk mewujudkan usahawan dan keusahawanan luar bandar melalui aktiviti ekonomi, industri yang berdaya maju ke arah pengwujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Perlu dijelaskan di sini bahawa Program PPLB adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Ekonomi Kementerian. KEMAS dan Lembaga-lembaga Kemajuan Tanah dan Wilayah membantu dalam usaha perhubungan dengan kumpulan sasaran. Sesiapa berminat bolehlah berhubung dengan mereka.

- (b) Bantuan tambahan untuk pengusaha-pengusaha boleh dipertimbangkan mengikut kes berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, seperti rekod prestasi pengusahawan/pengusaha, potensi pengusahawan dan sama ada ianya dalam bidang usahawan yang digalakkan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dari angka RM15.2 juta yang dinyatakan oleh beliau tadi, pertama sekali adakah wang-wang ini diagih kepada semua negeri dan saya ingin juga tahu secara khusus berapakah yang diagih kepada negeri Sarawak dan Sabah?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, dari angka RM15.2 juta ini, kita tidak mengagih-agihnya mengikut negeri. Cara kita, kita menerima permohonan dari semua masyarakat di luar bandar yang berminat dan kita menimbang dari kes ke kes.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian yang menjaga KEMAS, buat masa ini ada alat-alat industri yang dibekalkan ke luar bandar yang tidak

dapat dimanfaatkan untuk projek-projek sebagaimana yang dirancang pada peringkat awal. Apakah tindakan pihak kementerian kepada mereka yang membiarkan alat-alat ini sebagai 'gajah putih' di kampung-kampung?

Dan yang keduanya, adakah pihak kementerian selain dari memberi peruntukan alat-alatan, adakah bantuan-bantuan lain diberikan kepada mereka yang mendapat bantuan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, kita sedar bahawa ada beberapa mesin yang diberikan oleh kementerian yang dibiarkan tidak digunakan. Sebagai dasarnya, sepatutnya mesin ini dihantar balik ke kementerian supaya ianya dapat diagihkan kepada pengusaha-pengusaha lain yang berminat untuk menggunakan alat-alat mesin itu.

Walau bagaimanapun, kita memberi peluang kepada pemohon asal untuk membuat keputusan untuk menggunakan mesin itu dan kita merayu mungkin melalui Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian minta kerjasama dari pengusaha-pengusaha bahawa gunalah kemudahan-kemudahan yang diberi oleh kerajaan ini kerana ianya percuma. Walaupun ia percuma, jangan dibiarkan begitu sahaja tidak digunakan kerana kita memang mempunyai matlamat tertentu apabila kita memberikan projek itu.

Soalan yang kedua mengenai apakah kemudahan-kemudahan yang lain? Selain daripada memberi mesin-mesin, kementerian juga di bahagian industri mengadakan kursus-kursus kepada peserta-peserta dan di mana yang perlu kita

juga mengadakan infrastruktur industri; tapak ruang industri, kemudahan-kemudahan infrastruktur serta bengkel-bengkel jika diperlukan.

SKIM PINJAMAN USAHAWAN KECIL - KADAR PINJAMAN

4. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan berapakah kadar kemudahan pinjaman melalui peruntukan skim pinjaman usahawan kecil (SPUK):

- (a) adakah bank-bank di negara ini menunjuk minat memberi sokongan kepada kementerian, jika ada nyatakan nama bank-bank yang terbabit; dan
- (b) adakah kementerian akan menubuh satu jawatankuasa bersama di antara Dewan Perniagaan Melayu (DPM) dan Dewan Perniagaan Cina (DPC), jika ada, bila masanya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, kadar pinjaman yang akan diberi melalui Skim Pinjaman Usahawan Kecil ialah terbahagi kepada dua iaitu pinjaman sehingga RM10,000 dan pinjaman RM10,000 sehingga maksimum RM50,000.

Skim Pinjaman Usahawan Kecil (SPUK) pada masa ini adalah sedang dalam proses penggubalan mekanisme atau kaedah bagaimana institusi kewangan yang dipertanggungjawabkan nanti dapat mengeluarkan pinjaman-pinjaman kepada pemohon-pemohon. Institusi-institusi kewangan yang terbabit sedang dikenalpasti dan besar kemungkinan akan diselaraskan oleh PUNB. Untuk makluman Yang Berhormat, dana bagi skim ini adalah daripada peruntukan kerajaan, PUNB dan CGC di mana jumlah dana ialah sebanyak RM400 juta semuanya.

(a) Sebelum Skim Pinjaman Usahawan Kecil ini dilancarkan, sudahpun terdapat lapan bank perdagangan tempatan yang telah menubuhkan konsortium untuk memberi kemudahan pinjaman di bawah Skim Galakan Usahasama yang memberi kemudahan modal kerja yang dipakejkan dengan pembelian ekuiti bagi projek-projek usahasama bumiputera dan bukan bumiputera. Antara bank-bank yang terlibat dan memberikan sokongan adalah:-

- (i) Bank Bumiputra Malaysia Berhad;
- (ii) Malayan Banking Berhad;
- (iii) Bank of Commerce (M) Berhad;
- (iv) DC Bank;
- (v) Public Bank;
- (vi) United Malayan Banking;
- (vii) Arab Malaysian Bank; dan
- (viii) Bank Utama Berhad

Setiap bank yang mengambil bahagian telah memperuntukkan sejumlah RM35 juta yang menjadikan dana berjumlah RM280 juta keseluruhannya.

(b) Hasil dari sesi-sesi perbincangan di antara kementerian dengan Dewan-dewan Perniagaan Melayu dan Cina, satu

Jawatankuasa Bersama Usahasama telah ditubuhkan pada 16hb. Oktober 1995 dan telah pun mengadakan beberapa mesyuarat. Hasilnya sebanyak 12 perjanjian usahasama dimeterai pada 18hb. Disember 1995 semasa Majlis Pelancaran Usahasama Tulen Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sebanyak 24 syarikat telah menandatangani perjanjian usahasama di antara syarikat bumiputera dan bukan bumiputera pada hari tersebut.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dan juga bertanya mengenai usahasama tulen yang dianjurkan oleh pihak kementerian antara pengusaha bumiputera dan bukan bumiputera. Saya pernah bertanya mengenai keistimewaan ataupun keutamaan sama ada diberikan kepada syarikat bumiputera tulen ataupun syarikat usahasama tulen yang dianjurkan oleh pihak kementerian. Jawapan yang diterima ialah kedua-duanya sekali. Ini jawapan yang susah saya fikirkan. Bagaimana kita boleh beri keutamaan kepada kedua-duanya?

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam keadaan yang sama adakah kerajaan akan memberikan keutamaan kepada syarikat bumiputera tulen ataupun syarikat usahasama tulen yang dianjurkan oleh pihak kementerian?

Tuan Idris bin Jusoh: Sehingga masa kini, kementerian belum membuat

keputusan tentang perkara itu.

SIJIL LAYAK MENDUDUKI - KELULUSAN

5. **Tuan Eng Hooi Choo** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) adakah sebarang undang-undang untuk semua pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan terhadap penduduk di bangunan ataupun di kilang sebelum Sijil Layak Menduduki diluluskan; dan
- (b) sekiranya pemaju perumahan menyerahkan kunci rumah kepada pembeli untuk menduduki sebelum Sijil Layak Menduduki diluluskan, pihak siapakah harus disaman di bawah undang-undang ini oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada yang menjawab bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Ini kena potong gaji 10 sen ini. *[Ketawa]*

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat undang-undang kecil 28 di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang mengatakan adalah menjadi kesalahan bagi sesiapa menduduki mana-mana bangunan atau sebahagian dari bangunan tanpa perakuan Kelayakan Menduduki dikeluarkan terlebih dahulu. Ini termasuk perakuan Kelayakan Menduduki sebahagian atau sementara. Kemungkaran mematuhi undang-undang kecil ini boleh menyebabkan orang yang berkenaan didakwa di bawah Akta Jalan, Parit dan

Bangunan 1974, termasuklah penghuni.

- (b) Penyerahan kunci di sini bermaksud penyerahan pemilikan kosong, mengikut Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989. Penyerahan pemilikan kosong ini adalah bertujuan bagi pembeli memeriksa bangunan dan mengadukan kepada pemaju apa-apa perkara yang perlu dibaiki.

Ia bukan bertujuan membenarkan pembeli menduduki, kalau dia menduduki juga dia telah melakukan kesalahan. Peraturan sedemikian adalah untuk kebaikan dan keselamatan pembeli iaitu untuk menentukan bangunan dan kawasan sekitar adalah selamat dan selesa sebelum beliau dibolehkan mendudukinya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, siapakah yang bertanggungjawab dan apakah denda yang dikenakan kepada pemaju-pemaju yang menyerahkan kunci dan memerlukan pembeli-pembeli membayar harga kos bangunan, perumahan atau apa sahaja projek yang dijalankan, tetapi Sijil Layak Menduduki ini tidak dikeluarkan? Apakah jangka waktu yang ditetapkan oleh pihak kementerian kepada setiap pemaju setelah mengutip segala kewangan daripada pembeli, berapa lama ditetapkan kepada pemaju ini untuk membereskan segala-galanya supaya Certificate of Fitness (CFO), dengan izin terpaksa dikeluarkan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, adalah tanggungjawab pemaju untuk menyiapkan segala usaha yang perlu dibuat dalam Perjanjian Jual Beli. Jikalau pihak pemaju membenarkan pembeli itu memasuki bangunan tersebut sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan, maka pemaju itu telah melanggar bukan sahaja Undang-undang Kecil Jalan Parit dan Bangunan 1974, tetapi beliau juga tidak mematuhi atau tidak mengikuti syarat-syarat atau seksyen-seksyen dalam Surat Perjanjian Pembeli itu. Oleh sebab pihak kementerian memberi arahan kepada pihak pemaju atau melalui pihak berkuasa tempatan untuk tidak membenarkan pihak pemaju menyerahkan kunci kepada pihak pembeli sebelum Sijil Kelayakan Menduduki itu dikeluarkan.

Ada tiga syarat di mana pihak pemaju.....

Tuan Yang di-Pertua: Maksud Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, sekiranya syarat-syarat dilanggar.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Pihak mana yang kena hukum, sekiranya....

Tuan Peter Chin Fah Kui: Pihak pemaju tidak mengikuti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak mengikuti.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, kalau sekiranya begitu pihak pemaju boleh disebut sebagai disalahkan dalam Undang-undang Kecil Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan boleh dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan tersebut dan.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja yang Dato' hendak tahu ya? Dia hendak tahu siapa yang kena hukum, sekiranya CF itu tidak dikeluarkan. Saya ingat itu sahajalah.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang terpulang kepada pihak berkuasa tempatanlah untuk melakukan kawalan dan sebagainya.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya keliru sedikit, sebab itu saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab, apabila pemaju diberi kunci, dia diminta supaya memeriksa bangunan. Certificate of Fitness sebenarnya dilakukan oleh Kerajaan Tempatan, jadi apabila kementerian tadi menjawab, kunci diberi adalah untuk membuat inspection. Oleh itu saya hendak bertanya berapa banyak penghuni yang membeli rumah ini yang tahu mengenai bangunan untuk menentukan sama ada dia safe ataupun tidak.

Sebagaimana yang kita tahu, tidak semua orang yang membeli rumah ini arkitek atau pakar dalam bidang-bidang bangunan. Jadi, saya hendak tahu kenapakah kita membenarkan kunci diberi sebelum Certificate of Fitness dikeluarkan? Adakah kementerian bercadang untuk menentukan supaya semua penyerahan kunci ini tidak diberi kepada penghuni selagi Certificate of Fitness tidak dikeluarkan oleh Kerajaan Tempatan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, itu yang sebentar tadi saya cuba

memaklumkan ada tiga syarat pihak pemaju patut memenuhi dahulu sebelum Sijil Kelayakan Menduduki itu dikeluarkan. Salah satunya ialah perakuan dikeluarkan oleh arkitek atau konsultan penjual. Ia mestilah satisfied dan memberi pengiktirafan semua usaha telah dijalankan dengan baik dan tidak ada apa-apa masalah tentang kesemalatan dan sebagainya.

Pihak berkuasa berharap tentang surat perakuan itu dikeluarkan oleh arkitek kerana sesuatu pihak berkuasa tempatan itu tidak mampu untuk memeriksa dan akhirnya mensatisfiedkan semua bangunan itu selamat. Kerana tidak ada pegawai-pegawai yang layak untuk membuat begini, sebab itu terpulanglah kepada surat perakuan yang dikeluarkan oleh arkitek atau perunding.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta penjelasan ya. Sila.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sebenarnya Certificate of Fitness itu bukanlah tertumpu kepada bangunan, kerana apabila bangunan itu dibangunkan arkitek, konsultan dan sebagainya telah diemploy oleh syarikat-syarikat tertentu. Yang saya hendak tanya ini ialah, Certificate of Fitness ini selalunya tidak diberi adalah kerana pemaju tidak mengikut peraturan, kemungkinan setbackkah atau kemungkinan kemudahan asas tidak diberi dan sebagainya. Jadi, saya nampak tindakan kementerian ini dalam usaha hendak menentukan supaya Certificate of Fitness dapat dipastikan, kerana orang ramai nanti menghadapi masalah. Apabila selalu berlakunya bangunan yang tidak dapat diberikan Certificate of Fitness

adalah disebabkan sama ada pemaju tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan. Jadi, saya hendak tanya pihak kementerian, apakah tindakan kementerian untuk menentukan supaya pemaju-pemaju yang mengambil keuntungan lebih ini dengan tidak mahu mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan, yang menyusahkan orang ramai. Untuk mendapat Certificate of Fitness kadang-kadang mengambil masas satu tahun, jadi orang yang telah membayar rumah tidak dapat duduk. Oleh itu apakah tindakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap pemaju-pemaju tersebut?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya faham apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya surat Perjanjian Jual Beli (Sales and Purchase Agreement) itu memang ada satu perjanjian di antara pemaju dengan pembeli. Ini bermakna penjual itu perlu menghabiskan semua usaha yang diperlukan dalam surat perjanjian itu dan bagi pihak kementerian kita tidak mengawal perkara ini, sebab *this is a matter between the buyer and the seller*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Selain dia ada, *what we called pembohongan atau suatu cheating case*, dengan izinnya.

Selain daripada itu, kita harap kedua-dua pihak itu boleh menyelesaikan masalah di antara mereka dan keluarkan sijil kelayakan menduduki itu adalah bagi pihak berkuasa tempatan dan kalau pihak berkuasa tempatan rasa semua perkara yang perlu di dalam pelan itu tidak dibuat, maka ia tidak akan keluarkan sijil kelayakan menduduki seperti bangunan itu tidak selamat, unsur-unsur kesihatan tidak diambil kira, tidak ada air, elektrik dan sebagainya. Ini memang pihak berkuasa tempatan akan mengawallah tetapi kalau ada

defect dan sebagainya, ini bukan hal pihak berkuasa tempatan. Saya rasa ini satu perkara yang pembeli itu boleh meminta pihak pemaju itu memperbaiki dan kalau tidak dia boleh sampai di mahkamah untuk menyelesaikan hal-halnya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa sudah jelas.

PEMBINAAN DEPOT DAN SALURAN PAIP MINYAK ANTARA PULAU PAYAR DAN SONGKHLA - LAPORAN KAJIAN

6. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah kementerian beliau telah membuat kajian mengenai cadangan pembinaan depot dan saluran paip minyak berharga RM5.5 bilion antara Pulau Payar dengan Songkhla, Thailand yang boleh menjejaskan ekosistem Taman Laut dan pulau sekitarnya jika berlaku tumpahan minyak.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian EIA bagi mana-mana projek yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan), Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 1987 adalah tanggungjawab pelaksanaan projek. Laporan kajian ini dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk ulasan dan pertimbangan sebelum ianya diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Bagi projek yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, mengenai cadangan pembinaan depot dan saluran paip minyak berharga RM5.5 bilion antara Pulau Payar dengan Songkhla, Thailand, Jabatan Alam Sekitar belum lagi menerima sebarang laporan EIA mengenainya. Sekian.

PERSIDANGAN WANITA SEDUNIA - MENGIMPLEMENTASIKAN RUMUSAN

7. **Puan Hajjah Rahaiah binti Baهران** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan kekangan dan halangan yang dihadapi oleh kementerian beliau dalam mengimplementasikan keputusan dan rumusan Persidangan-persidangan Wanita Sedunia.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persidangan Wanita Sedunia ke-IV baru sahaja berakhir dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat setakat ini sangat berpuashati dengan pencapaian yang ada kerana kerajaan Malaysia telah menunjukkan sokongan yang sangat baik terhadap usaha untuk memajukan wanita. Ini terbukti sejak Persidangan Mexico pada tahun 1975 telah terbentuknya Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) pada tahun 1976 diikuti dengan Penubuhan Urusetia Hal

Ehwal Wanita (HAWA) pada tahun 1983 iaitu selepas persidangan di Copenhagen pada tahun 1980 dan penggubalan Dasar Wanita Negara pada tahun 1989 selepas persidangan di Nairobi pada tahun 1985 dan penggubalan bab khas mengenai wanita dan pembangunan dalam buku Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

HAWA di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dengan bantuan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain di sektor awam, pertubuhan-pertubuhan wanita bukan kerajaan (NGO) dan jaringan-jaringan lain di peringkat negeri dan daerah akan berusaha dari masa ke semasa untuk memajukan wanita melalui perancangan dan pelaksanaan projek berpandukan pelan tindakan Dasar Wanita Negara.

Yang paling penting ialah pemimpin-pemimpin wanita komited dan bersama melaksanakan pelan tindakan Dasar Wanita Negara agar ianya menjadi realiti.

Puan Hajjah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu dua soalan tambahan. Pertama, ekoran daripada Persidangan Wanita Sedunia di Beijing baru-baru ini, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan Majlis Perundingan Wanita di setiap negeri di seluruh negara dan sambungan soalan ini, adakah kerajaan juga sedar bahawa majlis-majlis itu memerlukan urusetia yang sewajarnya bukan sahaja di peringkat negeri malah di peringkat daerah supaya Dasar Wanita Negara dapat direalisasikan. Soalan kedua, apa pandangan.....

Tuan Yang di-Pertua: Puan Rahaiah, saya ingat satu sudahlah dahulu.

Puan Hajjah Rahaiah binti Baهران: Satu?

Tuan Yang di-Pertua: Tambahan sahaja. Cukuplah.

Puan Hajjah Rahaiah binti Baهران: Oh, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tiga, sebenarnya sudah dua dah ada tu. *[Ketawa]*

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, untuk merealisasikan komitmen yang dibuat melalui Deklarasi Beijing, langkah utama yang diambil ialah untuk melaksanakan sepenuhnya Platform for Action yang dipersetujui di Persidangan Wanita Sedunia baru-baru ini. Untuk tujuan tersebut, jentera negara mengenai wanita akan diperkukuhkan melalui peningkatan kepakaran pegawai-pegawai, penambahan kakitangan dan memastikan sumber kewangan mencukupi bagi melaksanakan program-program dan projek-projek yang dapat mempercepatkan pelaksanaan Platform for Action.

Jadi, sekiranya kalau perkara yang telah saya sentuhkan tadi dapat mengikut permintaan tadi, tentu sekali majlis yang disentuh oleh Yang Berhormat itu kalau pun tidak ditubuhkan di peringkat negeri ataupun di daerah, tentu ada jawatan-jawatan yang berkaitan dengannya akan ditubuhkan nanti.

Tuan Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peranan wanita Malaysia di dalam Persidangan di Beijing itu yang boleh menaikkan ataupun menurunkan nama wanita di negara kita? Apakah peranan yang dimainkan oleh wanita Malaysia di persidangan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Bagi menaikkan dan menurunkan nama wanita. *[Ketawa]*

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Peranan yang dimainkan?

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua sekali.

Datuk Tuan Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, peranan yang dimainkan

oleh wanita di Beijing pada masa itu memang mengikut apa yang kita telah difahamkan delegasi Malaysia memang bersama-sama memainkan peranan yang penting pada masa itu, misalnya bagi beberapa perkara atau isu yang menimbulkan kesukaran Malaysia telah menjelaskan pendiriannya termasuklah Malaysia tidak dapat menerima takrif istilah keluarga yang turut merujuk kepada keluarga yang terbentuk di luar perkahwinan. Malaysia menyokong pandangan bahawa perhatian untuk membendung pengguguran secara tidak selamat dan peruntukan bantuan kemanusiaan dalam perkara mengenai kesukaran yang berpunca daripada keguguran sebagai salah satu usaha memperuntukkan penjagaan kesihatan.

Jadi, peranan wanita masa itu memang cukup jelas, kerana bukannya hanya delegasi bersama Menteri sendiri, tetapi Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pun sebagai ketua rombongan. Jadi, saya rasa perkara ini memang kita sudah tahu peranan wanita masa itu memang cukup jelas, iaitu cukup memuaskan Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang menaikkan nama. Yang menurunkan nama adakah atau tidak? Sebab ada dua soalan tadi yang menurunkan nama wanita ada? Yang Berhormat jawab ialah untuk menaikkan nama, tetapi yang menurunkan tidak ada.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Kalau dapat, bolehkah sebut sekali lagi fasal menurunkan nama wanita, kerana saya tidak mendengar.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang menurunkan nama wanita, saya tarik balik. *[Ketawa]*

**SIARAN TELEVISYEN - PERUNTUKAN MASA UNTUK
PROGRAM TEMPATAN**

8. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Penerangan menyatakan:-
- (a) berapa banyak masa atau peratusan masa yang telah diperuntukkan kepada program tempatan di semua stesen TV negara ini;
 - (b) adakah peratusan masa ini mencukupi untuk menggalakkan pembangunan industri perfileman negara; dan
 - (c) daripada jumlah masa penyiaran, berapa peratus masa tersebut diberikan untuk penyiaran filem bahasa Mandarin dan Kantonis.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan,

- (a) Pada masa ini TV1 dan TV2 menyiarkan lebih dari 60% dari rancangan terbitan tempatan.
- (b) Peruntukan masa siaran televisyen rancangan terbitan tempatan sebanyak 60% itu lebih dari mencukupi untuk menggalakkan pembangunan industri perfileman tempatan di negara ini. Setakat ini lebih dari 300 syarikat penerbitan rancangan tempatan di negara ini yang terlibat dalam terbitan filem untuk rancangan siaran televisyen.

Dengan bertambahnya peratusan peruntukan masa siaran rancangan terbitan tempatan di televisyen pada masa akan datang, iaitu dari sebanyak 60% kepada sebanyak 80% menjelang tahun 2000, maka anggaran keperluan rancangan siaran televisyen terbitan tempatan meningkat menjadi lebih dari empat kali ganda.
- (c) Jumlah masa siaran yang diperuntukkan untuk penyiaran filem bahasa Mandarin dan Kantonis ialah sebanyak 16%.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini bertanya bukan hanya khusus kepada RTM, tetapi kepada semua stesen TV negara ini, saya ingin supaya Datuk Setiausaha Parlimen memberi jawapan yang meliputi keseluruhan channel TV yang ada di negara kita. Soalan saya ialah adakah pihak kementerian sedar bahawa walaupun kadar program tempatan adalah 60%, tetapi program yang 60% itu ialah rancangan- rancangan yang 'of the lower category,' yang rendah

martabatnya; hiburan, nyanyian, filem-filem dan drama . Tetapi, program-program yang lebih memberi manfaat, seperti dokumentari, rancangan ekonomi, rancangan perdagangan, malahan rancangan seperti Global, siaran langsung, yang bercakap dalam TV itu adalah orang Malaysia sama orang Malaysia. Yang menonton di rumah adalah ibu-ibu suri rumah yang tidak pergi bekerja, tetapi siaran dalam bahasa Inggeris, bukan dalam Bahasa Malaysia. Saya anggap walaupun ianya terbitan local, tetapi dari segi kualitinya adalah foreign, adalah bukan tempatan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, memang baik soalan itu. Sebenarnya apa yang saya tekankan tadi bukan hanya melingkungi batasan dan tanggungjawab TV1 mahupun TV2. Ia juga merangkumi TV yang lain. Termaktub dalam lesen, di mana ada kuasa Menteri Penerangan meletakkan syarat yang khusus penggunaan program tempatan, seperti penggunaan bahasa contohnya. Kita letakkan syarat 60% daripada rancangan, penekanaan itu dalam Bahasa Malaysia, kita letakkan di situ.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi program-program seperti Global dan juga lain-lain, kita letakkan bukan hanya Global. Ada juga program-program yang merupakan membangkitkan isu-isu semasa dan isu-isu tempatan seperti Minda. Global hanya kebetulan kerana kita rasa perlu untuk kita khususkan kepada penonton yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Manakala audience atau penonton-penonton yang boleh berbahasa Malaysia, kita gunakan program-program yang lain, contohnya seperti Minda. Banyak lagi program-program tempatan yang mana bukan sahaja program-program tempatan, bahkan penggunaan Bahasa Malaysia, seperti Berita Perdana. Satu jangka masa yang begitu utama kita siarkan dengan penggunaan Bahasa Malaysia.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Ibrahim.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Soalan sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu soalan tadi panjang, jadi nampaknya.....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya beri satu contoh, news dalam Bahasa Malaysia, bersambung dengan news itu Berita Ekonomi dalam bahasa Inggeris. Why not terus dengan Bahasa Malaysia dalam Berita Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa jawapan tadi sudah cukup jelas. Tuan Haji Hamzah, sambil

beliau bertanya, beliau juga mencadang. Jadi, macam mana, sama ada cadangan itu diterima ataupun ditimbang?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sebenarnya, kita sudah buat. Kita ada dua rangkaian di peringkat kementerian. Kadang-kadang bila selepas Berita, bukan hanya kita adakan program Ekonomi dalam bahasa Inggeris, kadangkala kita adakan program langsung dalam Bahasa Malaysia dalam Rangkaian I. Manakala Rangkaian II, kerana kita mempunyai audience yang cukup menyeluruh, bukan hanya audience kita tertakluk kepada orang yang menggunakan bahasa Melayu, kerana adalah menjadi dasar kerajaan pada hari ini bahawa kita perlu untuk mempertingkatkan masyarakat rakyat di negara ini untuk menggunakan bahasa Inggeris. Maka dalam rancangan-rancangan kita sedikit-sebanyak kita pertingkatkan penggunaan bahasa Inggeris semata-mata supaya rakyat negara ini faham.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya tengok ada gaya bila menjawab, tetapi saya tidak berapa yakinlah. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Yang Berhormat ada menyebut tadi 60% program tempatan. Saya kurang pasti macam mana Yang Berhormat kira. Macam mana andaian keluar pada 60%. Sebab rancangan televisyen kalau kita lihat TV1 dan TV2, kalau prime times, semuanya masa digunakan untuk filem-filem daripada luar negara kita, Blok Buster dan sebagainya, kita fahamlah sebab mungkin berniaga, kerana tajaan rokok dan sebagainya. Dan cerita-cerita pula semuanya hiburan dan percintaan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang mukadimah, Datuk Ibrahim. Soalannya macam mana?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Soalan saya payahlah kalau tidak beri mukadimah. Dia tak berapa faham lagi, nanti jawab ke lain pula.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, percintaan dan hiburan banyak. Percintaan itu, dengan filem Hindustan cukuplah. Betulkah, Yang Berhormat Menteri Kerja Raja ada di sini? Tahniah Dato' Seri, tak pergi cutikah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak boleh dijawab.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula semua sekali program RTM, sebab saya dan rakyat dapati, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ianya tidak mendokong aspirasi nasional dalam erti kata yang sebenarnya?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat, terima kasih kerana komen. Kita berharap, tadi dengan gaya yang ada, mudah-mudahan Ahli-ahli Yang Berhormat pun lebih dapat dijelaskan dan diterangkan tentang cara kita menjawab. *[Ketawa]* Namun demikian, oleh kerana Yang Berhormat tidak begitu jelas walaupun kita gunakan gaya. Untuk menjawab soalan itu, sememangnya kementerian kita prihatin. Yang Berhormat Menteri Penerangan baru-baru ini telah memperakukan untuk mewujudkan satu panel, di mana kita letakkan panel itu bukan hanya merangkumi kakitangan yang terlibat dalam kementerian, bahkan juga penonton-penonton yang ada, tokoh-tokoh yang cukup lama yang ada pengalaman untuk memberi pandangannya dan pendapat corak macam mana program masa akan datang yang kita akan laksanakan, kita lakukan. Ianya kelak bukan sahaja akan selaras dengan dasar kerajaan yang ada pada hari ini, bahkan selaras dengan selera penonton di masa akan datang. Kita prihatin, Yang Berhormat, jangan susah.

TOL - MENGURANGKAN BAYARAN

9. **Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah rancangan kerajaan untuk menurunkan bayaran tol.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar dan mengambil perhatian di atas sungutan pengguna mengenai kenaikan bayaran tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi untuk Projek Lebuhraya Utara-Selatan telah menetapkan kadar tol yang dijadualkan sehingga tahun 1996. Kenaikan kos ini adalah didasarkan kepada kos-kos tertentu seperti kos membayar balik wang pinjaman dan faedah, kos pengurusan dan kos penyelenggaraan. Buat masa ini kerajaan tidak ada rancangan untuk menurunkan kadar tol.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana undang-undang itu kerajaan buat, perjanjian itu pun kerajaan buat dengan PLUS, tak bolehkah bahawa kerajaan dengan PLUS ini untuk tidak menaikkan tol ini ditambah lagi dia punya perjanjian itu, kalau 10 tahun jadikan 20

tahun supaya rakyat tidak dapat menerima kesusahan dalam pembayaran tol ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya daripada Kuala Lumpur ke Seremban bayar RM4.70 pergi sahaja, balik RM4.70, dicampurkan RM9.40, itu yang saya membuat soalan ini agar menteri yang bijaksana ini dapat merundingkan kembali supaya dipanjangkan perjanjian diturunkan bayaran tol, kalau boleh.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mula membuat perbincangan dengan PLUS atau pada masa itu nama syarikat ini United Engineers, jumlah modal yang dilabur oleh syarikat itu ialah RM3.8 bilion pada masa itu untuk menjalankan projek ini. Jadi, permintaan daripada syarikat iaitu mereka suka juga mengenakan tol RM0.10 sen sekilometer, mulai daripada tahun 1986 tetapi dalam perjanjian itu kerajaan minta RM0.05 sen pada satu kilometer untuk tiga tahun, selepas itu kita akan membenarkan untuk mengenakan tujuh setengah sen dan tahun 1976 kerajaan berjanji mesti membenarkan mereka untuk mengutip tujuh setengah sen. Jikalau tidak, kerajaan kena bayar ganti rugi atau pampasan.

Pampasan iaitu tahun pertama (1986) berharga lebih dari RM200 juta, jikalau kita mahu juga menurunkan atau tidak melebihi tol itu, kita akan kena RM1,048 juta sampai tahun 1998. Jikalau kita tidak membenarkan mereka sampai tahun 2000 ini berertinya kerajaan akan membayar ganti rugi RM2,340 juta.

Jadi, perjanjian pada pertamanya iaitu untuk menjalankan projek ini, ada juga Yang Berhormat telah meminta mengapakah kita tidak mengganti atau

memberi tempoh yang lebih panjang, kita boleh memberi tempoh, bank tak mahu beri tempoh. Bukanlah kita tak mahu beri tempoh, tempoh kita hendak, tempoh kita ganti lagi atau tempoh kita masih beri lagi, ini berertinya kita akan mengutip tol lebih lama daripada rakyat jelata. Pada masa itu, apa yang kita katakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the cumulative value of money will be very much higher. Jadi, ada ramai orang yang mengadu, dia fikir saya sendiri yang menaikkan kadar tol, ada juga di antaranya Senator, dalam perbincangan dia hendak berbincang berkenaan dengan tol, dia tidak mengerti tol itu bererti apa?

Tetapi bukanlah Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin [*Ketawa*] tetapi ini ada juga orang yang masih belum mengerti lagi, menteri menjadi alat kepada kerajaan, kerajaan mengarah kepada menteri, menteri menjalankan tugas untuk mengenakan tol. Bila kerajaan kata: “Jangan kenakan tol”, menteri tarik balik. Jadi, itu arahan kerajaan dan itulah tugas menteri.

Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, perkara ini tidak boleh dipinda, jikalau mahu juga kerajaan meminda berertinya kerajaan akan membayar pampasan. Walau bagaimanapun, saya minta kepada syarikat itu iaitu bolehkah kita jangan menaikkan tol kepada kenderaan yang digunakan oleh rakyat jelata ini iaitu bas atau teksi. Mereka bersetuju, ini telah dibentangkan dalam Jemaah Menteri lebih kurang dua minggu yang lalu, Jemaah Menteri suka juga mendapat lebih penjelasan.

Oleh kerana itu kita menangguhkan kelulusan kepada kertas Jemaah

Menteri itu, saya percaya selepas 15hb. Januari, kita akan menimbangkan semula berkenaan dengan bayaran tol itu.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rasional kerajaan telah menandatangani ataupun meterai satu perjanjian dengan pihak PLUS. Perjanjian ini boleh dianggap lop sided yang mana menguntungkan PLUS dan merugikan kerajaan. Apakah rasional, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkannya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kecewa mengapa Yang Berhormat tidak mengerti apakah 'perjanjian'. *[Ketawa]*

Yang pertama, perjanjian itu bukanlah untuk memberi kerugian kepada mana-mana pihak. Jikalau jalan ini daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru tidak dapat diselesaikan pada hari ini, kerajaan setakat lapan tahun ini mesti membayar lebih dari RM8 bilion untuk memperbaiki jalan.

Jadi, keuntungan itu disampaikan kepada kerajaan tetapi rakyat jelata menggunakan jalan yang lebih licin sekarang, jalan yang lebih lurus dan juga masa perjalanan pun sudah kurang sekarang, kemalangan di atas jalan raya itu pun sudah turun dan banyak faedah yang telah disampaikan kepada rakyat, kepada pengguna.

Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat lebih baik Yang Berhormat bantu kerajaan untuk memperkenalkan ini. *[Ketawa]*

Tuan M. G. Pandithan: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, penjelasan.

Tuan M. G. Pandithan: Apakah perjanjian, saya bersetuju saya tidak tahu apakah perjanjian. Apakah perjanjian itu, tolong terangkan kepada saya, untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian itu mengandungi lebih dari 3,000 mukasurat. *[Ketawa]* Jadi, ini bukanlah satu perkara boleh dijelaskan dalam Dewan Negara ini, jikalau saya mahu juga memberi penjelasan atas perjanjian sekurang-kurangnya tiga tahun baru sahaja kita boleh selesai. *[Ketawa]* Itu yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Menteri ingin menjemput Ahli Yang Berhormat pergi ke pejabat Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ini kandungan perjanjian yang pertama iaitu kerajaan akan memberi konsesi kepada PLUS atau pada masa itu ialah United Engineers, konsesi untuk 30 tahun di mana mereka akan membina jalan daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru dan selepas itu mereka telah diberi hak oleh kerajaan untuk mengutip tol seperti apa yang saya telah jelaskan tadi. Ada banyak lagi perkara, tetapi perkara itu tidak boleh dijelaskan di sini sekarang, oleh kerana masanya tidak cukup, saya tahu ada banyak Ahli Yang Berhormat ingin membuat soalan mengenai perkara ini, saya minta maaf Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya memujilah Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, Menteri Kerja Raya kerana

dengan sendirinya datang ke Dewan Negara menjawab soalan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini gaji boleh naik sepuluh sen. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, dia seorang sahaja menteri, ini satu pujian kita patut berikan kepada menteri ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya telah membawa perkara ini ke dalam Dewan Undangan Negeri Pahang berkenaan dengan tol di Bentong tetapi tidak mendapat jawapan yang memuaskan. Saya tidak faham, apa dia perjanjian yang telah dibuat dengan konsesi yang dapat, di Bentong kita ada tol, di Gombak kita ada tol lagi, jadi, yang di Bentong ini hendak mengutip duit daripada orang Pahang sahajakah, ataupun orang yang hendak pergi ke Gentingkah?

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan itu, jalan daripada Kuantan ke Kuala Lumpur rosak sangat ini, jadi, kalau sebelum ada tol, sebelum ada jalan yang baik ini, kita hendak pergi ke Kuala Lumpur dari Kuantan lebih kurang lima setengah jam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini jika kita hendak pergi ke Kuala Lumpur kita telah memakan masa dekat enam jam disebabkan pembaikan alignments - di Karak ada, di Bukit Tinggi ada.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Menteri Kerja Raya berfikir untuk menyaman PLUS ataupun NTD yang selalu hendak membela jalan dan membuat jalan dengan tidak teratur - bukit runtuh, bela, jadi kenderaan yang dipandu ke

Pantai Timur berhenti. Bukit tinggi - oleh sebab jalan itu barangkali tidak betul alignmentnya, betulkan sekarang ini. Jadi, tertunggulah pemandu-pemandu untuk melalui jalan ini. Jadi, ini satu kesalahan di pihak konsesi. Adakah pihak kerajaan hendak menyaman dan hendak membetulkan perjanjian itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas.....

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih itu kerana apa? Pujian?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya, pujian. [*Ketawa*]. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa dahulu apabila kita mengadakan perjanjian di antara United Engineers dengan Kerajaan kita telah mengirakan jalan iaitu lebih daripada 300 kilometer telah dibina oleh kerajaan kepada PLUS atas sebab-sebab ekonomi untuk membina jalan. Seperti itu juga, kerajaan telah menyediakan jalan, iaitu dari Kuala Lumpur ke Bentong kepada NTD, di mana perbelanjaan pembinaan itu boleh dapat dikurangkan dan selepas itu mereka tidak meminta lebih kadar tol untuk menggunakan jalan, tetapi perjalanan terjejas di jalan itu, seperti Ahli Yang Berhormat sedar, ada banyak kerja sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kementerian saya sedang mengkaji dan memperbaiki keadaan jalan yang sedia ada dari Kuala Lumpur ke Kuantan. Itu kita akan selesaikan dan selepas itu kita ada juga satu lagi rancangan untuk menswastakan jalan baru ke East Coast, bila selesai itu saya percaya Yang Berhormat boleh menggunakan

jalan itu sampai ke Kuala Lumpur dalam tempoh 2 jam atau 2 jam setengah dari Kuantan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun sukacita mendengarnya.

KOMUTER - TINDAKAN TERHADAP RUMAH SETINGGAN

10. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa KTM Berhad telah berjaya melaksanakan komuter di Lembah Klang walaupun terlewat dari target asal, tetapi masih terdapat rumah-rumah setinggan yang begitu usang dan buruk ditambah lagi dengan hutan semak samun di kiri kanan landasan. Bila agaknya KTMB akan mengambil tindakan terhadap rumah-rumah setinggan ini dan juga langkah yang perlu diambil untuk memindahkan kawasan berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya KTMB telah pun memagar kawasan sepanjang landasan berkembar train komuter elektrik dan tiada rumah-rumah haram di dalam kawasan yang dipagar ini. Memandangkan demikian, pemindahan setinggan tidak timbul.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah masalah pemindahan setinggan tidak timbul, apakah yang menyebabkan ada iklan dalam televisyen mengenai dengan keselamatan orang ramai terhadap komuter ini. Saya minta penjelasan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya, memang kita dapat melihat banyak lagi kampung ataupun rumah yang di bina, sama ada mereka penduduk tanah haram dan juga orang-orang lain, tetapi semua ini adalah di luar kawasan

KTMB, tetapi walau bagaimanapun sebagai satu langkah yang baik, kerajaan melalui kempen-kempen dan iklan-iklan di sepanjang landasan di mana yang mempunyai pagar menasihati orang-orang awam supaya tidak menyeberang landasan keretapi komuter ini dengan sewenang-wenangnya. Ini adalah nasihat kepada orang-orang awam, bukan khusus kepada orang-orang setingan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi satu. Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Mohamad.

Tuan Janggu anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.11

BURUH - KEPERLUAN MENGIKUT TAHAP KEMAHIRAN

11. Tuan Janggu anak Banyang [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) keperluan tenaga buruh negara di semua tahap kemahiran sehingga 2020;
- (b) adakah negara mampu menyediakan bekalan tenaga buruh ini, selaras dengan perkembangan pesat sektor perindustrian negara; dan
- (c) langkah-langkah untuk mengatasi isu ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin

Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan;

- (a) Kementerian Sumber Manusia tiada membuat unjuran keperluan gunatenaga sehingga tahun 2020. Ini memandangkan jangka masa yang

terlalu jauh dan keperluan gunatenaga dipengaruhi oleh banyak faktor termasuk pertumbuhan dan perubahan struktur ekonomi negara, teknologi dan lain-lain.

Walaupun bagaimanapun, kita mempunyai anggaran keperluan gunatenaga sehingga tahun 2020. Walaupun maklumat keperluan gunatenaga mengikut tahap kemahiran tidak terdapat, namun keperluan berdasarkan kumpulan pekerjaan boleh mencerminkan keperluan kemahiran tertentu. Maklumat struktur pekerjaan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut: **Kumpulan Pekerjaan**

Tahun 2000

(i)	Profesional dan teknikal	1,047.2
(ii)	Pengurusan dan pentadbiran	297.9
(iii)	Perkeranian	920.8
(iv)	Penjualan	1,038.2
(v)	Perkhidmatan	1,155.6
(vi)	Pertanian	1,534.7
(vii)	Pengeluaran	3,033.5

Jumlah

9,027.9

- (b) Secara keseluruhannya didapati permintaan tenaga kerja dijangka melebihi bekalan dan kekurangan bekalan akan terasa kepada hampir semua peringkat kemahiran meliputi peringkat mahir, separuh mahir dan tidak mahir. Bagi

pekerjaan bergaji rendah dan tidak mahir seperti pekerjaan-pekerjaan di sektor pertanian, pembinaan dan perkhidmatan akan lebih ketara di sebabkan ketidaksanggupan pekerja tempatan menceburi pekerjaan tersebut. Begitu juga diperingkat profesional dan mahir kita juga masih kekurangan bekalan.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk memenuhi keperluan tenaga buruh selaras dengan keperluan industri di negara ini. Di antara langkah-langkah atau strategi berikut ialah:

- (i) meningkatkan kerjasama dan mendapat khidmat pakar-pakar luar negara bagi mempercepatkan proses pemindahan teknologi seperti menubuhkan lebih banyak institut latihan berteknologi tinggi seperti German-Malaysia Institute, Japan-Malaysia Technical Institute dan sebagainya;
- (ii) menjalankan perogram-program untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh tempatan ke dalam pasaran buruh terutamanya kaum wanita;
- (iii) mengkaji kemungkinan meminda undang-undang buruh bagi menarik lebih ramai rakyat tempatan

- menyertai pasaran buruh;
- (iv) meningkatkan aktiviti latihan melalui penambahan kapasiti institusi latihan sedia ada dan membina lebih banyak institusi latihan dan meningkatkan latihan kemahiran melalui Tabung Pembangunan Sumber Manusia;
 - (v) menggalakkan “mechanisation” dan penggunaan teknologi moden dalam operasi pengeluaran bagi menjimatkan tenaga buruh;
 - (vi) menjalankan program penyesuaian struktur (industrial adjustment) untuk menggalakkan peralihan daripada aktiviti-aktiviti nilai ditambah yang rendah dan yang berintensifkan buruh kepada aktiviti-aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan yang berintensifkan modal dan teknologi;
 - (vii) menggalakkan syarikat-syarikat yang menggunakan buruh melabur secara ‘reverse investment” ke negara-negara sedang membangun yang mempunyai tenaga buruh yang ramai dengan murah; dan
 - (viii) membenarkan secara sementara dan terkawal

kemasukan pekerja asing untuk bekerja di negara ini, meliputi tenaga mahir dan profesional dan tenaga kerja kurang mahir.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 39 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin

Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membawa Usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar Taib]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [27hb. Disember, 1995]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan M.G. Pandithan, sila sambung.

3.40 ptg.

Tuan M.G. Pandithan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mencadangkan Kementerian Pendidikan mengadakan sekolah-sekolah sukan supaya kanak-kanak yang lebih meminati sukan boleh mempelajari di sekolah-sekolah sukan dan juga murid-murid yang tidak mempunyai, dengan izin, the brain to study ataupun the interest to study dan menunjukkan lebih minat di bidang sukan, boleh diberi peluang menjadi juara dalam sukan.

Sekolah sukan ini boleh memberi latihan saintifik (scientific training) kepada pelajar-pelajar. Sekolah-sekolah ini boleh membawa a new lease on life, dengan izin, kepada sukan negara kita dan melahirkan profesional dalam bidang sukan. Seperti yang kita adakan sekarang dalam sistem pendidikan kita iaitu sekolah vokasional, sekolah teknikal dan sekolah agama, apa salahnya kita membentuk sekolah sukan? Ini akan memberi peluang keemasan kepada ibu bapa yang lebih minat anak-anak mereka menjadi seorang profesional dalam bidang sukan.

Ada ibu bapa yang mengimpikan anak-anak mereka menjadi doktor, lawyer, engineer, arkitek dan sebagainya. Tidak boleh dinafikan, ada juga ibu bapa yang mahu anak-anak mereka menjadi profesional dalam bola sepak, badminton, hoki, olahraga dan sebagainya. Oleh kerana itu, saya menyeru kepada kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan supaya mewujudkan sekolah sukan dan memenuhi hasrat golongan yang lebih berminat pada sukan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang penting di kalangan pelajar-pelajar di sekolah kerajaan ataupun di sekolah swasta adalah disiplin.

Tuan Yang di-Pertua, semua aktiviti yang melanggar disiplin berlaku sewenang-wenangnya di semua sekolah pada tiap-tiap hari. Pendidikan Moral tidak mencukupi dan tidak menghalang pelajar-pelajar melanggar disiplin. Murid-murid yang hanya 8 tahun dan 9 tahun umur mereka merokok dan insiden seperti ini yang menyakitkan hati kita memang berlaku di semua sekolah.

Ramai pelajar di sekolah menengah tidak langsung menghormati disiplin. Saya difahamkan bahawa wujud kumpulan haram di semua sekolah menengah dan masalah gangsterism ini adalah begitu teruk di beberapa sekolah; school bully, mengutip protection money, dengan izin, daripada pelajar-pelajar.

Ramai guru dan guru besar sedar apa yang berlaku tetapi rasa takut mengambil tindakan disiplin. Baru-baru ini saya telah membaca dalam surat khabar kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung, National Teachers' Union, Encik N. Sivasubramaniam yang mengatakan murid-murid menghentam guru sekolah apabila beliau mahu mendisiplinkan murid-murid itu. Saya mendesak Kementerian Pendidikan supaya jangan berkompromi dengan disiplin di sekolah-sekolah kerajaan ataupun sekolah-sekolah swasta.

Tuan Yang di-Pertua, disiplin di institusi-institusi swasta lebih teruk daripada sekolah-sekolah kerajaan. Sudah sampai masanya kementerian mengambil tindakan tegas terhadap sekolah-sekolah swasta yang gagal mempertahankan disiplin di kalangan pelajar-pelajar.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya kita kembali kepada penggunaan rotan ke atas murid-murid dalam pendidikan rendah. Tidak salah kita menggunakan rotan untuk mendisiplinkan mereka. Tidak baik ataupun tidak guna negara kita menjadi filthy rich, dengan izin, dan generasi muda kita menjadi filthy bad.

Sudah tiba masa Kementerian Pendidikan mewajibkan disiplin sebagai satu mata pelajaran. Kalau tidak lulus dalam disiplin, maka gagal dalam peperiksaan keseluruhannya. Barulah kita boleh mempertahankan disiplin di kalangan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan masyarakat pelajar yang berdisiplin adalah tanggungjawab bersama. Kita tidak wajar meletakkan beban ini di bahu pihak sekolah. Badan-badan berkuasa terutama pihak polis harus melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam usaha murni ini.

Oleh itu, disarankan supaya ditempatkan seorang pegawai polis di setiap sekolah untuk menjaga disiplin dan perlakuan pelajar. Jadi, penempatan pegawai polis dapat menyekat hal-hal seumpama ini daripada merebak dan menjadi barah disiplin di kalangan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, rokok dan minuman alkohol adalah dua elemen yang boleh merosakkan perkembangan mental dan fizikal seseorang. Amalan merokok merupakan langkah pertama seseorang terjerumus ke dalam kancuh dadah. Amalan ini harus disekat daripada awal lagi kerana ia menjadi punca bagi jenayah lain. Amalan minuman alkohol pula menggalakkan seseorang kepada aktiviti-aktiviti jenayah berat.

Kerajaan harus bertindak lebih tegas dalam menangani hal ini. Salah satu cara yang bijak ialah mengharamkan amalan merokok dan minuman keras di bawah umur 18 tahun. Langkah tegas ini bukan sahaja menyelamatkan golongan muda, malah menjamin masa depan negara yang lebih cerah. Golongan muda hari ini adalah pemimpin masa depan. Pemimpin masa depan harus mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang unggul untuk menangani masalah domestik dan global.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah merupakan tapak semaian yang sangat penting dalam perkembangan mental dan jasmani seorang pelajar. Pelajar yang menghadapi masalah penyesuaian diri dengan alam sekolah akan dihantui oleh pelbagai gejala antisosial.

Masalah penyesuaian diri dengan alam sekolah biasanya berpunca dari dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman yang dimaksudkan di sini ialah personaliti, keyakinan diri, inisiatif dan tanggungjawab. Faktor luaran pula bermaksud pengawalan dan pengawasan ibu bapa, pengaruh persekitaran termasuk rakan-rakan sebaya dan media massa. Untuk menangani kedua-dua masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar, disyorkan supaya menubuhkan kelab kebajikan pelajar-pelajar di setiap sekolah menengah. Kelab kebajikan ini boleh memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk menyuarakan masalah-masalah mereka kepada pihak atasan dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti ekstra kurikulum yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan untuk menghadiahkan alat-alat sekolah vokasional kepada Midas Institute of Technology yang membantu orang miskin dari semua kaum sama ada pelajar-pelajar Melayu, Cina ataupun India dalam pendidikan teknologi.

Dengan ini, saya bagi pihak parti IPF dan masyarakat India khasnya golongan rendah, golongan miskin, golongan buruh kasar dan golongan estet menyokong Akta Pendidikan 1995 ini dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Semalam Tuan M.G. Pandithan ingin mencabar.

Tuan M.G. Pandithan: Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana semalam memberi komen ataupun satu compliments. Saya anggap itu satu tonik kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham. Puan Kian Sit Har.

3.49 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pandangan dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Pembentangan Akta Pendidikan adalah struktur dan nadi pendidikan kepada negara ini. Maka sudah tentu ia menarik perhatian dan pertimbangan berat daripada semua pihak terutamanya dari badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan pendidikan.

Sikap prihatin ini adalah baik dan patut diberikan galakan. Akta Pendidikan baru yang dibentangkan yang bertujuan melahirkan lebih ramai anak didik yang berkualiti lagi bermoral serta berpengetahuan adalah merupakan satu akta yang komprehensif bagi tujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan merealisasikan sebuah negara yang maju.

Dalam Akta ini, semua aspek pendidikan diberikan tempat yang wajar. Pendidikan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke institusi pengajian tinggi telah diberikan penekanan. Penekanan khusus juga diberikan kepada pendidikan vokasional dan perkembangan pendidikan teknologi yang bersesuaian bagi mencapai status negara maju.

Keraguan yang selama ini dibimbangi oleh masyarakat Cina berhubung dengan Perkara 21, subseksyen (2) yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1961 telah dimansuhkan. Menurut Akta berkenaan, Menteri Pendidikan diberikan kuasa menukarkan semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah

Jenis Kebangsaan Tamil kepada sekolah kebangsaan apabila difikirkan masa bersesuaian. Keraguan sekali gus telah diatasi dan ia merupakan berita baik kepada kita semua.

Akta Pendidikan baru mengesyorkan bahasa-bahasa ibunda di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dikekalkan sebagai bahasa perantaraan iaitu bahasa Cina dan bahasa Tamil. Namun begitu, bahasa Malaysia merupakan mata pelajaran teras. Dengan pemansuhan Perkara 21, subseksyen (2), Akta Pendidikan 1961 adalah langkah yang bijak dan patut diberikan pujian yang mana selama ini perkara tersebut banyak mendatangkan keraguan kepada masyarakat Cina di negara ini.

Namun begitu, Akta Pendidikan 1995 masih tidak dapat memenuhi pihak Pertubuhan Pendidikan Cina yang mana mereka bimbang dalam pelaksanaan nanti, sedikit sebanyak akan berlaku penyelewengan. Keraguan satu pihak terhadap pihak yang lain adalah satu perkara yang biasa. Namun begitu kejayaan dan perpaduan rakyat sebuah negara banyak bergantung kepada sikap tolak ansur dan kepercayaan di antara kedua-dua pihak. Rasa keraguan yang teramat sangat bukan sahaja akan menggugat perpaduan nasional, tetapi juga akan mendapat kemudaratan. Sikap ragu-ragu dari Pertubuhan Pendidikan Cina tidak harus dipandang sebagai pihak pembangkang atau anti nasional kerana keraguan mereka timbul adalah semata-mata kerana keprihatinan mereka terhadap perkembangan pendidikan dan masa depan negara.

Perkembangan ekonomi negara yang pesat serta bertahan selama 8 tahun berturut-turut telah meletakkan negara kita di satu tahap yang mengagumkan. Namun begitu, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad masih berpendapat perkembangan pendidikan masih jauh dan tidak setimpal dengan perkembangan ekonomi yang dimaksudkan.

Saya berpendapat, untuk mencapai tujuan tersebut, kita harus mempunyai sistem pendidikan yang berkualiti serta dasar pendidikan yang terbuka. Sistem kuota di pusat-pusat pengajian tinggi yang selama ini menjadi isu perbincangan hangat tidak dapat dinafikan telah melahirkan serta meninggikan taraf pendidikan kaum bumiputera di negara ini. Sistem kuota ini harus dikaji semula bagi memenuhi perkembangan pendidikan dan kemajuan kemasyarakatan serta keperluan-keperluannya di masa hadapan.

Adalah juga diharapkan pihak kementerian dapat mengiktiraf kelulusan-kelulusan daripada sekolah-sekolah persendirian Cina yang sebanyak 60 buah. Sekolah-sekolah persendirian ini telah banyak melahirkan anak-anak bangsa yang berpotensi serta mendapat pengiktirafan daripada negara-negara maju yang lain dan mereka ini telah diberikan tempat di negara-negara tersebut.

Usaha kerajaan bagi menarik para cerdik pandai negara yang berkhidmat di luar juga adalah satu langkah bagi memenuhi keperluan negara. Dalam usaha ini, adalah juga bijak jika sekolah-sekolah persendirian Cina juga diiktirafkan sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara. Seorang profesor bahasa telah

berkata, “hidup di dunia hanya mengetahui satu bahasa sahaja adalah diibaratkan menghuni sebuah rumah yang besar, tetapi hanya terkurung di dalam sebuah bilik sahaja”. Dengan ini, kebolehan dan kemahiran bagi menguasai lebih daripada satu bahasa akan menjadikan seseorang lebih sempurna dan juga diibaratkan mempunyai pasangan mata dan telinga tambahan yang akan membawa lebih banyak faedah kepada pemiliknya.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ramai yang berminat ini. Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang.

3.57 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bagi pihak kaum Iban di Sarawak dan ingin mengambil kesempatan ini menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini.

Oleh kerana Rang Undang-undang Pendidikan ini yang lebih penting untuk semua kaum di seluruh Malaysia ini, lebih-lebih lagi kerana Rang Undang-undang ini, pendidikan kita lama belum diubah dan masa kini kita mengubahkannya untuk masa depan.

Saya ingin menyentuh tiga perkara dalam Rang Undang-undang ini. Untuk perhatian Menteri Pendidikan, dalam satu mata pelajaran iaitu mata pelajaran satu kaum di Sarawak, kaum yang lebih banyak iaitu Iban. Dalam tahun yang lalu,

mata pelajaran bahasa Iban telah dipelajari di dalam prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya ingin menyentuh perkara ini untuk dipertimbangkan sebagai satu mata pelajaran, lebih-lebih lagi kepada penduduk di Sarawak keseluruhannya, kebanyakan murid-murid bangsa Iban banyak memasuki sekolah di pedalaman. Oleh itu, saya harap Kementerian Pendidikan mengambil berat dalam perkara ini oleh kerana jikalau mata pelajaran ini tidak diambil, lama kelamaan bahasa Iban boleh lenyap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Janggu, berhenti sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Janggu, sila teruskan.

Tuan Janggu anak Banyang: Saya harap perkara ini boleh dipertimbangkan. Kita lebih tahu masa kini kalau di bandar anak-anak kita telah dididik dengan bahasa Orang Putih, English, dengan izin. Saya sudah sebutkan tadi, lama kelamaan bahasa sendiri tertinggal jikalau kita tidak mengambil berat dalam perkara ini. Oleh sebab itu juga, ini patut mungkin pada masa akan datang akan boleh diperluaskan kepada mana-mana mata pelajaran, sesiapa sahaja yang minat dalam bahasa Iban ini.

Kedua, saya ingin juga minta perhatian iaitu dalam mata pelajaran lebih-lebih lagi anak-anak kita bumiputera yang lebih lemah dalam mata pelajaran

Matematik, English dan sebagainya. Ini saya harap Kementerian Pendidikan lebih memberi perhatian kepada anak-anak kita lebih-lebih lagi murid-murid di pedalaman yang amat lemah sekali dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Kita lebih tahu pada masa kini mata pelajaran Matematik dan Sains iaitu lebih penting digunakan dalam bahasa dan kerja harian kita masa kini. Oleh kerana kita akan mengalami alat-alat canggih oleh negara kita Malaysia, tentu akan mengguna pekerja-pekerja yang mahir dan profesional dalam mata pelajaran Sains dan Matematik ini untuk mencapai cita-cita kita dalam Wawasan 2020 kelak.

Daripada itu juga, saya ingin menyentuh dalam hal pentadbiran. Hal pentadbiran kalau kita banding dengan pengurusan iaitu nazir sekolah. Di bandar kalau kita ada masalah cepat diatasi. Tetapi di Sarawak, saya mengambil contoh, kalau sekolah di pedalaman, pengangkutan yang sukar didapati yang memakan masa yang lebih panjang. Kita selalu menghadapi masalah iaitu kekurangan buku dan kekurangan makanan dan lain-lain juga. Di sekolah pedalaman oleh kerana pengangkutan yang sukar didapati, masalah ini selalu timbul. Saya berharap Kementerian Pendidikan mengambil berat perkara ini dan juga apabila kita menghantar guru-guru lebih-lebih lagi guru lepasan maktab, akan dihantar ke pedalaman. Guru-guru itu telah menunggu beberapa minggu di kawasan masing-masing untuk mendapatkan pengangkutan untuk mereka sampai ke sekolah-sekolah pedalaman. Oleh itu, saya berharap Kementerian Pendidikan mengambil perhatian tegas kepada hal ini dan juga saya berharap nazir-nazir sekolah bukan

hanya melawat sekolah pedalaman tetapi kebanyakan perkara-perkara yang patut dikemukakan apabila mereka melawat sekolah-sekolah pedalaman, semua masalah itu patut dibawa kepada pihak berkuasa untuk menguruskan, mempercepatkan semua masalah itu untuk mengelakkan kerumitan.

Selain daripada itu, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan juga tidak terlupa untuk mengadakan bukan hanya di negeri Sarawak tetapi di seluruh Malaysia, satu sekolah; saya lihat dalam rang undang-undang ini tidak disentuh; iaitu sekolah untuk orang-orang bisu dan pekak. Saya berharap sekola ini juga akan memberi perhatian kepada kita semua.

Untuk mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi memohon menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.

4.07 ptg.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, kita kini berada di persimpangan untuk mencapai kecemerlangan dalam dunia pendidikan negara. Pembentangan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 memberi kita peluang yang cukup luas untuk membuat teguran membina bagi memastikan rang undang-undang ini menjadi sempurna dan lengkap untuk dilaksanakan demi kepentingan golongan pelajar, tenaga pengajar

dan pendokong bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat banyak keistimewaan yang terdapat di dalam akta ini. Memang benarlah tempoh hampir satu dekad dihabiskan untuk menggubal rang undang-undang ini, kerana ia mencakupi hampir semua bidang dan sektor pendidikan negara. Pendidikan di sekolah dan di institusi kini lebih terurus dan terbela dengan memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Malaysia digunakan secara meluas.

Penubuhan tadika pula harus memenuhi beberapa kriteria yang ketat bagi mengelakkan pihak yang tidak bertanggungjawab memesongkan pemikiran kanak-kanak daripada landasan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah memberi peluang kepada pelajar pintar untuk melompat kelas di peringkat sekolah rendah yakni dengan membolehkan tempoh pengajian dipendekkan menjadi 5 tahun amat dialu-alukan. Pelajar tahun dua boleh melompat ke tahun empat misalnya, memberi ruang kepada mereka untuk meraih kecemerlangan tanpa menunggu lebih lama lagi, manakala pelajar yang kurang pintar pula boleh terus belajar 7 tahun bagi mempersiapkan mereka ke peringkat menengah kelak.

Dalam pada itu, kemungkinan mewujudkan kelas khas untuk kanak-kanak yang berumur 6 tahun memulakan alam persekolahan adalah wajar memandangkan mereka telah lebih awal terdidik di tadika yang menyaksikan kecemerlangan di peringkat prasekolah lagi. Cuma perlu dipastikan agar tenaga pengajar yang akan

berperanan mengelola dan mengajar di sekolah ini adalah mereka yang benar-benar ikhlas dan komited dalam erti kata tidak menyimpan apa-apa perasaan buruk dan syak wasangka, sekiranya anak sendiri tidak tergulung dalam kategori pelajar pintar ini. Hal ini perlu dipastikan agar niat murni kerajaan untuk melahirkan barisan yang cemerlang di kemudian hari kelak sesuai dengan matlamat memenuhi wawasan negara tidak terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, pemantapan kedudukan Bahasa Kebangsaan dalam segenap bidang pendidikan di bawah rang undang-undang ini memberi harapan yang cerah, bahawa bahasa yang berdaulat ini akan terus segar menyubur dalam hati sanubari golongan pelajar, cendikiawan, tenaga pengajar dan sebagainya.

Kesungguhan kerajaan memancang usaha untuk mengukuhkan kedudukan bahasa watan ini amat dihargai di tengah-tengah kemelut dan nista segolongan masyarakat yang sentiasa menyinga, kononnya tiada usaha konkrit mendokong Bahasa Kebangsaan, lantaran kemasyuran bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan komunikasi sejagat.

Selepas ini saya berharap tiada lagi pihak yang sewenang-wenangnya mempolemikkan isu ini kerana tiada asas yang kukuh untuk memperkecilkan usaha kerajaan. Apa yang saya harapkan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka lebih menjurus kepada penterjemahan lebih banyak buku ilmiah peringkat tinggi seperti di dalam bidang sains, perundangan, teknikal dan perubatan untuk membantu para siswa dan siswi membuat rujukan tanpa perlu lagi membaca dan kemudian

bersusah payah pula menterjemah fakta dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

Memang tidak dapat dinafikan peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan sejabat, namun jika Bahasa Kebangsaan ingin diletak di tempat yang bermartabat, maka sekurang-kurangnya Bahasa Kebangsaan diseimbangkan peranannya dengan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan terhadap pengajaran pendidikan Islam kepada para pelajar Islam dan moral kepada bukan Islam di institusi swasta adalah satu komitmen untuk membina nilai akhlak dan akal budi yang tinggi di kalangan para pelajar. Kalau dahulu pengajaran bidang-bidang ini tidak dipentingkan, maka kini sesuai dengan hasrat untuk melahirkan masyarakat yang berpelajaran dan memiliki ciri-ciri mulia yang bebas dari kongkongan dan desakan sosial yang semakin gawat. Maka sebagaimana sekolah bantuan kerajaan, sekolah dan institusi swasta perlu mengambil kira kepentingan nilai akhlak bagi melengkapkan insan yang boleh memikul tanggungjawab, membangun dan membina bangsa, agama dan negara.

Saya juga berharap cadangan untuk mewujudkan mata pelajaran Pengajian Bahasa Malaysia di institusi swasta perlu direalisasikan memandangkan pentingnya pengetahuan pelajar mengenai bahasa, budaya, adat resam, sosio politik dan sebagainya yang boleh membantu mereka memahami dan seterusnya menyayangi negara sendiri.

Bagi yang bukan warganegara pula mereka dapat mendalami keunikan

sosio budaya tempatan dengan latar belakang sejarah kaum kesenian dan budaya yang unik dan kaya. Bak kata pepatah ‘di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung’. Demikianlah pentingnya pengetahuan dan pemahaman tentang keistimewaan Malaysia sebagai negara tempat bernaung dan mendapat rezeki yang melimpah ruah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa ketika sebelum ini, kita dikejutkan dengan berita beberapa institusi swasta dalam kehairahan mereka untuk memancing pelajar menuntut di tempat mereka, telah memalsukan identiti kelayakan, kemampuan dan sebagainya sehingga pihak kerajaan tertipu. Namun muslihat itu tidak bertahan lama apabila tembelang tersebut pecah hasil maklumat orang ramai, lebih-lebih lagi golongan pelajar yang tertipu. Oleh itu, denda sebanyak RM50,000 untuk kesalahan memalsukan dokumen kelayakan institusi amatlah wajar sesuai dengan sikap buruk yang ternyata mencemarkan nama baik institusi tempatan khasnya dan dunia pendidikan amnya.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat untuk mengekalkan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) boleh diteruskan asalkan kedaulatan Bahasa Kebangsaan tidak terjejas. Perlu dipastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan tidak terpinggir di sekolah-sekolah berkenaan. Apalah yang dirisaukan jika pelajar yang bijak dan rajin mereka tidak merasa rugi menguasai dan mendalami bahasa lain selain bahasa ibunda kerana keupayaan menguasai lebih banyak bahasa dapat menjadi aset penting untuk menerokai bidang ilmu dan kemahiran di mana sahaja dengan

penuh yakin untuk berjaya. Benarlah kata pepatah lagi ‘benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau. Mutiara yang berharga pasti bercahaya walau tercampak ke dalam lumpur’.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya juga berharap pihak kementerian dapat menyediakan modul latihan yang lengkap kepada para pegawai pendidikan negeri, pensyarah, guru-guru dan guru-guru tadika agar dapat menjalani latihan secukupnya demi menjayakan dasar-dasar dan usaha-usaha yang dimaktubkan di dalam Rang Undang-undang Pendidikan ini. Tiada gunanya cadangan yang baik dan bernas diutarakan sedangkan tenaga pelaksanaan terus dibelenggu semangat dan azam lama, masih berperanan sebagaimana biasa tidak sepadan dengan pembaharuan atau reformasi yang diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai yang berminat untuk berucap, sebelum kita teruskan, saya ingin nasihatkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat meringkaskan ucapan selama 7 minit. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

4.19 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun

Haji Abdul Razak, kerana ucapannya yang jitu, berani dan tegas semasa membentangkan Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Yang Berhormat Dato' Seri juga telah menyakinkan kita bahawa rang undang-undang ini adalah teras untuk membentuk warganegara Malaysia yang tulen, seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Saya berharap semua perkara yang termaktub dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh semua pihak, dari kalangan guru-guru, pengelola sekolah, pegawai-pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah hingga kepada Menteri sendiri bagi memastikan undang-undang tersebut dikuatkuasakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, izinkan saya menyentuh sedikit tentang perkembangan sekolah swasta pada masa kini di negara ini. Walaupun sebelum ini telah ada akta tentang sekolah swasta tetapi dengan adanya Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini, soalan sekolah swasta seperti kelayakan gurunya, kemudahan bilik darjahnya, keselamatan bangunan dan para pelajarnya, seterusnya yurannya sekali perlu diawasi oleh semua pegawai pendidikan yang terlibat bagi memastikan pelajar yang belajar di institusi pendidikan swasta tersebut tidak dianiayai.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu iklan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa institusi pendidikan swasta ini menggambarkan semuanya baik, cemerlang, termoden dan entah apa-apa lagi 'ter', tetapi sayangnya iklan-iklan tersebut cuma indah khabar dari rupa. Paling ketara kadangkala cuma terdapat satu tangga keluar masuk atau naik turun ke pusat pendidikan tersebut, cuba bayangkan apakah yang akan terjadi bila berlaku kebakaran sedangkan di tingkat dua dan tiga bangunan pendidikan swasta tersebut terdapat lebih 100 orang pelajar? Diharap semua pegawai terlibat dengan hal ini memberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang Pendidikan 1995 membenarkan penubuhan kolej swasta melaksanakan program berkembar dengan universiti luar negara, saya percaya semua ahli Dewan yang mulia ini sependapat dengan saya supaya pihak Kementerian Pendidikan mengawasi piawai atau dengan izin, standard kolej, universiti berkenaan. Negara tidak mahu melahirkan beribu-ribu orang jurutera tetapi bila kita siap bina jambatan, dua atau tiga bulan kemudian jambatan mula retak, pecah dan rosak. Bagi saya biarlah bilangan universiti kita terhad tetapi mampu mengeluarkan jurutera dengan

izin, first class yang boleh membina kapal angkasa lepas atupun satelit kita sendiri. Kita mahukan kualiti diberi keutamaan di samping kuantiti.

Saya berkeyakinan Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan menggunakan kuasa yang diberi kepadanya oleh undang-undang ini untuk mengambil tindakan yang bijak bagi menangani perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan ini, izinkan saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya menimbang semula mata pelajaran teras pada peringkat sekolah menengah, maksud saya masukkan semula mata pelajaran Geography sebagai pilihan bersama sejarah di peringkat tingkatan empat dan lima. Ini adalah selaras dengan keputusan Seminar Pendidikan Geography Kebangsaan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada bulan Oktober yang lalu. Mata pelajaran Geography adalah penting bagi pelajar mengetahui tentang pembangunan yang berlaku dalam negara sekarang ini dan kesannya yang kita rasai sekarang, banjir yang berlaku kerana pegawai perancang tidak arif tentang geography kawasan yang hendak dibangunkan. Saya mohon Menteri Pendidikan mempertimbangkan syor saya ini dengan sebaik-baiknya.

Begitu juga dengan sekolah menengah vokasional, kalaulah hendak ditutup, beransur-ansurlah sedikit demi sedikit. Tentang sekolah yang tidak ada kemajuan, saya takut dan bimbang penuntut yang kurang mahir akan jadi lebih buruk nasibnya; bertambahlah masalah remaja walhal penuntut ini jika pandai boleh kita masukkan di kilang-kilang yang banyak lagi menanti untuk bekerja daripada kita menerima orang pendatang.

Lain tidak ada apa Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

4.25 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibawa semalam oleh Timbalan Menteri Pendidikan di Dewan Negara ini. Ini merupakan ucapan yang terpendek saya di dalam Dewan kerana mematuhi masa lebih kurang 5 - 7 minit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Pahang, Rang Undang-undang Pendidikan ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak memberikan saya

pemberangsangan yang kuat kerana ianya menular daripada anak sulung kepada Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah pun membawa Penyata Razak pada mula kita merdeka dahulu dan disusuli pula oleh seorang Menteri Pendidikan atau Menteri Pelajaran dari Pahang juga iaitu Laporan Rahman Talib dan kini selepas Akta 61, 89 kini 95 Akta Pendidikan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan cara pendekatan atau *modus operandi* yang akan dibawa oleh Kementerian Pendidikan bagi menentukan Rang Undang-undang Pendidikan ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana ianya begitu lengkap, disusun begitu rapi tetapi soalnya sekarang adakah nafsu yang besar ini dapat kita capai dengan keupayaan yang terhad?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang sains dan teknologi yang kini dilaung-laungkan di merata-rata seluruh pelosok negara. Adakah soal sains dan teknologi ini, pada kita masyarakat kita, terutama masyarakat luar bandar telah pun dapat menikmatinya dan dapat mengikutinya sehinggakan kita dapat mencapai cita-cita kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai lunas-lunas sains dan teknologi ini?

Kita terbaca dalam surat-surat khabar, baru-baru ini kita dapati pelajar-pelajar, penuntut-penuntut di pinggiran telah pun mengalami math-fobia iaitu takut kepada ilmu hisab, takut kepada perkiraan atau matematik. Kita juga dengar pada satu ketika dahulu, pihak kerajaan berjaya meningkatkan bilangan-bilangan bumiputera di dalam bidang-bidang profesional seperti kejuruteraan, bidang jurutera, perubatan, akauntan, lawyer dan sebagainya yang bersangkutan paut dengan sains dan teknologi. Kita ingin tahu sekarang, adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan pencapaian kaum bumiputera di dalam bidang profesional ini kerana ianya berasaskan kepada sains dan teknologi.

Kalau sekiranya pihak kerajaan mendapati bahawasanya kaum bumiputera masih tercicir ke belakang di bidang sains dan teknologi dan pada yang sama kita merangkakan dasar sains dan teknologi bagi menyahut perkembangan ekonomi semasa. Kalau sekiranya wujud sangkaan seperti ini, saya ingin mengesyorkan bahawasanya satu jawatankuasa khas untuk hendak meninjau krisis yang dihadapi oleh masyarakat kita. Adakah kita sekarang ini tercicir atau sengaja dicicirkan di dalam arus perdana mengejar bidang sains dan teknologi ini? Dan apakah sebab- sebabnya dan cara-cara hendak mengatasinya

sehinggakan kita mempunyai keyakinan bahawasanya Wawasan 2020 yang hendak melahirkan generasi yang mampan, yang kuat di dalam bidang sains dan teknologi ini tidak meninggalkan kaum bumiputera.

Di dalam hal yang sama, saya juga ingin mencadangkan supaya ada jangka waktu yang ditetapkan oleh pihak kerajaan di dalam bidang penterjemahan. Kita dapati dan disebutkan oleh banyak pihak dalam Dewan yang mulia ini, terjemahan yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kini jauh ketinggalan di belakang. Dan ilmu pengetahuan, terutama dalam sains dan teknologi ini adalah ilmu pengetahuan yang cepat dilahirkan, terutama sekali di dalam bahasa Inggeris, bahasa Jerman dan bahasa Jepun. Adakah kita mempunyai satu kumpulan penterjemah, task force, baik di dalam bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa Jepun bagi menentukan anak-anak Melayu yang lebih mahir dalam Bahasa Kebangsaan dapat menimba ilmu pengetahuan ini dengan secepat mungkin. Ataupun adakah kita ketinggalan tiga tahun kemudian dan bertimbun-timbun teori-teori baru untuk menghempap minda kita yang tidak dapat kita ikuti.

Jadi, saya syorkan kepada pihak kementerian tentukan satu jawatankuasa khas, satu task force khusus untuk menterjemah dengan secepat mungkin, kita syorkan setahun atau enam bulan, setiap jurnal, makalah ataupun buku-buku sains teknologi yang dikeluarkan oleh profesor-profesor dari Amerika, dari Jerman, dari Jepun, enam bulan kemudian murid-murid kita di peringkat institusi tinggi menerima dan memahaminya. Kalau tidak, kita sangsi dasar pendidikan yang berteraskan kepada sains dan teknologi ini dapat diikuti oleh anak bangsa kita.

Saya ingin juga sentuh tentang murid-murid yang pintar. Baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar sekolah untuk murid-murid pintar yang wujud di Carlifornia, yang dipanggilkan 'magnet school,' sekolah besi berani. Salah seorang anak Malaysia yang telah pergi ke Amerika, bukan ke sekolah ini kerana mempunyai kepintaran yang amat tinggi ialah Chiang Ti Meng. Ia mendapat perbelanjaan khusus daripada menteri-menteri Kabinet di Malaysia, kerana memerlukan ayahnya mengikuti murid ini untuk pergi belajar di universiti di Carlifornia. Kita ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik dan ramai lagi yang memberi bantuan. Soalannya sekarang, adakah pihak kerajaan bercadang untuk melebihi lompatan yang kita dengar beberapa hari ini kepada murid-murid yang pintar ini, kita anjurkan supaya mereka dapat mengikuti kursus-kursus di peringkat universiti tempatan, di mana ayahnya berdekatan dan tidak perlu lagi dihantar ke Amerika dan ke mana-mana sahaja.

Point yang ketiga, kualiti pendidikan - saya hendak menyebut ini dengan panjang lebar sedikit,

kerana kita dapati, kalau betul atau tidak kita hendak mendapat kepastian daripada kementerian, ijazah perubatan kita sekarang ini tidak lagi diiktiraf di peringkat antarabangsa. Adakah ini merunsingkan kita ataupun kita hanya tidak mempedulikan pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Kalau kita mahu ijazah kita diiktiraf di peringkat antarabangsa, soalnya kenapa pendidikan ataupun pengajian perubatan ini tidak diiktiraf? Yang kedua, kita dapati ijazah kelulusan pengajian Islam - baru-baru ini saya dengar, dalam surat khabar saya tengok, Universiti Islam Antarabangsa tidak diiktiraf oleh JPA. Cuba bayangkan satu ijazah yang dikeluarkan oleh universiti tempatan kita, tidak diijazah oleh kerajaan kita sendiri, ataupun mungkin terlambat untuk mengiktirafkan, saya pun tak berapa faham. Tetapi kalau sekiranya ini berlaku, menunjukkan bahawasanya kita sendiri tidak mempunyai kepercayaan kepada institusi pengajian tinggi yang kita sendiri tubuh. Ini memalukan kita. Dan lebih-lebih lagi memudaratkan mereka yang pergi sampai tiga-empat tahun belajar di Universiti Islam Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kita dapati juga di Universiti Islam Antarabangsa memberitahu kepada orang ramai bahawasanya pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus matrikulasi bidang kejuruteraan hanya dapat diisi sehingga 60%. Ini menunjukkan bahawa kita sendiri sekarang ini tidak menyediakan anak-anak kita untuk melanjutkan pendidikan untuk mendapatkan C-3 saya difahamkan dalam bidang-bidang mata pelajaran sains. Kalau sekiranya perkara ini berlaku, saya amat sangsi dengan dasar kita untuk mencapai satu masyarakat yang berteraskan kepada sains dan teknologi.

Inilah tiga-empat perkara dalam masa enam minit. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Ding Seling: Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

4.35 ptg.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di Dewan Rakyat baru-baru ini dan seterusnya dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada petang semalam.

Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia yang telah berjaya menangani berbagai masalah dalaman di kementerian dan seterusnya mengenakan banyak perubahan positif sejak beliau dilantik pada 8hb.

Mei yang lalu. Di antaranya rombakan besar-besaran melibatkan enam buah jabatan baru dalam usahanya menentukan perancangan pendidikan negara menjurus sebagai pusat kecemerlangan di rantau ini.

Di sini saya ingin menyarankan di samping mewujudkan bahagian-bahagian baru, bahagian-bahagian lama yang merugikan dari segi masa, tenaga dan wang ringgit haruslah direview, dengan izin, dan diberi perhatian. Contohnya, di bahagian teknologi pendidikan, kajian hendaklah dibuat tentang keberkesannya. Bayangkanlah satu kelas 50 orang murid mendengar radio atau menonton TV yang rancangannya belum tentu boleh disesuaikan dengan keadaan persekitaran.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 adalah lebih menyeluruh dan pelaksanaannya merangkumi semua kategori, iaitu sekolah kerajaan, bantuan kerajaan dan swasta serta semua peringkat persekolahan yang bermula dari prasekolah hinggalah ke pendidikan tinggi. Pelaksanaan ini mengharuskan pelaksanaan yang selaras atau uniform ini mengharuskan penggunaan satu kurikulum kebangsaan dan dengan itu menstandardkan, dengan izin, sistem peperiksaan dibuat di atas pengetahuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini, saya yakin Bahasa Kebangsaan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan akan diperkukuhkan dan diperluaskan pemakaiannya apabila bahasa ini diwajibkan di semua peringkat persekolahan dan di semua kategori di samping penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan bahasa-bahasa lain juga tidak diabaikan. Ini adalah satu langkah yang bijak dan berpandangan jauh bagi menentukan arah dan matlamat Malaysia menuju sebagai negara maju, berpadu dan berjaya menjelang abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi penenakan khas kepada para guru. Saya ada terbaca di dalam akhbar, di mana beliau memberi jaminan, iaitu di bawah kepimpinannya, kementerian akan hanya melaksanakan dasar-dasar baru yang disokong oleh guru sebagai kumpulan pelaksana.

Kebajikan guru telah diberi perhatian khas. Sebagai contoh, satu jawatankuasa khas untuk mengkaji kebajikan guru-guru telah pun ditubuhkan. Saya amat berharap Pengerusi Jawatankuasa ini, iaitu Tan Sri Abdul Rahman Arshad dapat menumpukan perkara utama mengenai masalah-maslaah guru, seperti skim gaji sesuai dengan beban tugas dan peluang masa depan profesion perguruan. Cadangan menubuhkan universiti perguruan amat dialu-alukan bagi menentukan profesion perguruan di tahap

kecemerlangan dan martabatnya dipertingkatkan. Masalah perumahan juga hendaklah diberi perhatian dan pelaksanaan segera. Di Jepun sebagai contoh, rumah guru adalah rumah yang terbesar di tiap-tiap daerah yang disubsidise oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan martabat dan maruah guru.

Tindakan proaktif kerajaan memansuhkan skim guru sandaran mulai Januari 1997 juga adalah dialu-alukan. Langkah kementerian mewajibkan pelajar bumiputera yang mendapat A dan B dalam Matematik di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan dalam Sijil Pelajaran Malaysia adalah satu cadangan yang baik juga.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya mendapat maklumat bahawa pelajar-pelajar sekolah sains berasrama yang gagal mendapat 8A dalam PMR, terutama dalam mata pelajaran Sains dan Matematik yang berjumlah seramai 700 orang telah diarah keluar dari asrama. Memandangkan mereka ini dari golongan yang terpilih, saya rasa tindakan demikian adalah sangat drastik dan tidak wajar. Di manakah maruah mereka apabila dihantarkan ke sekolah lain kelak. Pihak kementerian haruslah mengambil kira faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan ini. Kemungkinan juga kegagalan pentadiran sekolah, guru-guru atau tekanan emosi dari masalah ibu bapa mereka. Saya ingin menyarankan mereka ini diberi peluang kekal di asrama hingga ke tahap tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, otak yang cergas datang dari makanan yang berzat. Di sini saya ingin menyentuh tentang rancangan makanan tambahan kepada murid-murid miskin yang acapkali berlaku keracunan dan tidak menjamin khasiatnya. Seperti di Jepun juga, makanan yang diberi kepada murid-murid ini mengandungi zat yang tinggi, yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan. Saya berharap pihak kementerian memberi perhatian khas mengenai hal ini.

Menyentuh tentang bebanan yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa kerana yang pertama, harga buku teks yang melambung tinggi, saya menyarankan supaya para penerbit menggunakan kertas yang lebih murah dan ditentukan buku-buku ini boleh dipakai dari tahun ke tahun. Di sini pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mestilah menentukan istilah-istilah atau kandungannya tidak ditukar sewenang-wenangnya dan bertukar kerana hendak ditukar oleh pihak-pihak tertentu.

Yang kedua, bebanan membayar bermacam-macam yuran, yuran padang, yuran khutub khanah, yuran sukan dan lain-lain hendaklah diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berdoa setiap yang terlibat iaitu para pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan, para pendidik dan ibu bapa memberikan sokongan yang penuh kepada usaha menteri dan kerajaan bagi memastikan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini berjaya mencapai matlamatnya dan menjadikan Malaysia pusat pendidikan world class seperti yang didam-idamkan. Adalah tidak mustahil kita mencapai tahap world class kerana kita telah pun mempunyai Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin bertaraf world class. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

4.41 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu baru-baru tadi kita telah pun meluluskan satu Usul untuk menyempurnakan semua kerja kita sebelum pukul 12.00 oleh itu kita ada masa sampai pukul 12.00 pagi ini, jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua, diberilah masa

Seorang Ahli: 12.00 malam.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: 12.00 malam, minta maaf,

bukan 12.00 pagi. Kalau 12.00 lebih sudah masuk besok, jadi kita tak boleh melanggar daripada Usul kita tadi.

Jadi, oleh itu, kalau kita sampai pukul 12.00 malam ini, rasa saya kita ada masa untuk berucap dan membahaskan Akta Pendidikan 1995, kalau tujuh minit, saya rasa saya boleh bahaskan satu Fasal sahaja. Jadi, Tuan yang di-Pertua, saya merayu untuk membenarkan saya untuk berucap dan membahaskan sekurang-kurangnya 15 minit, itu pun saya sudah potong banyak.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Tuan Ding Seling: Bolehlah, potong-potong yang elaboration, dengan izin. Boleh teruskan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, bila potong perjalanan otak saya pun terpotong. *[Ketawa]* Jadi, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berucap serta membahaskan Akta Pendidikan 1995 yang telah pun dan masih diperkatakan dan dibincangkan oleh segenap lapisan rakyat di negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini amat penting, oleh itu, pada petang ini kita bersama-sama mengambil bahagian untuk membahaskan satu akta yang bersejarah kepada saya. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib, Menteri Pendidikan yang saya hormati kerana telah

berjaya membawa ke Dewan Rakyat, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dan mendapat kelulusan Dewan yang mulia itu.

Pada petang semalam, Timbalan Menteri Pendidikan, sahabat saya, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus telah selesai membentangkan di Dewan Negara dengan memberi penerangan dan penjelasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini. Saya mengucapkan syabas kepada beliau yang masih lagi ada bersama kita pada petang ini dan saya tak nampak timbalan menterih, parliamentary secretary, jauh sekali menterih yang ada bersama kita pada petang ini.

Akta Pendidikan 1995 yang diluluskan di Dewan Rakyat dan insya-Allah akan diluluskan di Dewan Negara ini nanti, bertujuan memansuhkan Akta Pelajaran 1961 dan mengemukakan undang-undang baru tentang pendidikan bagi tujuan untuk menggerakkan dasar pendidikan yang bertunjangkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendidikan ini tidaklah menyimpang jauh daripada struktur dan falsafah sistem pendidikan kita yang ada. Akta baru ini perlu diadakan, sebab mengikut keadaan masa dan amatlah penting sekali dari segi manusia sejagat untuk mengisi tamadun berterusan demi kecemerlangan bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, fasal-fasal dalam rang undang-undang ini menggambarkan sikap dan pemikiran baru yang secara langsung memberi tekanan

kepada Bahasa Kebangsaan yang saya akan sentuh kemudian nanti, memberikan tekanan juga kepada bahasa Inggeris, pengkorporatan, penswastaan, pendidikan dan memusatkan pentadbiran universiti-universiti dan mengemaskan satu sistem pendidikan kebangsaan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa syukur benar dengan rang undang-undang ini dan harap dapat dilaksanakan mengikut kehendak tujuan akta ini kelak. Dalam kita melaksanakan dasar dan kehendak akta ini, janganlah hendaknya kita menurunkan, dengan izin, quality pendidikan itu. Sebabnya, sekarang ini sungguh banyak kolej yang telah pun ditubuhkan, misalannya Institut Pengajian Tinggi (IPT) ditubuhkan di negara kita ini seperti Help, INTI, Taylors, Metropolitan, KDU, Stamford College, KDU, Lim Kok Wing, Institute of Creative Technology, Informative Systematic, Amcept, APIC, Asia Pacific, Institute of Information Technology dan sebagainya. Seperti tumbuh macam kulat. Ini menunjukkan keperluan pendidikan amat tinggi sekarang ini. Kehendak pelajaran lebih daripada persediaan yang ada, dengan izin, demand exceed supply. Demand lebih daripada supply, dengan itu tuan-tuan, [*Ketawa*] minta maaf, saya ingatkan berucap semasa perjumpaan UMNO, dengan izin, these will lower the standard of education, harganya, feesnya akan naik untuk masuk ke kolej ini dan fees ini akan meningkat, kerana sebab untuk mengadakan guru, pensyarah, bangunan sekolah yang baru, alat-alat pengajar yang cukup dan sesuai.

Ini sudah tentu akan mengakibatkan belanja yang besar dan juga akan

melibatkan penurunan darjah pendidikan dan akhirnya akan mengakibatkan pasukan pekerja dan kakitangan pekerja yang kurang pintar dan berilmu teknologi yang ada di kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan di tanah air kita ini. Ini akan memusnahkan secara langsung cita-cita untuk kita mencapai Wawasan 2020 iaitu membuat negara kita ini sebagai negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri saya suka menyentuh fasal-fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17 dalam rang undang-undang ini adalah meninggikan martabat Bahasa Kebangsaan kita disebabkan dalam rang undang-undang yang terdahulu daripada ini, sungguhpun dalam Artikel 152 Perlembagaan kita ada menyatakan penggunaan Bahasa Kebangsaan tetapi tidak disebut dalam rang undang-undang lain dengan nyatanya bahawa Bahasa Kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah.

Misalannya dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, seksyen 5 ada diberi peluang kepada kita berucap dalam Bahasa Kebangsaan di sini melainkan Tuan Speaker mengizinkan kita untuk bercakap dalam bahasa Inggeris. Jadi, ada peruntukan. Seksyen 6, semua bill yang dibawa ke Dewan yang mulia ini mestilah dalam Bahasa Kebangsaan melainkan bill-bill yang tertentu sepertimana saya pernah katakan dahulu.

Seksyen 8, penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah pun ada diberi di sini, melainkan hakim memberi kebenaran untuk bercakap dalam bahasa Inggeris ataupun apabila perbicaraan itu untuk menunjukkan keadilan dan persetujuan kedua pihak pendakwa dan yang didakwa untuk menggunakan

bahasa Inggeris dan mahkamah membenarkan.

Tidak ada tersebut berkenaan dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah, oleh itu, dengan adanya Fasal 17 ini ia menerangkan dengan lebih jelas lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan kita di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga di sekolah-sekolah mengikut sistem pendidikan kebangsaan ini. Saya mengucapkan tahniah untuk membawa Fasal 17 ini dan ini lebih jelas dan memperkemaskan lagi kepada penggunaan Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Fasal 76, ada peruntukan tetapi Fasal 17(2) adalah terjamin. Saya hendak menekankan sedikit berkenaan dengan Fasal 76. Fasal 76 ada menyebutkan berkenaan dengan institusi pendidikan swasta boleh mengendalikan apa-apa kursus pengajian atau program latihan secara bersama atau bersekutu (bergabung) dan seterusnya “kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Menteri”. Maknanya 77(1) ada memberi kelulusan ini, tetapi Fasal 75(1) - pertukaran menghendaki Bahasa Kebangsaan “may require” - kita tengok Fasal 75(1) - Menteri boleh “menghendaki”. Perkataan “menghendaki” ini kalau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, kita boleh buka kepada Fasal 75 dalam bahasa Inggeris - perkataan itu ialah “may require” yang bermakna “boleh” ataupun “tidak boleh”. Jadi, bagi mata pelajaran dalam Fasal 17(2) yang kita baca diwajibkan pula. Itulah sebabnya saya hendak masuk di sini tadi - 17(2), jika bahasa pengantar utama di institusi-institusi pendidikan adalah selain daripada Bahasa Kebangsaan, maksudnya yang di sekolah/institusi swasta, maka Bahasa Kebangsaan hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu - wajib di sini - 17(2), tetapi kalau dibaca pada Fasal 75(1) tadi, ia

“dikehendaki” - menggunakan perkataan itu. Jadi, pada saya.....

Tuan Ding Seling: Maksud Dato’ ada percanggahan sedikit?

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ia, ada berlawanan sedikit. Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh pula sedikit fasal 50(1). Fasal 50(1), kalau kita baca menyatakan bahawa “jika dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat 5 orang murid atau lebih, yang menganut agama Islam, dia menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pelajaran agama oleh guru yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri. Pihak berkuasa negeri itu ada diberi terjemahannya dan ada huraianya di sini, tetapi tidak payahlah saya sebutkan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Fasal 51(b) - kita baca “tiada murid boleh mengikut pelajaran agama selain daripada agama yang dianutinya, kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapanya”. “Ibu bapa” ini diberi oleh ibu bapa dan penjaga-penjaga di sisi undang-undang. Ada diberi belakang ini apa maknanya ibu bapa.

Jadi, maknanya, kalau 5 orang yang mengikut Fasal 51 tadi, diberi kebenaran oleh penjaga, sekarang ini penjaganya banyak kerja, ibu bapa pun banyak kerja, kadang-kadang dia ambil kertas dan dia tulis - saya benarkan “belajar agama yang lain”, jadi, maknanya Fasal 51(b) ini tadi menekankan bahawa “tiada murid boleh mengikuti pelajaran agama selain dari agama yang dianutinya, kecuali dengan keizinan bertulis dari ibu bapa”. Bermakna kalau ada “bertulis dari ibu bapa” seperti dalam Seksyen 51 tadi, hendaklah diberi pengajaran agama oleh guru-guru, yang 5 orang atau 6 orang tadi bermakna

tidaklah dapat belajar agama - diberi pengajaran agama Islam oleh guru, tidak dapatlah belajar agama Islam. Jadi, kepada saya dari satu segi dalam Fasal 51 tadi hendak diberi sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan.

Lagi satu saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan Fasal 51(b). Bagaimana jika murid ini lebih daripada 21 tahun? Perlukah dia juga mendapat kebenaran yang bertulis daripada ibu bapa? Sebab ada murid yang berumur 21 dan 22 tahun yang dipanggil murid lagi di bangku sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, cukuplah rasa saya perbincangan saya dalam Rang Undang-undang ini. Kita ada mahkamah dan kita ada peguam sebagai tempat yang boleh menterjemahkan ataupun tempat yang boleh membahaskan seksyen-seksyen ataupun Akta ini. Jadi, berilah kesempatan kepada mereka, jika disabitkan di mahkamah.

Saya berharap dan yakin dengan lulusnya Akta ini dan terlaksananya nanti sistem pendidikan kebangsaan kita, akan dapat melahirkan dan membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermoral dan berakhlak tinggi, bersatu padu, demokratis dan liberal serta dinamis dan juga bernaung di mana ini secara tidak langsung akan melahirkan sebuah masyarakat yang kita idam-idamkan iaitu masyarakat perindustrian, negara maju seperti yang disarankan oleh pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Kerajaan Barisan Nasional untuk mencapai Wawasan 2020, insya-Allah. Saya menyokong

serta mendokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.,

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Ding Seling: Ada 3 orang lagi. Beri kepada orang baru dahulu. Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop.

Kementerian Dalam Negeri akan memberi perhatian kerana kita 5.00 ptg.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ini ialah untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan yang begitu prihatin terhadap kepesatan pembangunan ilmu di negara ini dan mengambil inisiatif untuk menggubal satu Rang Undang-undang Pendidikan yang lebih komprehensif dan realistik menghadapi cabaran abad ke-21 yang akan kita tempuhi nanti.

Saya yakin usaha mengadakan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini adalah di atas kesedaran dan keinsafan yang mendalam terhadap perlunya satu pendekatan baru untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara yang kita telah sedia fahami dan hayati selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita rasa bersyukur jawatankuasa yang menggubal rang undang-undang ini telah mengambil masa yang agak lama untuk meneliti dan mengkaji rang undang-undang tersebut agar ianya melahirkan akta yang adil, saksama dan menepati aspirasi negara.

Kita menyanjung tinggi pihak menteri dan Kementerian Pendidikan kerana dalam suasana yang begitu sibuk sekali pun masih sanggup meluangkan masa untuk membincang dan menggubal rang undang-undang yang tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibentangkan

ini tidak ada cacat-celanya. Ia masih lagi melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan masih berlandaskan dan menepati Falsafah Pendidikan Negara. Hanya yang perlu dibahaskan ialah kepastian pelaksanaannya hendaklah menepati hasrat yang terkandung di dalam akta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengukuhan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan terpancar di dalam Akta Pendidikan 1995 ini kerana Bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib di semua pusat pengajian dari pendidikan prasekolah hingga ke pusat-pusat pengajian tinggi. Lebih-lebih lagi Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar di sekolah-sekolah Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti diperuntukkan di dalam seksyen 17 akta berkenaan.

Dakwaan pembangkang kononnya Akta Pendidikan 1995 ini akan menghakis kedaulatan Bahasa Kebangsaan adalah tidak berasas dan bersifat provokatif semata-mata.

Pengliberalisasi pengajaran bahasa-bahasa lain di sekolah-sekolah kebangsaan memberi semangat baru di sekolah-sekolah berkenaan. Saya yakin akan wujudnya satu dimensi baru pada sekolah-sekolah kebangsaan sekali gus menghapuskan tanggapan bahawa sekolah-sekolah kebangsaan adalah untuk anak-anak Melayu sahaja. Ia sudah pasti akan menggalakkan lebih ramai kaum-kaum bukan Melayu menghantar anak-anak mereka di sekolah-sekolah berkenaan. Ini adalah satu sumbangan positif ke arah mempercepatkan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, nyata sekali Akta Pendidikan 1995 ini menonjolkan kepentingan Pendidikan Islam di dalam Kurikulum Pendidikan Kebangsaan. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam seksyen 50 hingga ke seksyen 52 akta berkenaan. Sungguhpun demikian, pihak kementerian patut lebih berwaspada terhadap apa yang dinyatakan di dalam seksyen 50(1) yang berbunyi:-

“Jika di dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru-guru yang diizinkan”.

Persoalannya sekarang bagaimana sekiranya di dalam sesebuah sekolah jenis kebangsaan atau sekolah swasta hanya terdapat empat orang, tiga orang, dua orang ataupun satu orang sahaja murid Islam? Adakah pihak kerajaan atau pihak berkuasa sekolah akan menafikan hak pelajar berkenaan untuk mendapatkan Pendidikan Islam?

Ibu bapa pada hari ini sebaik sahaja menghantar anak-anak mereka ke sekolah,

melepaskan semua tanggungjawab pendidikan anak-anak mereka termasuk pendidikan moral dan agama Islam kepada pihak sekolah. Ada juga ibu bapa lupa bahawa didikan Islam kepada anak-anak mereka adalah sesuatu yang wajib.

Pada hemat saya, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan memastikan setiap anak orang Islam, saya ulangi sekali lagi, setiap anak orang Islam yang berada di mana-mana institusi pendidikan mendapat didikan Islam yang sewajarnya.

Bayangkanlah anak orang Islam yang berada di kalangan 1,000 orang anak-anak yang bukan Islam dalam sebuah sekolah jenis kebangsaan atau swasta tanpa bimbingan agama. Kehidupan persekolahannya lebih membimbangkan dibandingkan dengan anak-anak Islam yang berada di kalangan mereka yang beragama Islam. Mereka lebih terjamin dari segi penghayatan Islamnya.

Masyarakat Islam ingin melihat anak-anak Islam walaupun hanya seorang sahaja yang berada di dalam sekolah-sekolah jenis kebangsaan dan swasta mengamalkan tatacara hidup sebagai seorang Islam baik dari segi pakaian, makanan dan juga pertuturannya.

Satu cara untuk mengatasi masalah ini perlu dirancang oleh pihak kerajaan baik dari segi kurikulum, jadual waktu ataupun pembiayaannya. Pengalaman saya, memang pernah melihat seorang anak Islam belajar agama Islam di kantin sekolah sebuah sekolah jenis kebangsaan yang pelajar-pelajarnya hampir 100% bukan beragama Islam.

Murid berkenaan dibimbing oleh seorang ustaz. Tuan Yang di-Pertua, menyebut tentang ustaz ini, saya berharap kerajaan hendaklah berhati-hati mengenal pasti ustaz-ustaz yang dilantik oleh pihak kerajaan untuk mengajar agama di sekolah-sekolah. Janganlah jadi sokong membawa rebah. Kita mengharapkan ia mengajar agama Islam yang sebenar, tetapi diselewengkan untuk kepentingan diri dan fahaman politiknya.

Kembali balik kepada soal pokok tadi. Jika seorang murid Islam iaitu kurang dari lima orang di sekolah jenis kebangsaan atau swasta telah dapat dididik dengan pelajaran Islam di sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi, cubalah buat satu kajian bagaimana ia dilaksanakan. Di manakah sumber pembiayaannya? Siapakah guru yang mengajarnya? Adakah guru bergerak, guru litar yang ditugaskan mengajar agama di beberapa buah sekolah? Apakah budi bicara yang digunakan oleh pihak sekolah dalam hal ini? Jadikan ianya sebagai satu garis panduan dalam melaksanakan Akta Pendidikan.

Saya percaya sekiranya pendidikan Islam di sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini dititik

beratkan, lebih ramai anak-anak Melayu yang beragama Islam berminat untuk belajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan khususnya di sekolah Tamil dan sekolah Cina. Ini juga tidak dapat kita nafikan, akan menjadi satu sumbangan positif terhadap mempercepatkan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, anjalan jadual waktu pendidikan sekolah rendah yang digubal oleh Jawatankuasa Perunding Akta Pendidikan 1995 antara lima ke tujuh tahun amat dialu-alukan. Ia akan membolehkan murid-murid yang pencapaiannya tinggi daripada tahap satu memperolehi pencapaian yang diperlukan sebelum dinaikkan ke tahap dua yang lebih tinggi lagi.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha mengesan kelemahan murid-murid berkenaan perlu dibuat awal-awal lagi sebelum kelemahan ini berlarutan dan menjejaskan pencapaian murid-murid ini di tahun-tahun berikutnya. Janganlah selepas Ujian Penilaian Tahap Satu ataupun selepas UPSR, baru usaha pemulihan hendak dilakukan. Diharapkan murid ini tidak hanya ditahan di darjah yang sama tanpa sebarang program pemulihan dibuat. Pemulihan patut dibuat sebaik sahaja kelemahan murid berkenaan dapat dikesan. Amalan pemulihan segera ini memang ada dilaksanakan di sesetengah institusi pendidikan dan ianya amat berjaya sekali.

Menyentuh pula soal lompat ataupun kelas ekspres, kebimbangan anggota masyarakat telah mula disuarakan. Ditakuti anak-anak yang bukan benar-benar pintar ataupun super genius, yang bukan benar-benar layak terlompat naik ke atas, ke darjah yang lebih tinggi. Ini boleh berlaku sekiranya ujian IQ seperti yang dilakukan pada hari ini dijalankan.

Ibu bapa dan pihak sekolah boleh membuat latihan tubi dengan menggunakan buku-buku yang banyak di pasaran untuk membolehkan murid-murid berkenaan diberikan kelas ekspres. Akibatnya murid yang tidak layak ini akan merasa dirinya terasing, tertinggal di dalam kelasnya. Perlu diingat faktor umur juga menjadi penentu kematangan dan kedewasaan seseorang murid.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ibu bapa juga patut diingatkan tentang risiko yang dihadapi oleh anak-anak berkenaan sekiranya sistem ini disalah laksanakan dan semua pihak termasuk ibu bapa dan sekolah, sama-sama bertanggungjawab agar sistem kelas ekspres ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah serba sedikit pandangan yang dapat saya berikan dan saya turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Hanipah bin Ahmad.

5.07 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk berhujah dan menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya memberi sokongan kepada rang undang-undang ini berasaskan kepada empat perkara yang dapat saya kumpul. Yang pertama, status Bahasa Melayu iaitu Bahasa Kebangsaan telah dapat diletakkan ke satu tahap hingga ianya dapat menjadi bahasa ilmu di negara Malaysia ini.

Yang kedua, berasaskan kepada falsafah pendidikan yang tercatat di muka surat 12 diambil pakai sebagai satu asas ke arah kewujudan Rang Undang-undang Pendidikan baru bagi tahun 1995.

Yang ketiga, saya juga mempunyai keyakinan dan harapan iaitu Malaysia yang mana semua pihak mempunyai hasrat untuk menjadikan pusat kecemerlangan pendidikan. Ini adalah asas sebahagian daripada perkara-perkara yang telah dicatat dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Yang keempat, saya mengharapkan undang-undang ini akan dapat melahirkan warga Malaysia yang berilmu dalam bentuk global dan melahirkan warganegara yang cinta kepada negara Malaysia. Saya amat bertuah dan amat berterima kasih kerana kelahiran Akta Pendidikan yang lepas telah dapat melahirkan seorang warganegara Malaysia dalam ungkapan yang telah diucapkan pada hari semalam iaitu daripada Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan yang berbunyi, “Bahasa Malaysia bahasa kita”. Saya mempunyai keyakinan hasil daripada Rang Undang-undang Pendidikan 1995 pada satu hari akan lahir warganegara yang akan menyebut, “sekolah kebangsaan, sekolah kita”.

Tuan Yang di-Pertua, dalam catatan yang dapat saya kumpul, ada 16 fasal yang mana Menteri Pendidikan mempunyai kuasa. Sepertimana yang kita dapat faham, kaedah atau sistem yang diambil pakai di Malaysia biasanya Menteri

Pendidikan sesuatu masa dan sesuatu waktu bertukar dari seorang Menteri kepada seorang Menteri yang lain. Saya mempunyai keyakinan bahawa sesiapa yang akan menjadi Menteri Pendidikan akan dapat memenuhi hasrat dan cita-cita yang tertulis atau tertera di dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Saya percaya, arah ini akan menentukan suatu Malaysia yang lebih unggul dalam semua bidang, termasuk dalam sistem pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menumpukan kepada beberapa fasal yang ada dalam bahagian-bahagian Akta Pendidikan yang baru ini. Pertama sekali, saya amat bersetuju dan amat menghargai di atas keberanian pihak kerajaan mewujudkan suatu kaedah sistem pendidikan yang baru yang mana sistem pendidikan prasekolah dijadikan satu media dalam sistem pendidikan dan saya tidak payah ulas, sama-sama kita memahami bahawa prasekolah ini adalah batu asas pertama yang akan melahirkan generasi rakyat Malaysia yang akan datang.

Jadi, sesuatu yang akan dilahirkan di peringkat prasekolah ini akan menentukan ke arah mana generasi rakyat Malaysia akan datang. Walau macam mana pun, saya ingin mendapat penjelasan kepada Fasal 23 yang ada dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan kepada kita oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Fasal 23, bahasa pengantar tadika. Dalam Fasal 23, ada disebutkan,

“Walaupun apa pun seksyen 17(1), bahasa-bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan boleh digunakan sebagai bahasa pengantar di tadika, tetapi jika sesuatu tadika menggunakan

bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan, Bahasa Kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib”.

Pada hari semalam, saya juga menunggu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menyebut Fasal 23. Hanya disebut Fasal 21 dan Fasal 22. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah sekolah-sekolah prasekolah ini dibolehkan penggunaan berbilang bahasa? Saya tidak begitu berkeyakinan hasrat dan cita-cita untuk menunjukkan kepada satu warganegara yang lebih intim kepada kasih sayang kepada negara akan tercapai kalau bahasa Malaysia tidak dijadikan suatu bahasa pengantar, kesemua sekolah prasekolah yang akan diwujudkan selepas Akta Pendidikan 1995 ini dikuatkuasakan.

Jadi, saya berharap kalaulah anggapan saya ini benar yang mengatakan, bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan boleh dijadikan bahasa pengantar dalam sistem prasekolah. Saya mengharapkan pihak kerajaan akan dapat mengambil satu tindakan, kalaulah boleh supaya bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan dijadikan bahasa pengantar dalam semua sistem prasekolah bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan masuk kepada Fasal 25. Ini saya akan minta pentafsiran daripada maksud Fasal 25 kerana saya tidak begitu faham apakah maksud yang tersembunyi di dalam Fasal 25 yang berkenaan.

Seterusnya, saya akan masuk kepada Bab III, Pendidikan Rendah. Pendidikan rendah, sepertimana yang saya katakan tadi, saya ingin mendapat

penjelasan mengenai perkara-perkara yang berkenaan. Walau macam mana pun, saya akan berpindah kepada Fasal 45. Menteri boleh menubuhkan dan menyelenggarakan maktab pendidikan guru. Saya ingin mendapat penjelasan, sepertimana yang kita sedang hadapi sekarang, kita mempunyai kekurangan guru dengan bilangan maktab yang ada sekarang dan maktab-maktab yang ada sekarang perlu diperbanyakkan lagi dan kita juga difahamkan kaedah pendidikan membolehkan sekolah-sekolah swasta atau institusi swasta ditubuhkan. Adakah dalam Akta ini di mana Fasal 45 ada menyentuh walaupun dalam seksyen 42 ada menyebut berkenaan dengan maktab perguruan, tetapi Fasal 48, ini saya akan minta penjelasan, adakah Fasal 48 ini membolehkan Menteri dengan kuasa yang ada menubuhkan maktab perguruan swasta?

Saya amat bersetuju kalau pihak kerajaan pada satu jangka masa yang tidak dapat ditentukan, ke arah menubuhkan maktab-maktab perguruan swasta dapat kita wujudkan untuk kepentingan negara. Sebagai contoh, buat masa sekarang, dari masa demi masa, selalunya kita mendapat penerangan yang mengatakan kita masih lagi mempunyai guru yang kurang dalam sistem pendidikan di negara kita.

Saya akan berpindah kepada Fasal 51 iaitu pengajaran agama di institusi pendidikan. Saya amat bersetuju di atas Fasal 51(b). Fasal 51(b) berbunyi,

“Tiada murid boleh mengikuti pengajaran agama selain daripada agama yang dianutinya, kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapanya”.

Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana para ini dapat dimasukkan. Saya takut kalau perkara ini tidak dimasukkan, sepertimana yang kita faham, kefahaman agama boleh mengurangkan ketenteraman dalam sesebuah negara. Jadi, fasal ini amatlah bijak di atas usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dalam menentukan supaya agama ini tidak menjadi perkara yang boleh ditimbulkan atau dibangkitkan kepada masyarakat yang berbilang kaum di negara kita. Saya amat menyokong di atas perkara 51(b).

Saya juga ingin mendapat penjelasan kepada Fasal 64(a) - pemberian dermasiswa, pinjaman atau bantuan lain. Saya mempunyai harapan supaya Fasal 64(a) ini, keutamaan akan diberi kepada sekolah-sekolah dan juga pelajar-pelajar di kawasan luar bandar, kepada pelajar-pelajar yang terdiri daripada bumiputera khususnya orang-orang Melayu dan saya cuba tidak hendak mengecilkan atas keupayaan atau hak-hak warganegara lain tetapi saya ingin meminta supaya sedikit keupayaan atau keutamaan diberi kepada bumiputera Melayu yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

Fasal 65 menyebut berkenaan dengan pemeriksaan perubatan dan pergigian terhadap murid. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan kerana minda saya tidak dapat menjawab apakah maksud dan tujuan supaya pemeriksaan perubatan dan pergigian dijadikan satu asas untuk seorang murid mendapatkan hak dalam Fasal 64 tadi. Kerana kalau aspek perubatan, itu saya berasa seronok hatilah, kalau murid itu ada AIDS kita tidak boleh beri. Tetapi keutamaan yang disebut dalam

ini ialah tentang pergigian. Apakah rasionalnya perkara itu dimasuk sebagai satu fasal dalam Fasal 65(1)?

Saya akan pindah ke Fasal 75(1). Dalam Fasal 75(1)(b), saya ingin mendapat pentafsiran apakah bentuknya pengajian Malaysia dalam kaedah Fasal 75(1) dan saya mempunyai keyakinan sejarah atau latar belakang rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini akan menjadi satu teras kepada Pengajian Malaysia. Adakah sangkaan saya ini benar seperti yang saya sebutkan tadi?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada perkara yang saya hendak cakap lagi berkenaan Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Walau macam manapun, saya mempunyai keyakinan akta ini akan dapat kita laksanakan walaupun saat-saat ini kita telah difahamkan ada komponen-komponen warganegara Malaysia yang mempunyai kefahaman politik yang berlainan daripada kita yang ada di dalam Dewan ini, telah mula menonjolkan atau mempertikaikan khususnya dengan mengadakan roadshow. Saya difahamkan kawan-kawan kita yang kefahaman politik yang tidak sama dengan kita akan mengadakan roadshow ke seluruh negara sepertimana mereka mengadakan roadshow dalam insiden Hotel Perdana dulu.

Jadi, saya menaruh harapan kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri, sedikit perhatian atau keutamaan harus diberi terhadap gerakan mengadakan roadshow untuk memaklumkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Saya memaklumkan begini kerana saya difahamkan pada 27hb. Disember yang baru lalu, sehari dua yang

lepas, satu perhimpunan telah diadakan di negeri Perlis. Jadi, saya percaya roadshow ini akan bermula dari utara terus ke selatan dan saya mengharapkan takut masalah bahasa ini kemungkinan akan mencetuskan sesuatu yang kita tidak mahu atau sesuatu yang kita tidak ingin atau sesuatu yang kita tidak cintakan ianya berlaku di negara kita.

Saya mencadangkan supaya pihak KDN khasnya jabatan-jabatan polis yang berkenaan pada setiap negeri supaya terlebih dahulu menyemak apakah jenis perhimpunan yang akan diadakan. Kalau ianya melibatkan dengan Rang Undang-undang Pendidikan 1995, saya mencadangkan supaya permit untuk mengadakan perhimpunan tidak diluluskan.

Dan yang kedua, saya juga mencadangkan supaya kalaulah boleh kawan-kawan rakyat Malaysia yang mempunyai kepentingan dan kefahaman politik yang tidak sama dengan kita, boleh saya percaya membawa Timbalan Menteri Pendidikan ke mana-mana untuk menerangkan apakah maksud dan tujuan Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Saya mengatakan begini kerana rakan-rakan kita yang mempunyai kefahaman politik yang berlainan, mereka selalunya menghimpunkan pengikut-pengikut mereka dengan menerangkan atau menceritakan benda-benda yang tidak benar apa yang sedang dilaksana, apa yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan dan isu Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini. Saya agak kalaulah kawan-kawan dalam kefahaman politik yang berlainan ini dapat membawa Timbalan

Menteri Pendidikan kita dalam perhimpunan-perhimpunan mereka ke arah memperbetulkan atau menceritakan sesuatu yang baik, saya agak Timbalan Menteri Pendidikan kita akan dapat menerima saranan atau permohonan daripada rakan-rakan kita yang mempunyai kefahaman politik yang berlainan daripada kita.

Jadi, itulah harapan saya dan saya mempercayai pihak Timbalan Menteri khususnya akan dapat memberi perkara-perkara yang saya timbulkan tadi untuk kesenangan bagi diri saya sendiri dan juga untuk kepentingan rakyat Malaysia khususnya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.27 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan rang undang-undang ini yang saya anggap sepertimana yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin bahawa rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang sangat penting kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita tahu dalam mahkamah hendak mentafsirkan undang-undang, mereka perlu juga melihat kepada apakah semangat rang undang-undang itu digubal dan perlu juga melihat kepada apa yang telah dibahaskan dalam Dewan sebelum rang undang-undang itu dibahaskan dan ini adalah sangat penting kerana rang undang-undang yang akan diluluskan ini akan

memberi implikasi yang besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tepat, padat dan relevan. Pada saya jikalau penulis-penulis peramal seperti Alvin Toffler, John Naisbitt, Peter Drucker dan sebagainya telah memecahkan sempadan-sempadan dunia menjadikan dunia sebagai global village, dengan izin, Dato' Seri Najib Tun Razak selaku Menteri Pendidikan dengan Akta Pendidikan ini telah meruntuh benteng-benteng sisa-sisa perkauman yang ada dan membawa kepada satu persefahaman dan kompromi ke arah perpaduan penduduk negara yang lebih jitu.

Ini telah dibuktikan dalam perbahasan rakan-rakan dalam Dewan semalam. Antara lain Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu telah menyatakan penghargaan bagi apa yang beliau anggap sebagai satu pengorbanan yakni penghapusan seksyen 21(2), seksyen kontroversi Akta Pelajaran 1961. Idealisme pendidikan salah seorang daripadanya Aminuddin Baki iaitu pendidikan sebagai proses perpaduan mewujudkan negara bangsa Malaysia dengan warganegara Malaysia kini insya-Allah akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesuntukan masa saya akan bincangkan empat perkara yang saya anggap penting.

Pertamanya ialah tentang bahasa. Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa wajib dalam penwujudan kurikulum kebangsaan dan dengan sendirinya kita telah melengkapkan kedaulatan bahasa yang telah pun didaulatkan di dalam

Perkara 1(5) Perlembagaan Persekutuan, dengan ini juga bermakna bahawa Bahasa Malaysia tidak boleh dipertikaikan. Tidak ada pihak yang boleh menyangkal ataupun membuat tuduhan bahawa berlakunya pengkhianatan terhadap bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era maklumat dan teknologi tinggi yang berubah dengan begitu pantas, maklumat begitu penting. Kalaulah kita hendak maju terutamanya orang-orang Melayu, kita tidak boleh merasa terkongkong dengan isu bahasa yang kita anggap begitu penting dan yang kita anggap akan menentukan masa depan ataupun kedaulatan kita sebagai orang Melayu dan bangsa Malaysia. Kerana apa yang saya telah baca dalam satu ensiklopedia ada 1,500 bahasa dalam dunia dan pengkaji bahasa telah mendapati bahawa kebanyakan bahasa tersebut mempunyai kaitan antara satu sama lain. Mengikut pengkaji bahasa mereka mengatakan bahasa ini mempunyai kaitan seperti anak-anak, cucu-cucu, nenek-nenek kepada satu ibu bahasa.

Saya bukanlah ahli bahasa, tetapi apa yang saya cuba hendak perkatakan di sini, untuk pembangunan, untuk kita maju, untuk kita sama-sama dengan orang lain dalam era maklumat dan sebagainya, kita perlu faham bahawa ada perbezaan antara mendaulat bahasa dan memperalatkan bahasa. Dalam konteks ini, kita perlulah pastikan bahawa kita sebenarnya dalam isu bahasa, dalam kita memberi penekanan kepada bahasa Inggeris, sebenarnya kita memperalatkan bahasa itu untuk kepentingan kita dan bukan sebaliknya.

Saya rasa rakan-rakan dalam Dewan ini bersetuju bahawa mereka yang dalam kefahaman politik lain daripada parti pemerintah mengatakan dan menuduh berbagai-bagai tuduhan kerana kita tahu dan faham bahawa bahasa instrument adalah instrument komunikasi dan kita juga tidak mahu dikongkong seperti yang saya katakan tadi. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan oleh kerana kelemahan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid Melayu begitu ketara, mahu tidak mahu kita terpaksa mengaku bahawa murid-murid kita memang sangat ke belakang dalam ilmu bahasa Inggeris, dalam sains dan matematik.

Kita tahu juga sains, matematik dan teknologi semuanya adalah kebanyakannya dalam bahasa Inggeris. Jadi, saya menyarankan bahawa Kementerian Pendidikan menggandakan usaha untuk mempertingkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa Inggeris. Saya cadangkan perkara ini dilakukan dengan kerjasama Kementerian Penerangan, kerana kita tahu anak-anak kita ini sangat suka menonton televisyen. Jadi, kita gunakan kegemaran itu secara positif untuk memberi siri-siri pembelajaran bahasa Inggeris dan kalau boleh siri-siri tersebut hendaklah berthemakan matematik, sains dan teknologi.

Saya percaya ramai antara kita karyawan-karyawan yang kreatif dan inovatif dan dapat mereka siri-siri televisyen yang diharapkan akan memberikan pengajaran kepada anak-anak kita ini tentang bahasa Inggeris termasuk juga matematik dan sains.

Saya khawatir kalau kita tidak mengambil tindakan yang drastik, besar kemungkinan anak-anak kita ini akan terus ketinggalan, tidak kiralah sama ada Melayu, Cina ataupun India, tetapi kita tahu anak-anak Melayu kita sebenarnya dalam keadaan yang kritikal. Dalam konteks ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong saranan Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman tadi mengenai murid-murid di sekolah berasrama penuh sains yang tidak dapat 8A, yang terpaksa dikeluarkan oleh sekolah-sekolah tersebut. Pada hemat saya ini adalah satu tindakan yang tidak adil, kerana murid-murid itu bukannya tidak langsung dapat A, kebanyakannya mungkin dapat 7A ataupun 6A dan kerana mereka tidak dapat A dalam sains dan matematik, jadi mereka terpaksa dikeluarkan. Kita tahu murid-murid ini adalah murid-murid yang telah terpilih dan mempunyai bakat. Jadi, adalah tidak wajar kerana dari segi psikologinya ini akan mengecewakan murid-murid tersebut dan kita juga tahu bahawa kita sekarang mahu mempertingkatkan lebih ramai anak-anak Melayu yang bijak dalam sains dan teknologi dan juga hasil daripada kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan bahawa kalau murid-murid itu dari sekolah asrama, peluang mereka untuk berjaya adalah lebih tinggi kalau mereka dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, antara falsafah utama dasar pendidikan ialah memberi peluang pendidikan adil kepada semua rakyat. Di sini saya ingin menekankan tentang penguatkuasaan. Kita lihat dalam Fasal 73 hingga 78 sekolah-sekolah swasta adalah mempunyai peruntukan-peruntukan kawal selia.

Saya mengucapkan tahniah terutama di atas peruntukan Fasal 75 yang mewajibkan bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran dan pelajaran agama dan moral yang dimestikan. Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah memanglah cantik apa yang telah dijanjikan dalam akta ini, tetapi jika tidak dilaksanakan, maka janji-janji ataupun gambaran indah akan tinggal gambaran sahaja.

Justeru itu, saya mencadangkan penguatkuasaan perlulah diambil kira dan satu jawatankuasa diwujudkan untuk mengkaji dan menyediakan satu prosedur penguatkuasaan undang-undang yang berkesan dan efektif diwujudkan dan perlulah dipastikan pegawai-pegawai yang mencukupi dan kewangan yang boleh membiayai.

Saya berkata begitu kerana banyak undang-undang yang diwujudkan, tetapi kerana kurangnya pelaksanaan undang-undang itu tinggal undang-undang sahaja.

Seperkara lagi ialah dalam kita menghadapi masa hadapan teknologi di mana mungkin juga kita akan wujud sekolah-sekolah yang berbentuk visual classroom dan visual campus, dengan izin, melalui komputer. Maka perlulah juga pihak kementerian mengambil kira akan kemungkinan berlakunya atau wujudnya kursus-kursus yang akan diikuti melalui televisyen dan bagaimanakah pihak kementerian hendak melaksanakan peruntukan-peruntukan kawal selia yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah tentang mata pelajaran yang

telah dijadikan mata-mata pelajaran teras mengikut Jadual subseksyen 18(2). Saya dapati Sejarah adalah diwajibkan di peringkat sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, Sejarah memang kita anggap satu mata pelajaran yang penting untuk kita mengenali dan juga kita mendapat tahu serta memahami bagaimana masyarakat berkembang dan bagaimana bertindak. Adalah dirasakan bahawa ada baiknya Kementerian Pendidikan mempertimbangkan pelajaran Sosiologi untuk dikembarkan bersama dengan pelajaran Sejarah untuk membantu murid-murid kita lebih berkemahiran berfikir dengan kritikal, kerana mata pelajaran Sosiologi yang diajar oleh guru yang berkeupayaan akan memberi kesedaran tentang pengaruh sosial yang membentuk kehidupan kita dan mempertingkatkan sensitiviti budaya dan menajamkan kemahiran berfikir yang kritikal. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan mata pelajaran ini atas dasar bahawa perkembangan-perkembangan semasa ini terutamanya dalam segi sosial, kita dapati anak-anak kita banyak terdedah berbagai-bagai budaya dan pengaruh sosial yang mana mereka perlu berfikir dan membuat keputusan sendiri tentang perkara-perkara yang dianggapkan oleh mereka betul atau tidak. Maknanya mereka perlu boleh membezakan antara apa yang baik dan yang tidak baik.

Mungkin juga Kementerian Pendidikan boleh memikirkan sama ada mata pelajaran falsafah boleh diperkenalkan di peringkat institusi-institusi tinggi bagi maksud yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya ialah mengenai

mengkorporatkan universiti-universiti tempatan. Di sini inginlah saya memberikan ucap tahniah kepada pihak kementerian kerana idea yang telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, inginlah saya menasihatkan bahawa sebelum tindakan diambil hendaklah - saya tahu pihak kementerian telah membuat kajian yang teliti. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa kita perlukan memastikan tidak ada kumpulan kaum yang terpinggir dan dinafikan hak-hak peluang pengajian tinggi kerana kos yang tinggi. Kita juga tidak mahu oleh kerana wujudnya satu universiti yang begitu establish, dengan izin, nanti kita akan dapati bahawa graduan-graduannya akan terdiri daripada kaum-kaum yang hanya berpendapatan tinggi.

Justeru itu, saya juga ingin menyarankan bahawa pensyarah-pensyarah yang berada di universiti tersebut akan terus dikekalkan terutama bagi pensyarah-pensyarah yang diambil dalam skim pensyarah-pensyarah Melayu ataupun pensyarah-pensyarah bumiputera.

Saya juga ingin menyarankan supaya Kementerian Pendidikan mengambil iktibar daripada privatisation of education yang telah dilakukan di USA dalam tempoh tahun 70-an di mana implikasinya telah dirasai dalam tahun 80-an.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Fasal telah dibincangkan oleh rakan-rakan saya dan saya juga ingin menyentuh Fasal 51. Di sini, oleh kerana pentingnya Fasal ini dibincangkan, kerana pada hemat saya, saya menyokong apa yang telah

diutarakan oleh rakan saya Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin tadi dan juga pada pandangan saya, di sini ada beberapa isu ataupun interpretasi yang boleh dibuat untuk kita memberi tafsiran kepada seksyen ini iaitu satunya ialah tentang dakwah agama, keduanya ialah tentang hak kebebasan beragama.

Perlulah kalau boleh mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah kedudukan seksyen-seksyen ini mematuhi kehendak perlembagaan dan apakah sebenarnya semangat dan maksud seksyen ini? Sebab jikalau timbul perkara ini dan saya yakin juga bahawa masalah akan timbul mengenai seksyen ini dalam pelaksanaannya nanti akan memudahkan pihak mahkamah untuk memberi tafsiran kepada seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang hendak saya nyatakan dan yang telah dapat saya rumuskan secara agak "choppy", dengan izin kerana hendak cepat dan saya percaya dan yakin walaupun akta ini memberi kuasa yang luas kepada Menteri, tetapi daripada rekod atau track record yang telah kita lihat sejak merdeka lagi, bahawasanya kuasa ini, insya-Allah akan dilaksanakan sesuai dengan matlamat pengwujudan akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Kita ke Sabah dahulu. Dijemput Tuan Haji Sairin bin Karno.

5.44 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya adalah yang ketiga terakhir atau kedua terakhir dan saya tidak akan mengambil waktu yang panjang sebab biasanya yang penghabisan

itulah yang akan berucap panjang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dan sebelum itu seperti rakan-rakan lain, saya juga ingin mengucapkan syabas, tahniah kepada Kementerian Pendidikan khususnya Menteri Pendidikan kita dan Timbalan Menteri Pendidikan yang telah membentangkan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang pada pandangan saya cukup padat, tepat dan sesuai untuk zaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, semangat sahaja tanpa ilmu, dengan izin, out of business. Untuk itu, sebelum saya melangkah kepada fasal-fasal lain saya ingin menyatakan mengenai yang mana sekolah tadika PASTI yang ada di Kelantan juga telah merebak ke negeri Sabah. Kalau tidak silap saya seramai 400 murid-murid telah diperuntukkan atau PASTI ini beroperasi di situ dengan kapasiti muridnya seramai 400. Saya mohon supaya Kementerian Pendidikan supaya mengkaji, mencari jalan bagaimana supaya ini tidak berlaku di negeri Sabah. Mencegah lebih baik daripada mengubati. Kalau kita biarkan begitu sahaja, sedikit-sedikit menjadi bukit dan yang akan menghadapi masalah bukan sahaja Sabah, malah seluruh negara. Saya mohon Kementerian Pendidikan mencari jalan lain supaya PASTI ini dapat diberhentikan dengan apa cara di negeri Sabah dan juga di negeri-negeri lain di Malaysia. Sesuai dengan Fasal 20, 21 dan 22 pada muka surat 24 di dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini.

Yang kedua, barangkali saya kurang popular bila saya menyatakan bahawa bahasa Kadazan Dusun. Ini bila saya perkatakan Kementerian Pendidikan hendaklah mencari pendekatan yang sesuai sehingga bahasa ini dapat dinikmati oleh rakyat Sabah khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Sekiranya tidak mencapai kepada sasaran negara, saya ingin memberi pandangan di sini, oleh kerana bahasa Kadazan Dusun ini mempunyai tidak kurang daripada 28 dialek di Sabah sahaja, jadi untuk mengimplementasikannya bukanlah mudah.

Jadi, untuk itu saya berharap Kementerian Pendidikan akan melihat dari apa segi juga termasuklah segi politik sebab kadang-kadang bahasa di Sabah terutama bahasa Kadazan Dusun ini digunakan semata-mata untuk mencari sentimen dan untuk menarik pengundi-pengundi tertentu di situ.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, izinkan saya untuk menyatakan sesuatu dengan pilihanraya yang lalu di mana di Panampang, calon Barisan Nasional kita, oleh

kerana beliau menyertai Barisan Nasional dan Barisan Nasional di anggap sebagai anti kepada suku-suku tertentu, maka calon Barisan Nasional kita daripada Kadazan Dusun ini hanya mendapat undi 28.7 peratus sahaja, jadi kalau kita lihat dalam konteks ini, bahasa kadazan yang kita masukkan dalam rang undang-undang kali ini perlulah dilihat dalam banyak segi. Jadi, ini saya serahkanlah kepada Kementerian Pendidikan untuk memikirkan apa cara terbaik supaya ianya boleh mengintegrasikan antara semua kaum di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal....*[berhenti berucap sambil menyemak Fasal yang hendak disebutkan]* Oleh kerana ini sudah bercampur-campur ini, *[Ketawa]* sudah disebut oleh rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Walau bagaimanapun, saya lihat yang mana-mana saya boleh sebut di sinilah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ding Seling: Sila.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Dalam Fasal 103 - pendaftaran guru-guru di mana di daerah pedalaman di Sabah, bukan sahaja di Keningau ini, di daerah-daerah pedalaman di Sabah terdapat ramai guru-guru khususnya guru-guru besar yang tidak bertugas sepenuh masa. Maksud saya banyak waktu yang mereka habiskan berada di luar sekolah daripada berada di sekolah. Jadi, saya harap dengan Fasal yang telah disebutkan di sini, mereka yang tidak bertanggungjawab, yang mengabaikan tugas mereka sebagai guru akan dapat diambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Di samping itu, barangkali sama ada tindakan itu juga diambil perlu kita lihat apa sebab-sebabnya sehingga guru-guru ini banyak berada di luar daripada berada di sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan di satu daerah bernama Salarong, saya pernah sebut, lebih kurang 400-500 kilometer daripada Kota Kinabalu. Ada sekolah bangunan baru dibina, cantik, ada bangunan sekolah ramai murid, ada guru-guru, tidak ada bangku, tidak ada meja, menulis terpaksa, saya tak tahu apa bahasa yang boleh kita gunakan, tanpa meja, tanpa bangku.

Kemudian, kasihan guru-guru yang ada di situ barangkali kalau ada rumah PPRT yang diperuntukkan oleh kerajaan, jauh lebih bagus daripada rumah mereka. Mereka terpaksa tinggal di rumah yang barangkali kalau musim hujan, akan basah kuyuplah guru-guru yang bertugas di pedalaman itu. Jadi, mungkin salah satu sebab mengapa guru-guru ini terpaksa berada di tempat itu, sebab tempat tinggal mereka tidak begitu sempurna. Kita mohon agar rumah guru-guru ini, terutama mereka yang berada di

pedalaman akan dapat dilihat dalam konteks yang lebih elok, dalam konteks di mana guru-guru ini selesa untuk mengajar anak-anak di pedalaman.

Kalau barangkali sistem atau cara sebelumnya di mana anak-anak tempatan yang telah menjadi guru dapat ditugaskan di situ, itu salah satu cara untuk mengatasi masalah ini. Tetapi oleh kerana guru-guru di pedalaman jauh daripada mencukupi, inilah yang berlaku, terpaksa mengambil guru daripada daerah lain, di mana guru ini masalah besar yang mereka hadapi selain dari berjalan kaki, naik bot dan melalui kenderaan darat, mereka terpaksa tidak mempunyai tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, murid-murid di pedalaman juga, kalau barangkali ada kesempatan jengok-jengoklah satu daerah yang bernama Sekolah Kebangsaan Selarong. Kawasan itu adalah salah satu tempat yang telah kita ilhamkan di mana Maktab Perguruan Keningau telah menjadikan sekolah itu sebagai anak angkat mereka. Alhamdulillah, bila ini mereka lakukan, kelulusan baru-baru ini cukup memuaskan, walaupun tidak sebaik dengan sekolah-sekolah yang ada di bandar ataupun di sekolah-sekolah yang memang dekat dengan kawasan yang mudah memperolehi kemudahan-kemudahan yang lain. Dan kalau boleh, saya ingin menyarankan supaya asrama-asrama desa untuk menampung beberapa sekolah yang telah ditutup kerana kekurangan murid agar asrama-asrama desa ini diperbanyakkan secepat mungkin di Sabah. Saya percaya di Sarawak juga begini, agar masalah murid dan masalah guru ini dapat diambil perhatian secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, barangkali masalah guru juga belum habis. Kalau kita lihat dari banyak segi nampaknya sistem SSB ini, Sistem Saraan Baru ini barangkali 'sayang-sayang boss' ini mungkin kurang begitu sesuai. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kementerian juga mengkaji mencari jalan supaya sistem SSB ini untuk guru-guru dapat dicari jalan yang terbaik supaya tidak ada guru yang teraniaya ataupun seolah-olah dianaktirikan.

Mengenai dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Hanapiah tadi, saya juga kurang jelas di mana dalam Fasal 65 ada dinyatakan bahawa 'seorang pengamal perubatan atau pengamal pergigian berdaftar dan seorang yang tanpa alasan yang munasabah tidak mematuhi kehendak itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM500. Saya mohon Timbalan Menteri Pendidikan menjelaskan Fasal 65(2), muka surat 41, yang mana kalau ini dikuatkuasakan, saya takut kalau di Daerah Pensiangan - jangan bilang Daerah Pensiangan, di daerah-daerah pedalaman yang ada di

situ, kemudahan-kemudahan kesihatan, apa lagi kemudahan rawatan gigi ini langsung tidak ada. Yang ada cuma doktor udara. Jadi, kalau ini yang ditafsirkan di sini, saya mohon supaya barangkali di kawasan-kawasan pedalaman di lihat atau dibantu dengan apa cara supaya ini jangan diimplementasikan untuk masyarakat atau murid-murid atau guru-guru di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 73, muka surat 45, pernah terjadi sejumlah pelajar SPM dan STPM di negeri Sabah di mana akhirnya mereka tidak dapat mengikuti peperiksaan SPM dan STPM oleh sebab sekolah swasta di mana mereka belajar tidak bertanggungjawab segala yuran-yuran peperiksaan mereka telah diselewengkan entah ke mana dan yang menjadi mangsa ialah anak-anak sekolah kita yang menduduki peperiksaan SPM dan STPM yang terpaksa tidak dapat menduduki peperiksaan. Mudah-mudahan dengan Fasal 73 ini, perkara ini tidak akan berulang lagi di Sabah, bukan sahaja di Sabah, malah di seluruh negara kita yang tercinta.

Yang sebenar, Tuan Yang di-Pertua, banyak yang sudah tercatat ini, tetapi sudah disebut-sebut juga. Saya pun tidak mahu cakap panjang. Ahli-ahli Yang Berhormat pun ada lagi yang akan membahas Rang Undang-undang ini. Cuma saya ingin berkongsi pandangan dan pendapat dengan Yang Berhormat Puan Kamilia, di mana institusi khas, saya ingat sudah sampai waktu. Kalau Ilmu Perguruan Khas, kita sudah ada. Kalau tidak silap saya ada di Cheras. Saya juga ingin mencadangkan supaya ilmu perguruan bahasa Inggeris kita wujudkan, sama dengan cadangan Yang Berhormat Puan Kamilia. Dan juga kalau boleh, kerana di dalam bukan sahaja bahasa Inggeris, Maktab Sains kita sudah ada. Jadi, kalau boleh ingin saya cadangkan supaya maktab Matematik juga ditubuhkan pada masa akan datang.

Jadi, kita sedia maklum bahawa parti-parti pembangkang, bukan sahaja, kalau di sini barangkali PAS atau S.46, PBS juga yang masih terus membangkang kita, walaupun mereka ada hasrat untuk memasuki Barisan Nasional, tetapi mereka juga turut membangkang mengenai dengan Rang Undang-undang Pendidikan kita, kita jangan pedulilah sangat. Pembangkang, inilah kerjanya. Kalau memang sudah tidak ada modal, apa-apa pun dia buat. 'Tidak dapat tanduk, telinga dipulas.'

Bagi kita, kerajaan yang telah kita buktikan kepada rakyat bahawa kita adalah kerajaan yang terbaik antara parti-parti di seluruh Malaysia, maka kita teruskan. Bagi kami rakyat di Sabah khususnya, menyokong penuh Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

5.58 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap ribuan terima kasih kerana beri peluang kepada saya untuk bercakap sedikit-sebanyak ke atas Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Saya faham dan terang sekali bahawa Rang Undang-undang ini telah mengambil kira segala kebaikan untuk membendungkan pelajar-pelajar sehingga mereka dapat kemakmuran hidup di akhirnya. Kementerian Pendidikan perlu diberi penghormatan yang tinggi kerana telah menggubalkan satu perancangan yang begitu teliti daripada semua aspek bagi membangun taraf pendidikan di negara ini.

Dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya syorkan pihak kerajaan tidak akan ketepikan pelajar-pelajar yang miskin untuk meneruskan pelajaran mereka ke tahap yang setinggi-tingginya, seperti kumpulan-kumpulan yang lain, yang kaya dapat meneruskan pelajaran mereka. Pada masa-masa yang lepas, ramai daripada rakyat luar bandar dan ada juga di bandar-bandar yang pelajar-pelajar tidak dapat meneruskan pelajaran mereka ke tahap yang tinggi disebabkan kemiskinan. Saya berharap melalui akta ini, kaum-kaum yang benar-benar tidak bernasib baik akan dapat pembelaannya.

Tentang tekanan bahasa Inggeris yang perlu dipertingkatkan, kita berharap mereka ini benar-benar mendapat peluang yang benar-benar dikehendaki dan untuk meneruskan perkara ini, kerajaan perlu mendapatkan guru-guru yang benar-benar berkelayakan dan yang boleh memberi peranan yang begitu memuaskan supaya kita dapat menguasai pelajaran Inggeris itu dengan seberapa segera dengan meluasnya.

Dalam pelajaran-pelajaran lain juga seperti mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Kebangsaan dan lain-lain, kita juga janganlah abaikan dan kita perlu guru-guru yang betul-betul berkelayakan dan mereka mesti berdisiplin untuk memberi pelajaran yang benar-benar dikehendaki oleh pelajar sekalian.

Selain daripada itu juga, pelajaran agama perlu juga ditekankan dalam

bidang tidak setakat teori sahaja bahkan praktikal supaya mereka apabila keluar daripada universiti dan sekolah-sekolah nanti akan jadi anak-anak yang berguna di dunia dan di akhirat. Saya ingat tak perlulah saya bercakap lebih panjang dalam hal ini kerana masa tidak mencukupi, sekian, saya menyokong rang undang-undang ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menjawab.

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dengan memberi berbagai-bagai pandangan dan cadangan.

Saya mohon izin untuk memberikan ulasan-ulasan dan juga penjelasan-penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng See Tiong telah menyuarkan kebimbangan tentang kuasa menteri yang diperuntukkan dalam rang undang-undang. Tiap-tiap sistem memerlukan authoriti untuk menjamin kelicinan

dan keluwesan perjalanan sesuatu sistem itu. Sebenarnya kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri Pendidikan dalam rang undang-undang ini adalah kuasa biasa yang diperlukan untuk memastikan sistem pendidikan di negara ini berjalan dengan teratur dan sempurna.

Kuasa yang peruntukkan kepada menteri itu, diperlukan untuk memudahkan ataupun facilitate serta mengawal selia perjalanan sekolah dan institusi pendidikan. Tidak ada mana-mana pihak seharusnya bimbang dengan pemberian kuasa kepada menteri oleh kerana Menteri Pendidikan senantiasa bertindak sebagai anggota Kabinet dan biasakan mengambil keputusan secara kolektif dan permuafakatan. Sejarah pendidikan di negara ini juga telah membuktikan bahawa kuasa tersebut telah digunakan dengan adil dan saksama oleh Menteri Pendidikan.

Berhubung dengan pendidikan prasekolah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Senator Ng See Tiong juga Yang Berhormat Senator N. Marimuthu dan beberapa yang lain, suka saya menekankan di sini bahawa prasekolah adalah merupakan asas yang sangat penting sebagai persediaan untuk pendidikan formal. Kerajaan memang menggalakkan mana-mana pihak yang berminat untuk mengendalikan program prasekolah secara persendirian.

Walau bagaimanapun, tiap-tiap tadikan perlulah didaftarkan dengan Kementerian Pendidikan supaya program yang dijalankan selari dengan Dasar dan Falsafah Pendidikan Negara. Setakat ini bilangan prasekolah dan tadika yang

bukan di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan ialah sebanyak 9,293 buah. Mengikut Fasal 151 rang undang-undang ini, tadika yang telah didaftarkan di bawah Akta Pelajaran 1961 memang dianggap telah berdaftar di bawah rang undang-undang ini. Mana-mana tadika yang tidak berdaftar di bawah Akta Pelajaran 1961, hendaklah didaftarkan di bawah rang undang-undang besok apabila telah mula dikuatkuasakan setelah diwartakan oleh kerajaan.

Saya suka menjelaskan sedikit yang diminta oleh Yang Berhormat Senator Tuan Hanipah bin Ahmad sebentar tadi tentang bahasa pengantar yang digunakan ini. Dalam akta ini memang kita membenarkan bahasa-bahasa lain digunakan, tetapi kita mewajibkan Bahasa Kebangsaan itu juga hendaklah diajar kepada kanak-kanak tersebut. Kita kena ingat iaitu dalam peringkat prasekolah di peringkat tadika ini kanak-kanak masih berumur kurang lebih empat tahun dan pada peringkat itu, kita berpendapat agak sukar kalau sekiranya anak-anak ini hendak terus diberikan penekanan dari segi Bahasa Kebangsaan kita itu. Namun demikian, kita tidak cuai dalam tanggungjawab kita untuk memupuk secara beransur-ansur minat dan kefahaman supaya apabila mereka sampai ke peringkat sekolah formal nanti, kefahaman serta minat mengenai penting dan perlunya Bahasa Kebangsaan itu telah pun dapat disemai dan ditanamkan pada peringkat prasekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Senator M.G. Pandithan dan juga Yang Berhormat Senator Datin Hajah

Wan Intan telah menimbulkan soal penukaran sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknikal. Saya suka jelaskan bahawa apabila Kementerian Pendidikan mengumumkan penukaran sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik, timbul kebimbangan tentang masa depan pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian rendah dalam PMR.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar ke Tingkatan 4 di SMV bagi aliran latihan kemahiran masih diteruskan seperti biasa. Oleh itu masalah kekurangan tenaga separuh mahir tidak akan timbul. Persoalan tentang pembaziran peralatan dan mesin-mesin juga tidak timbul kerana peralatan yang sedia ada di sekolah menengah vokasional masih boleh digunakan untuk aliran latihan kemahiran seperti biasa. Tujuan Kementerian Pendidikan memberi penegasan kepada pendidikan teknik ialah untuk memastikan negara mempunyai tenaga manusia terlatih dan berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri yang semakin bercorak canggih dan capital intensive.

Yang Berhormat Senator Ng See Tiong juga dan Yang Berhormat Senator N. Marimuthu telah menimbulkan soal bantuan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Saya ingin menjelaskan bahawa sekolah kerajaan memang diberi peruntukan pengurusan dan pembangunan yang sepenuhnya oleh kerana sekolah-sekolah ini dimiliki, ditubuh dan diselenggarakan oleh kerajaan.

Perlu saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebahagian daripada SRJK(C) dan SRJK(T) adalah sekolah kerajaan dan mendapat peruntukan

pengurusan dan pembangunan yang sepenuhnya. Sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang pernah dipanggil sekolah bantuan modal, tidak dimiliki oleh kerajaan tetapi dimiliki oleh badan-badan persendirian. Tapak serta bangunan sekolah-sekolah ini bukan milik kerajaan. Namun demikian, sekolah-sekolah ini diberi bantuan pengurusan sepenuhnya iaitu sama seperti yang diberi kepada sekolah-sekolah kerajaan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana tapak dan bangunannya tidak dimiliki oleh kerajaan, maka adalah tidak selaras dengan peraturan kerajaan, Kementerian Pendidikan memberi bantuan pembangunan yang sepenuhnya kerana ini akan bermakna seolah-olah kerajaan membiayai pembangunan sepenuhnya tapak dan bangunan swasta yang bukan dimilikinya.

Namun demikian, ini tidak bermakna kerajaan tidak memberi bantuan pembangunan sama sekali kepada sekolah-sekolah bantuan ini. Bantuan pembangunan sekolah-sekolah ini diberi untuk menampung sebahagian dari keperluan pembangunan dan bantuan itu boleh digunakan untuk tujuan mengadakan bangunan, pengubahan atau penambahan bangunan yang sedia ada, mengadakan perabot atau kelengkapan bagi bangunan yang baru yang diubah atau yang ditambah iaitu seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 2 rang undang-undang ini.

Berhubung dengan kekurangan guru, saya ingin memaklumkan bahawa kekurangan ini berlaku di semua jenis sekolah dan bukan hanya berlaku di sekolah

rendah jenis kebangsaan Cina sahaja seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Ng See Tiong. Sungguhpun terdapat kekurangan guru bahasa Cina, bukanlah bermakna sekolah berkenaan tidak mempunyai guru bahasa sama sekali. Sebenarnya, di sekolah-sekolah tersebut, guru bahasa memang ada, hanya mereka yang tidak terlatih dan sebilangannya telah lama mengajar sebagai guru sandaran.

Namun demikian, ingin saya menjelaskan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah untuk menambah bekalan guru Bahasa Cina dengan menambah secara berperingkat-peringkat, pengambil guru pelatih di maktab-maktab perguruan. Pada masa sekarang terdapat seramai 1,940 orang guru pelatih bahasa Cina sedang mengikuti pengajian di maktab perguruan. Sehubungan ini, saya ingin memaklumkan, satu masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan, iaitu kurangnya sambutan daripada calon-calon untuk mengikut kursus bahasa Cina di maktab-maktab perguruan.

Untuk mengatasi masalah ini beberapa langkah telah diambil untuk menarik lebih ramai calon untuk mengikuti bidang ini, contohnya, pengumuman di akhbar-akhbar China dan pelawaan temuduga terus ataupun dengan izin, walks in interviews telah dilakukan untuk mencukupkan bilangan calon yang diperlukan.

Berhubung dengan cadangan supaya syarat pengambilan guru-guru pelatih bahasa Cina dilonggarkan, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat kepada dua perkara. Pertama, perkhidmatan pendidikan adalah perkhidmatan awam dan pengambilan guru seperti pegawai-pegawai awam yang lain adalah tertakluk

kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Kedua, pengambilan guru-guru yang tidak mempunyai syarat-syarat kelayakan yang sesuai akan menjejaskan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal bahasa ibunda juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Marimuthu yang meminta supaya pengajaran bahasa Tamil atau bahasa ibunda perlu diadakan apabila terdapat 10 orang murid. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk mengadakan kelas bahasa ibunda, syaratnya ialah jika ada permintaan oleh 15 orang ibu bapa murid, seperti yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini. Syarat ini dikenakan supaya kos pembelajaran ini tidak terlalu tinggi. Sekiranya kelas tersebut diadakan, bagi bilangan murid yang kurang daripada 15 orang murid, ia dianggap tidak ekonomikal.

Saya suka juga menarik perhatian Yang Berhormat bahawa kita tidak boleh hendak membandingkan soal pengajaran bahasa ibunda ini dengan soal hendak memberikan pengajaran agama Islam yang disebut dalam Akta ini di mana apabila terdapat 5 orang pelajar Islam, maka pengajaran agama Islam itu hendaklah diberikan. Kita tidak boleh membuat perbandingan begitu, kerana satu, soal agama dan satu, soal bahasa ibunda. Itu sebabnya dalam Akta ini digariskan begitu rupa.

Tuan Yang di-Pertua, soal kekurangan sekolah di kawasan perumahan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Ng See Tiong, sebenarnya ini telah disebut beberapa kali dan saya cuma hendak ulang lagi, supaya kita betul-betul jelas, bahawa garis panduan supaya dalam setiap 1,250 unit rumah yang diadakan oleh pihak pemaju maka pemaju dikehendaki menyediakan tapak seluas 6 ekar bagi

pembinaan sekolah rendah. Dan bagi kawasan baru yang mempunyai 2,500 unit rumah pula, pihak pemaju dikehendaki menyedia dan menyerahkan kepada pihak berkuasa tapak bagi pembinaan sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah. Dengan ini dijangkakan kerajaan dapat menyediakan bilangan sekolah yang mencukupi di masa akan datang.

Mengenai Sekolah Wawasan, Kementerian Pendidikan akan melaksanakannya sebagai suatu cara ke arah mencapai matlamat integrasi nasional.

Soal kedudukan Lembaga Pengelola Sekolah yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Senator Ng See Tiong, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan mengambil maklum akan cadangannya supaya Lembaga Pengelola yang baru dilantik mengikut Fasal 61 itu terdiri daripada 3 orang wakil Kementerian Pendidikan, 3 orang Wakil Murid Tua, 3 orang Wakil Ibu Bapa dan 3 orang Wakil Amanah.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali ada juga menimbulkan soal penglibatan guru-guru dalam politik, khususnya di Kelantan dan berasa tidak senang kerana tidak ada tindakan diambil terhadap mereka setakat ini. Peraturan 21(i), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 melarang pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional melibatkan diri dalam politik. Oleh yang demikian, guru-guru berijazah tidak dibenarkan bergiat dalam politik dan tindakan boleh diambil terhadap mereka sekiranya mereka melibatkan diri.

Sebenarnya Kementerian Pendidikan memang menyedari dakwaan tentang terdapatnya penglibatan sebahagian guru dalam politik dan kementerian telah pun meneliti perkara ini. Ada senarai-senarai yang telah sampai kepada Menteri dan juga saya sendiri, dan saya cuma hendak menyebut sedikit sahaja di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu di mana kita dapati ada alasan-alasan yang kukuh untuk kita bertindak, maka tindakan itu akan kita ambil terutama sekali dari segi hendak menukarkan guru-guru yang berkenaan yang banyak kita terima daripada Ahli-ahli

Yang Berhormat.

Tetapi saya suka hendak tegaskan bahawa dari segi prinsipnya, di mana-mana kita dapati perbuatan guru-guru yang melampaui batas, maka saya tegaskan bahawa kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil apa jua tindakan yang kita fikir munasabah, yang wajar supaya kita tidak mahu profesion guru itu dicemarkan dengan pelbagai kegiatan yang boleh menjejaskan imej profesion perguruan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Yang Berhormat Senator M.G. Pandithan juga ada menimbulkan soal peranan yang mesti dimainkan oleh Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk memperbaiki mutu sukan di negara ini. Sebenarnya kita ada program untuk membantu bidang sukan di negara kita ini supaya dapat dipelihara dan dinaikkan tarafnya dari satu masa ke satu masa.

Selain daripada langkah-langkah yang kita buat melalui Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, mulai tahun hadapan ataupun bulan Januari ini, salah satu daripada sekolah sukan kita yang ada di Bukit Jalil akan mula mengambil murid-muridnya seramai 200 orang dan pada akhirnya di sekolah sukan itu akan ada 600 orang murid daripada Tingkatan Satu sampai ke Tingkatan Lima.

Selain daripada sekolah sukan yang ada di Bukit Jalil, kita juga ada program untuk membuat dua buah sekolah sukan lagi. Satu di Bandar Penawar di negeri Johor dan satu lagi di Sarawak dan kita harap apabila sekolah-sekolah sukan ini digerakkan dengan sepenuhnya nanti, ianya akan dapat mencapai matlamat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat M.G. Pandithan sebentar tadi.

Soal disiplin di kalangan pelajar-pelajar, saya suka menegaskan bahawa dari segi prinsip dan dasarnya kita tidak berkompromi. Kita tidak ada tolak ansur, dari segi prinsipnya mengenai soal disiplin di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah dan juga pelajar-pelajar kita di institusi-institusi pengajian tinggi.

Kita cuba menangani masalah ini melalui jentera yang ada di dalam Kementerian Pendidikan melalui guru-guru disiplin yang ada di sekolah-sekolah, guru-guru kaunseling yang ada di sekolah-sekolah, melalui PIBG-PIBG, melalui jawatankuasa permuafakatan yang melibatkan pelbagai anggota masyarakat termasuklah pihak polis dalam jawatankuasa permuafakatan yang tujuannya untuk sama-sama

mengawasi dan mengendalikan soal disiplin di kalangan pelajar-pelajar ini dapat kita kawal dengan sebaik mungkin.

Kita di Kementerian Pendidikan tidak ada masalah sekiranya semua ibu bapa setuju jika kita gunakan rotan ini semula, kita boleh melaksanakan tetapi saya kata, semuanya itu mestilah mendapat persetujuan daripada pihak-pihak yang saya katakan tadi.

Cuma saya hendak mengatakan bahawa walaupun ada terdapat kenyataan-kenyataan dan berita-berita di dalam akhbar tentang berlakunya soal-soal disiplin di sekolah-sekolah, pada keseluruhannya keadaan itu masih terkawal dan kita telah pun membuat satu keputusan di mana kita akan mengadakan seorang guru kaunseling yang khusus untuk memberikan tumpuan kepada kerja-kerja kaunseling sahaja. Guru-guru kaunseling ini tidak payah mengajar lagi. Kerja dia ialah untuk memberikan khidmat nasihat, penerangan-penerangan dan penjelasan-penjelasan sebagai satu cara untuk kita hendak mengatasi masalah disiplin di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Kian Sit Har....

Tuan Hanipah bin Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada permintaan laluan. Penjelasan, sila.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya hendak mengambil peluang sebelum Timbalan Menteri berpindah kepada perkara lain berkenaan dengan disiplin.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan disiplin murid-murid. Bagaimana dengan disiplin guru? Adakah kerajaan berpuas hati dengan disiplin guru buat masa sekarang?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya itu, kerajaan berpuas hati. Tinggal lagi kita pun maklum ada sebilangan guru-guru yang membuat perkara-perkara yang boleh mencemarkan nama baik profesion itu sendiri. Saya selalu kata, di sekolah-sekolah kita, kita mempunyai lebih kurang 4,000,000 murid dan kita ada lebih kurang 250,000 orang guru. Baik murid, baik guru semuanya ini ada macam-macam latar belakang. Kadangkala ada saat dan ketikanya guru-guru ini mungkin disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dia hendak kawal diri dia, maka dia membuat perkara-perkara yang tidak sepatutnya dibuat.

Malahan ada guru-guru yang sampai memperkosa murid-murid pun ada. Ini benda yang

tidak boleh kita hendak sembunyi. Kita kena mengakui ada benda-benda yang macam itu berlaku tetapi tidak banyakkah.

Dari segi peraturan kerajaan, kalau kita mempunyai bukti-bukti yang sahih tentang kelakuan-kelakuan yang tidak baik diamalkan oleh guru-guru, maka tindakan-tindakan boleh kita ambil mengikut bukti-bukti yang ada pada kita dan kita boleh ambil tindakan sehingga kita boleh memberhentikan guru-guru sekiranya kita mempunyai bukti-bukti yang betul dan tepat.

Jadi, itu sepintas lalu yang dapat saya katakan, Tuan Yang di-Pertua. Namun demikian, kita senantiasa mengawasi dan meneliti soal-soal disiplin baik di kalangan murid-murid termasuk jugalah guru-guru yang kita pun tahu ada melakukan perkara-perkara yang kadangkala cukup memalukan kita semua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Kian Sit Har ada menyebutkan tentang sekolah menengah Cina swasta dan juga sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Saya hendak simpul begini sahajalah. Semua perkara yang berkaitan dengan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, sekolah rendah jenis kebangsaan swasta, 60 buah sekolah jenis independence Chinese schools, lembaga pengelola sekolah-sekolah Cina ini, saya hendak kata begini sahajalah.

Dalam akta ini, Perkara 151 ini cukup jelas. Saya harap, jangan ditimbulkan lagi. Baca baik Fasal 151 ini, cukup jelas tentang kedudukan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan, kedudukan ahli lembaga pengelolanya, kedudukan 60 buah sekolah jenis Cina bebas ini. It is all specified here. Mana yang sudah didaftarkan di bawah Akta 1961 melalui Fasal 151 dengan tersendirinya *status quonya* kekal, tidak berubah.

Itu yang saya hendak simpul, saya tidak payah cerita panjang sangat dan saya harap, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini semuanya bertanggungjawab dan jangan kita terperangkap dengan mainan mana-mana golongan yang cuba hendak menjadikan soal pendidikan ini sebagai suatu politik, sebagai satu perbincangan yang pada akhirnya boleh mengelirukan ramai orang dan saya percaya, setiap daripada kita faham akan pentingnya soal pendidikan ini kepada rakyat dan negara kita ini di masa-masa akan datang dari segi hendak mencapai matlamat-matlamat perpaduan dan kemajuan bangsa dan negara kita.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Senator Kian Sit Har juga ialah soal sistem kuota yang ada di institusi pengajian tinggi sekarang. Yang ini pun saya suka hendak cakap ringkas sahaja, hendak cakap tegas sahaja, setakat ini, soal kuota ini saya harap janganlah ditimbulkan lagi kerana kita kena terima hakikat bahawa kedudukan Melayu dan bumiputera di institusi pengajian tinggi masih perlu kepada usaha-usaha yang lebih banyak. Maknanya kita mahu pertingkatkan penyertaan dan penglibatan Melayu dan bumiputera itu. Kalau benda-benda yang sudah dimuktamadkan ini diungkit-ungkit, ini boleh menimbulkan perkara-perkara yang tidak baik di kalangan kita semua.

Jadi, saya harap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi kuota ini kita masih perlu kekalkan dan matlamatnya ialah untuk kebaikan kita bersama-sama.

Yang Berhormat Senator Jangu dari Sarawak. Ini soal pentadbiran sekolah-sekolah dan kekurangan sekolah-sekolah, terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman, saya insaf akan masalah yang ada menyelubungi sekolah-sekolah kita di kawasan-kawasan pedalaman, terutama sekali dari serba-serbi kita sedia maklum Kementerian Pendidikan ini dan kita tidak biarkan. Tinggal lagi, kita kena ingat bahawa kita manusia biasa. Kita cuba perbaiki keadaan ini, baik dari segi peralatan, baik dari segi hendak melatih guru-guru yang lebih baik, kita buat kerja-kerja ini dengan harapan anak-anak kita yang ada di kawasan-kawasan pedalaman ini juga mendapat khidmat dan ilmu serta pengetahuan yang sebaik mungkin daripada kemudahan-kemudahan yang kita sediakan.

Begitu juga dari segi hendak memperbaiki lagi pencapaian anak-anak kita di dalam mata pelajaran seperti mata pelajaran Matematik, Sains, terutama sekali, sehinggalah sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman bertanya adakah kerajaan puas hati di atas pencapaian anak-anak kita dari segi mata pelajaran Sains dan Matematik ini?

Saya jawab terus, kita tidak puas hati lagi. Itu sebabnya kita sampai menukarkan sekolah menengah SMV kepada SMT. Hasrat kita ialah cuba hendak mencari jalan hendak buat tindakan ini supaya pada akhirnya hasrat kita hendak melihat lebih ramai lagi anak-anak bangsa kita ini menguasai mata-mata pelajaran

tersebut dapat kita capai melalui langkah-langkah yang kita ambil dari satu masa ke satu masa.

Di kementerian ini pun ada Jawatankuasa Sains ini sehinggakan ada masa dan ketikanya sampai kita buat gerak gempur juga untuk menimbulkan minat dan merangsang serta menyedarkan murid-murid dan guru-guru akan pentingnya mata pelajaran matematik, sains dan teknikal ini.

Jadi, kita akan pertingkatkan usaha-usaha itu, baik dari segi hendak menokok tambah kemudahan di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar dari segi hendak menghantar guru-guru yang lebih mahir, semuanya ini kita uruskan dari satu masa ke satu masa.

Ini fasal bahasa ibunda. Bahasa ibunda, baik Iban, Kadazan dan lain-lain. Saya cuma dapat mengatakan di sini bahawa.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, permintaan laluan. Penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak minta penjelasan sedikit, tadi saya memohon kalau sekiranya kerajaan sedar dan prihatin terhadap keciciran bumiputera, terutama sekali di pinggir di dalam bidang sains, matematik dan sebagainya ini dan pada masa yang sama meletakkan mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran asas untuk menentukan lulus atau tidak lulusnya dari segi hendak masuk ke peringkat-peringkat yang atas,

adakah pihak kerajaan hendak membentuk jawatankuasa khas untuk meneliti krisis sains dan matematik di kalangan bumiputera supaya kertas putih dapat dibentangkan untuk kita benar-benar menunjukkan prihatin kita? Itu yang hendak saya timbulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita di Kementerian Pendidikan sedar benar tentang masalah ini, sama ada sampai tahap kita hendak menubuhkan suatu Jawatankuasa Petugas dan membuat penelitian dan membentangkan suatu kertas putih. Perkara ini boleh kita teliti, tetapi saya hendak mengatakan di sini bahawa kita sedar akan masalah yang ada di hadapan kita ini yang ada hubungkait dengan soal mata pelajaran Sains dan teknikal yang perlu kita ambil tindakan secara bersungguh-sungguh kalau kita hendak mencapai dalam erti kata yang sebenarnya matlamat-matlamat pembangunan negara kita di masa yang akan datang.

Saya berbalik kepada soal bahasa ibunda ini tadi, dalam Akta ini jelas kalau sekiranya ada permintaan daripada ibu bapa, sekurang-kurangnya 15 orang itu, perkara itu boleh diadakan dan ini ada diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini di dalam Fasal 2.

Satu lagi perkara, ini soal anak-anak kita yang cacat ini. Di Kementerian Pendidikan, apabila kita susun semula kementerian hari itu, kita telah menubuhkan 6 jabatan dan salah satu daripada jabatan itu ialah Jabatan Pendidikan Khas yang

menguruskan soal-soal pendidikan anak-anak kita yang cacat ini. Sebenarnya, kita cuba hendak membawa anak-anak ini mendapatkan pelajaran bersama-sama dalam sekolah biasa dan perkara ini kita uruskan dengan cermat. Cuma, kalau secara khusus, ada di sesuatu tempat itu misalnya kanak-kanak yang bisu ini cukup bilangannya, sekurang-kurangnya 10 atau 15 orang, kita boleh timbangkan untuk mengadakan kelas-kelas yang seperti itu.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah bertanya tentang kedudukan Ijazah Perubatan kita yang dikatakan tidak diiktiraf di luar negara. Suka saya jelaskan sehingga ini, kementerian kita belum mendapat apa-apa maklumat mengenai dakwaan bahawa Ijazah Perubatan universiti tidak diiktiraf oleh pihak luar negeri. Ini adalah kerana sehingga ini, tidak ada masalah lulusan ataupun graduate kita mengikuti Ijazah lanjutan di universiti-universiti di luar negara. Walaupun begitu, kita akan meneliti perkara ini. Sekiranya betul, kita akan uruskan supaya perkara-perkara yang macam ini tidak menjejaskan pendidikan anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga tentang soal pengiktirafan Ijazah di Universiti Islam Antarabangsa yang dibangkitkan. Sebenarnya perkara ini saya setuju, mungkin agak kelewatan, tetapi soal ini sedang diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan saya fikir untuk masa-masa yang akan datang ini, apabila kita membentangkan satu Rang Undang-undang mengenai accreditation yang kita panggil Lembaga Akreditasi Nasional. Kita akan bentangkan di dalam sidang

Dewan Rakyat yang akan datang dan mungkin perkara-perkara yang macam ini boleh kita atasi dengan kadar yang lebih cepat lagi daripada yang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Jamaludin bin Haji Ahmad dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz telah membangkitkan soal penterjemahan istilah-istilah buku dan lain-lain perkara, terutama sekali oleh Dewan Bahasa. Suka saya jelaskan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka memang telah pun mempergiatkan lagi usaha-usaha penterjemahan buku-buku tertentu seperti di dalam bidang sains dan teknologi. Usaha ini dipergiatkan lagi dengan penubuhan Institut Terjemahan Negara.

Walau bagaimanapun, langkah Kementerian Pendidikan untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran bidang sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi boleh mempercepatkan lagi proses penerapan ilmu pengetahuan.

Soal mata pelajaran geografi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Wan Intan, suka saya jelaskan bahawa geografi tetap ditawarkan sebagai mata pelajaran sungguhpun tidak dimasukkan di dalam jadual mata pelajaran teras kerana mata pelajaran ini diberikan pilihan dan dijadikan sebagai mata pelajaran pilihan ataupun elektif di dalam sistem kita sekarang.

Saya sedar tentang seminar yang telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia itu. Sebenarnya saya yang pergi merasmikan dan saya pun dihubungi dengan masalah ini dan kita di kementerian pun sudah berbincang sedikit-sebanyak tentang soal ini dan kita tidak menafikan peranan dan kesan mata

pelajaran Geografi ataupun Ilmu Alam ini dalam penyampaian dan penyaluran pelajaran kepada anak-anak kita. Namun demikian, keadaannya ketika ini begitulah dan saya percaya walaupun saya maklum universiti-universiti kita sekarang ada menimbulkan soal kurangnya mahasiswa dan mahasiswi kita yang mengambil mata pelajaran Geografi ini, tetapi saya yakin dengan kecekalan yang ada pada kita, soal-soal ini dapat kita atasi di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Kasim bin Mohd. Yusop telah menimbulkan soal kelas ekspres ataupun kelas lompat ini. Saya suka hendak jelaskan iaitu pokoknya kita tidak ada hendak paksa anak-anak kita dalam melaksanakan express class ini. Kedua, kita pun tidak hendak paksa ibu bapa dalam pelaksanaan express classes ini. Cuma kita adakan ujian tahun depan dan ibu bapa yang berminat boleh membenarkan anak-anak untuk mengambil ujian. Dan saya hendak tegaskan perkara ini supaya jangan kita salah faham dalam proses kita melaksanakan apa juga bentuk pendidikan yang kita sampaikan kepada anak-anak kita.

Ringkasnya terpulanglah kepada ibu bapa dan juga murid-murid. Dari segi kita, ini merupakan satu ruang ataupun peluang untuk hendak menampung anak-anak kita kerana kita tahu bilangan anak-anak yang cerdas otaknya ini pun ada dan bilangan anak-anak kita yang lembab sedikit ini pun ada. Jadi, untuk yang cerdas otak ini, salah satu perkara yang kita cuba hendak selesaikan melalui Kementerian Pendidikan sekarang ialah jangka waktu anak kita pergi mendapatkan pendidikan daripada peringkat prasekolah sampai keluar universiti, kita nampak anak-anak kita ini sudah masuk peringkat hendak tua baru hendak habis belajar, kalau

kita baca betul-betul. Jadi, itu sebabnya kita adakan ruang ini untuk pelajar-pelajar ataupun anak-anak yang cerdas, dia boleh melompat. Itupun selepas diuji. Bukan kita hendak benarkan begitu sahaja, tidak. Ada ujiannya dan dia mesti lulus ujian itu. Ada penilaiannya, baru kita benarkan anak-anak ini melalui kelas ekspres itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan beberapa Senator yang lain telah menimbulkan soal kualiti di dalam bidang pendidikan di negara kita ini. Saya suka hendak tegaskan sekali lagi juga bahawa dalam proses kita melaksanakan dan menguruskan soal pendidikan di negara kita ini, soal kualiti memang menjadi pedoman kita. Apa sahaja perkara yang kita buat di dalam Kementerian Pendidikan terutama sekali dalam menyampaikan pelajaran, ilmu dan pengetahuan kepada anak-anak kita, kita tidak ada kompromi dari segi mutu (quality) pendidikan yang hendak kita sampaikan. Walaupun kita tahu ada kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan seperti di kawasan-kawasan luar bandar dan juga di kawasan-kawasan bandar. Namun demikian, soal kualiti ini memang kita berikan penekanan dan guru-guru kita, murid-murid kita, semua lapisan yang terlibat dalam bidang pendidikan kita ini sentiasa kita berikan pendedahan dan penekanan akan makna, erti dan kesan kerja-kerja kita yang mesti berteraskan kepada mutu (quality) itu.

Ini soal....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada permintaan untuk penjelasan ya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya ucap terima kasihlah kerana Timbalan Menteri menjawab bahawa dia tidak akan kompromi mengorbankan kualiti. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, kebelakangan ini mengadakan private tuition, ini adalah satu lumrah sekarang ini. Kebanyakan penuntut-penuntut atau murid-murid mesti mengambil private tuition. Kalau tidak, dia tidak akan mendapat satu keputusan yang baik di dalam peperiksaan. Ini menunjukkan bahawa pengajaran di sekolah-sekolah tidak mencukupi ataupun rendah kualitinya. Sebab itu dia terpaksa mengambil tuisyen di luar sekolah. Jadi, saya hendak penjelasan. Adakah ini nampaknya dorongan ataupun sebabnya dia terpaksa mengambil tuisyen di luar kerana di sekolahnya tinggi sangat pelajarannya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ini bernasib baik. Sebab saya kata nasib baik, kita bebas untuk membuat perkara-perkara yang tidak melanggar undang-undang dan perkara-perkara yang boleh memberikan kebaikan kepada diri kita, keluarga kita dan masyarakat kita. Jadi, kalau hendak dikatakan pusat-pusat tuisyen ini diadakan kerana apa yang terdapat di sekolah itu tidak cukup, mungkin juga kurang kualitinya. Ini soal tafsiran pada saya. Tetapi yang pentingnya, soal pendidikan ini menjadi tanggungjawab setiap daripada kita dan siapa yang ada minat, ada kemampuan, ada kebolehan untuk memberikan sumbangan dan memainkan peranan, walaupun dengan dikenakan satu kadar bayaran yang tertentu, mereka

boleh berbuat demikian.

Dan adanya pusat-pusat tuisyen ini menunjukkan dengan jelas kepada kita tentang betapa prihatin dan tumpuan yang diberikan oleh setengah-setengah anggota masyarakat kita untuk hendak melihat anak-anak mereka itu berjaya. Tetapi kalau kita ingat juga, soal pusat tuisyen ini pun sejak kebelakangan ini sahaja yang timbul. Masa kita sekolah dulu tidak ada pusat-pusat tuisyen ini tetapi kita pass juga periksa. Bukan begitu? Pass, jadi lawyer. Tidak ada pusat tuisyen waktu itu dulu tetapi ini suatu perkembangan yang berlaku mengikut arus kemajuan itu sendiri dan saya percaya ia tidak memberikan gambaran yang negatif kepada usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Permintaan untuk penjelasan lagi sekali.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Sebelum Timbalan Menteri pindah kepada perkara yang lain, berkenaan peperiksaan Darjah Tiga. Saya hendak mendapat kepastian yang sebenarnya, adakah peperiksaan darjah tiga ini menjadi pilihan? Ia bukan satu yang diwajibkan. Kerana kita takut bila pelaksanaan nanti, sesuatu yang tidak baik akan berlaku di peringkat sekolah dan juga akan berlaku di kalangan ibu bapa sendiri dan bila ianya tidak menjadi wajib, kemungkinan sepertimana Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki kata tadi, tidak akan timbul untuk murid-murid ini

memasuki tuisyen-tuisyen di luar sekolah. Tetapi kalau ianya dijadikan satu benda yang wajib, maka perkara itu akan timbul di kalangan ibu bapa dan pelaksanaan akan timbul di peringkat sekolah.

Saya hanya hendak dapat kepastian bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ia satu pilihan, bukan satu yang wajib.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ia satu pilihan, bukan satu perkara yang wajib. Itu saya ulang! *[Ketawa]* Saya sudah kata tadi, kita tidak paksa. Kita tidak hendak paksa. Dalam negara kita ini tidak ada soal paksa terutama sekali dari segi pendidikan ini. Cuma dari segi kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ado yang pakso. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Bahasa baku. *[Ketawa]*
Jadi...

Puan Kamalia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya. Sila.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua,.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ini berbalik mengenai tuisyen. Memang kita tahu ada ramai ibu bapa yang peka dan prihatin hendakkan anak-anak mereka lebih maju, tetapi kita dapati ini adalah di kalangan

mereka yang berpendapatan tinggi dan kebanyakannya di bandar. Kita tahu juga bahawa jurang perbezaan markah ataupun kelulusan mereka di desa dan di bandar adalah sangat jauh. Jadi, soalnya di sini, iaitu tuisyen sebenarnya membuatkan jurang perbezaan itu besar.

Tadi Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin mengatakan, adakah kerana kualiti pengajaran itu tidak mencukupi? Jadi, saya berbalik kepada point itu, boleh Yang Berhormat jelaskan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir kerana kualiti pendidikan yang kita berikan itu tidak baik, tetapi ada setengah-setengah ibu bapa terutama sekali dalam kawasan bandar, kita pun maklum itu hakikatnya yang hendak pergi ke pusat tuisyen atau hendak pergi hantar anak ke tuisyen ini terdiri daripada mereka yang ada kemampuan. Itu kita memandang sebagai satu ikhtiar, sebagai satu usaha yang dibuat oleh sama ada individu ataupun kumpulan untuk hendak mempertingkatkan lagi pencapaian masing-masing dan kita sedar masalah yang menyelubungi ataupun keadaan yang menyelubungi soal tuisyen dan pusat-pusat tuisyen ini, bukan semua orang boleh pergi.

Saya hendak menegaskan ianya tidak menggambarkan bahawasanya dengan adanya pusat tuisyen ini apa yang diajar oleh guru-guru di sekolah ini tidak ada standard, tidak ada kualiti - itu saya kata tidak berapa tepatlah, kerana sudah

terbukti melalui Akta Pendidikan 1961 sehingga kita buat akta ini, kejayaannya nyata dari segi pencapaiannya, itu yang dapat saya jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada setengah-setengah fasal yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Hanipah bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, yakni mengenai Fasal 17 dan Fasal 75(1). Kalau mengikut akta ini, seksyen 16 dalam akta ini jelas mengatakan bahawa pendidikan swasta termasuk dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Mengikut Fasal 17(1) Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama melainkan institusi pendidikan itu dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen 17(1) - itu jelas dalam hal ini.

Mengenai seksyen 75(1) pula mengambil kira keadaan di mana sesuatu institusi pendidikan dikecualikan daripada seksyen 17(1) dan dalam keadaan ini, Menteri boleh menghendaki institusi pendidikan tinggi tersebut mengajar Bahasa Kebangsaan dan mata pelajaran di bawah subseksyen 75(1). Cumanya seksyen 17(1) ini, tidak bercanggah dengan seksyen 75(1), tetapi akan tetap bercanggah sekiranya perkataan 'boleh' dalam subseksyen 75(1) itu dipinda kepada perkataan 'hendaklah' - akan dicadangkan. Itu keadaannya daripada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin tadi.

Mengenai Fasal 50 ini cuma memperuntukkan pendidikan Islam bagi

murid-murid Islam dan yang tidak perlu kepada surat kebenaran daripada ibu bapa. Itu sahaja dari segi pentafsirannya it is quite straight forward.

Fasal 51(b) berkaitan murid-murid yang ingin belajar agama, selain daripada agamanya sendiri diperjelaskan sahaja dalam seksyen ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, permintaan laluan. Sila.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Berkenaan dengan Fasal 51, Tuan Yang di-Pertua, bukannya seksyen, dia belum menjadi undang-undang lagi, jadi kita panggil fasal, kalau saya salah tolong betulkan.

Mengenai Fasal 51(b) tadi, tiada murid boleh mengikuti pengajaran agama selain daripada agama Islam, agama yang dianutinya ialah agama Islam - katakanlah, kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapanya. Bermakna kalau ibu bapanya atau penjaganya tidak mengambil penting sangat kepada budak yang dijaganya, dia sign surat itu - boleh, izin, bermakna Fasal 51(b) ini bertentangan dengan Fasal 51, tidak dapat menjalankan Fasal 51 itu. Jikalau ada 5 orang atau lebih murid yang mendapat surat kebenaran bertulis daripada penjaganya yang tidak sensitif barangkali kepada anak untuk belajar agama, jadi Fasal 51 tidak dapat dijalankan. Adakah ini betul atau tidak betul?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 51 - lawyer itu. *[Ketawa]*

Fasal 51, kalau mengikut apa yang ada ini, ini dari segi kaca mata kita di

kementerian, yang kita sudah mendapat nasihat daripada AG Chamber, tidak menimbulkan apa-apa masalah dari segi pelaksanaannya. Kalau diperhatikan dengan betul, cuma soal atau cara mentafsir ini kadangkala itu ada orang tafsir cara lain sedikit, tetapi dari segi kita, kita sudah teliti tiap-tiap Fasal ini dan tidak patut ada apa-apa masalah, bercanggah ataupun tidak bercanggah, sudah dibaca habis Fasal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Hanipah bin Ahmad pula menimbulkan Fasal 25. Fasal 25 ini adalah untuk hendak menunjukkan bahawa pusat-pusat asuhan kanak-kanak dia tidak terlibat di bawah akta ini. Itu sahaja maksud Fasal 25 tadi itu, tadika terlibat, tetapi pusat-pusat asuhan dia tidak terlibat - itu maksudnya Fasal 25 ini.

Fasal 45 pula ini pun satu pernyataan di mana Menteri boleh menubuh dan menyelenggarakan maktab pendidikan dan soal sama ada Menteri boleh tubuh atau tidak boleh tubuh, itu bukan kerja Menteri, tinggal lagi siapa hendak menubuhkan maktab mesti mendapat kebenaran daripada Menteri - itu keadaannya. Jadi, kalau hendak katakan ini kerja Menteri, sama ada Menteri boleh atau tidak boleh menubuhkan maktab, dari segi undang-undang dia beri persetujuan, kerja itu bukan kerja dia.

Mengenai Fasal 48 pun cuma setakat menjelaskan untuk membolehkan maktab perguruan swasta ditubuhkan jika difikirkan perlu dari segi penjelasannya.

Selain daripada itu Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim ada

menyebut mengenai Fasal 51(b), saya suka hendak jelaskan bahawa Fasal 51(b) ini adalah selaras dengan perlembagaan negara kita, keizinan bertulis ibu bapa diperlukan kerana murid-murid itu belum mencapai umur dewasa lagi.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, dari segi penggubalan rang undang-undang ini telah pun kita teliti dengan cermat dengan AG Chambers.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Puan Kamalia binti Ibrahim ialah soal pengkorporatan di universiti-universiti. Saya suka tegaskan bahawa pengkorporatan universiti bukan bermaksud kita hendak menswastakan universiti. Institusi pendidikan tinggi tempatan tetap menjadi milik kerajaan dan yang berubah ialah pengstrukturannya semula pengurusanannya dan tidak terikat dengan kerenah birokrasi dan saya juga tegaskan, golongan berpendapatan rendah tidak akan kita abaikan dan kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu tabung khas untuk membantu pelajar-pelajar yang miskin ini seperti yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedikit masa dahulu.

Dan pada pendapat kita juga, melalui pengkorporatan ini nanti, ianya boleh menyekat masalah pengaliran keluar cerdik pandai kita ataupun brain drain kerana IPT akan mempunyai skim perkhidmatan sendiri yang boleh mengekalkan tenaga pengajar, malah boleh menarik tenaga pakar berkhidmat di IPT tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga disebut oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim dan Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, ini kes 700 orang murid yang ada di sekolah berasrama penuh yang terpaksa dikeluarkan daripada sekolah-sekolah tersebut. Seketika tadi kita telah bercakap soal kualiti pendidikan dan sekolah-sekolah berasrama penuh yang ada 36 buah, kalau saya tidak silap dan dari 36 buah itu ada 3 buah sekolah yang khusus untuk menampung keperluan anak-anak yang miskin di negara kita ini.

Jadi, saya maklum tentang perkara ini. Sama ada kita hendak korbankan kualiti itu ataupun tidak, ini yang jadi dilema kita. Saya banyak terima desakan-desakan daripada banyak pihak supaya murid-murid ini janganlah dikeluarkan daripada sekolah-sekolah tersebut, tetapi syaratnya untuk sekolah-sekolah ini mesti sekurang-kurangnya ada 4A tetapi sekarang anak-anak ini, murid-murid ini dia bukan kata 4A, 7A ada, tetapi dalam 4A yang kita kata ini mata pelajaran Sains dan Matematik mesti gred A. Yang jadi 7A

yang kena keluar ini sama ada mathnya ataupun sainsnya B, ini yang berlaku dan kita di peringkat kementerian telah buat keputusan supaya anak-anak ini kita pindahkan ke sekolah-sekolah biasa balik dan ini memanglah satu keputusan yang cukup berat kita hendak buat yang kita faham masalah ini tetapi kalau kita hendak tengok sekolah-sekolah asrama penuh kita ini, dapat kita jaga, pelihara kualitinya, kita tidak ada pilihan selain daripada membuat keputusan yang telah kita buat. Sama ada hendak dikatakan adil atau tidak adil, kita bersandarlah kepada perkataan ataupun istilah kualiti dan mutu yang kita berikan penekanan dalam soal pendidikan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang dibangkitkan itu ada juga dibangkitkan soal-soal yang boleh saya simpul di peringkat akhir ini dengan mengatakan bahawa.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan Dato', daripada Yang Berhormat.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Timbalan Menteri menyimpulkan ucapannya, saya ingin mendapat sedikit penjelasan iaitu Fasal 4 muka surat 21. Saya juga telah dipertanyakan oleh rakan-rakan di peringkat negeri, struktur di peringkat negeri kerana di dalam Fasal 4(a) muka surat 21 - Fasal 4(a). Saya ingin tahu dalam struktur yang baru adakah tidak wujudnya Timbalan-timbalan Pengarah Pendidikan kerana dalam Fasal 5 Ketua Pengarah ada disebut Fasal-fasal yang merangkumi Timbalan Ketua, Pendaftar Sekolah dan guru tetapi dalam Fasal 4(a), struktur di peringkat negeri tidak ada sebutan di atas struktur-struktur yang lain itu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ini Fasal 4(a) ini, bagi tiap-tiap negeri itu ditentukan oleh Menteri seorang Pengarah Pendidikan, ini soal pentadbiran sahaja, ya. Dan susunan yang seterusnya itu boleh dibuat oleh Yang Berhormat Menteri melalui kuasa-kuasa yang ada diberikan kepada beliau dalam rang undang-undang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya hendak simpul dengan mengatakan bahawa oleh kerana soal pendidikan ini begitu sensitif, saya hendak kata, hendak minta dan hendak menyeru supaya jangan soal pendidikan ini dijadikan modal politik terutama sekali oleh parti-parti pembangkang dan jangan kita korbakan masa depan anak-anak kita cuma semata-mata untuk hendak mencari pengaruh dan kuasa melalui soal pendidikan ini dengan menggunakan pendidikan ini sebagai topeng dan kepada rakan-rakan kita yang bukan Melayu saya harap juga jangan kita wujudkan apa juga keraguan dan kebimbangan.

Saya percaya, masyarakat kita yang ramai ini kalau tidak dipesongkan pemikiran mereka tidak

ada kebimbangan itu. Soal kita ialah siapa yang menimbulkan kebimbangan ini? Who creates the fear? Dan saya kata parti-parti pembangkanglah yang terutama sekali yang create fear ini, suasana fear ini, jadi kadangkala kita jangan terikut-ikut dengan rentak yang boleh merugikan masa depan kita semua dan dari segi masa depan kita, kita tidak boleh lari dari hakikat bahawa kejayaan daripada pelaksanaan Akta Pelajaran 1961 mesti kita jadikan pedoman dan petua dan kita jadikan iktibar daripada kejayaan-kejayaan itu bahawasanya melalui suatu sistem pendidikan kebangsaan yang sekarang ini telah pun kita perjelaskan dan pertegaskan lagi dari serba serbi sudutnya, kita harap kita akan dapat terus mengukuhkan lagi kerjasama, perpaduan dan kejayaan bangsa dan negara kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapat main peranan ini sama-sama untuk memberikan gambaran yang betul dan tepat kepada anggota masyarakat kita, insya-Allah tidak ada sebab Rang Undang-undang yang sama-sama kita teruskan pada petang ini yang akan menjadi suatu pusaka kepada keturunan kita yang datang, tidak boleh dan tidak mampu untuk meneruskan pencapaian ke arah kejayaan dan kemajuan sepertimana yang telah diasaskan oleh pemimpin-pemimpin yang terdahulu daripada kita, dan kita yang ada sekarang patut benar menjadikan pengajaran-pengajaran daripada pelaksanaan Akta 61 itu supaya tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang, di mana kita sebagai ahli pentadbir yang bertanggungjawab akan sama-sama memainkan peranan untuk memastikan kejayaan dan kesempurnaan perjuangan kita bersama-sama melalui Akta Pendidikan ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas setiap pandangan, teguran dan juga cadangan semasa membahaskan Rang Undang-undang ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 156 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.14 mlm.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengemaskini peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta untuk memasukkan beberapa peruntukan baru yang menyelaraskannya dengan tindakan-tindakan Kementerian Pendidikan untuk mengkorporatkan universiti awam.

Akta Universiti dan Kolej Universiti diwujudkan bagi maksud menubuh, menyelenggara dan mentadbir universiti-universiti dan kolej-kolej universiti awam di Malaysia, kecuali Universiti Islam Antarabangsa. Semenjak ianya digubal, belum terdapat sebarang penilaian semula yang menyeluruh dan substantive dibuat ke atas Akta berkenaan sedangkan banyak perubahan dan perkembangan telah berlaku di peringkat negara dan antarabangsa yang tidak dapat dipenuhi oleh peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini antara lainnya diharap akan dapat mengatasi kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada Akta tersebut dan seterusnya membolehkan universiti-universiti tempatan memenuhi tuntutan-tuntutan perkembangan sosio-ekonomi negara serta perubahan-perubahan global.

Universiti-universiti awam dan badan-badan berkanun kerajaan yang ditadbir di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti serta menerima peruntukan daripada kerajaan untuk perbelanjaan operasi dan pembangunannya adalah secara pentadbirannya terikat kepada prosedur dan peraturan-peraturan kerajaan yang ketat. Peraturan ini telah menyebabkan proses membuat keputusan mengambil masa yang panjang dan

seterusnya melahirkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang lembab.

Keadaan ini jika dibiarkan berterusan akan menggagalkan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, khususnya dalam bidang pendidikan tinggi. Dengan itu, ianya memerlukan kepada perubahan strategi yang menghala ke arah penyelesaian masalah semasa bagi memenuhi permintaan pasaran, terutamanya dalam pembangunan tenaga manusia. Cabaran-cabaran dalam proses globalisasi serta kepesatan dalam pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi.

Kelemahan dalam sistem pengurusan di universiti dapat dilihat di mana majlis universiti yang seharusnya menjadi badan eksekutif peringkat tertinggi di universiti seringkali tidak dapat membuat keputusan dengan cepat, iaitu pada masa yang diperlukan, memandangkan ia perlu merujuk kepada kementerian atau agensi-agensi kerajaan yang lain. Keadaan ini tidak menggalakkan pengwujudan satu sistem pengurusan yang dinamik serta proaktif yang dapat bersaing secara sihat dengan institusi-institusi pendidikan tinggi yang lain, sama ada di peringkat negara ataupun antarabangsa. Universiti-universiti awam juga menghadapi pelbagai halangan dalam proses mewujudkan jalinan hubungan yang rapat dengan sektor swasta disebabkan oleh struktur organisasinya yang bersifat hierarchal dan bureaucratic.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa hubungan yang rapat antara universiti awam dengan sektor swasta amatlah penting, terutamanya dalam memastikan program-program pengajian yang dijalankan oleh universiti awam dapat memenuhi keperluan industri. Di samping itu, sektor industri pula akan dapat menyokong usaha-usaha universiti awam dalam penyediaan kemudahan-kemudahan untuk latihan, pendidikan dan sebagainya.

Selain daripada itu, universiti awam juga menghadapi masalah untuk menarik graduan-graduan muda memasuki perkhidmatan universiti, di samping mengekalkan tenaga akademik yang cemerlang bagi meneruskan perkhidmatannya dengan universiti. Keadaan ini amat ketara terutama dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan, perundangan dan perakaunan, di mana banyak berlaku pengaliran keluar tenaga pensyarah. Ini disebabkan oleh skim perkhidmatan di universiti yang diguna pakai pada masa ini tidak dapat menjadikan kerjaya pensyarah universiti sebagai satu kerjaya yang menarik dan boleh dibanggakan.

Skim perkhidmatan universiti sebagaimana juga dengan skim perkhidmatan agensi-agensi yang lain adalah terletak di bawah Skim Gaji Jawatankuasa Kabinet dan seterusnya Sistem Saraan Baru (SSB). Skim SSB ini walaupun pada keseluruhannya dapat memenuhi keperluan perkhidmatan awam negara, namun ianya tidak dapat menjadikan kerjaya pensyarah universiti sebagai satu kerja yang prestigious. Keadaan ini bertambah buruk lagi dengan persaingan sengit di sektor swasta terhadap tenaga

kerja mahir dengan menawarkan ganjaran yang lumayan.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa keupayaan sesebuah universiti memiliki tenaga pensyarah yang berkaliber akan dapat menjamin kecemerlangannya. Prestasi universiti dari segi pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat akan terjejas sekiranya ia tidak mempunyai tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkualiti.

Menyedari akan masalah-masalah ini, keperluan untuk mewujudkan skim perkhidmatan yang tersendiri bagi universiti tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, perkara ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya universiti mempunyai pendapatan daripada punca-punca yang lain selain daripada kerajaan.

Salah satu daripada strategi bagi membolehkan universiti mewujudkan skim perkhidmatannya yang tersendiri ialah dengan mengkorporatkan universiti-universiti awam.

Tuan Yang di-Pertua, pengkorporatan universiti awam yang dirancangan oleh Kementerian Pendidikan ini adalah berbeza dengan pengkorporatan yang pernah dilaksanakan oleh kerajaan ke atas agensi-agensi kerajaan yang lain sebelum ini. Pengkorporatan universiti awam bukan bermaksud bahawa universiti-universiti awam akan diswastakan pada masa hadapan. Berdasarkan kepada kedudukannya yang penting dan kritikal, pendidikan tinggi akan terus diselenggarakan oleh pihak kerajaan untuk kepentingan semua lapisan masyarakat dan keperluan pembangunan tenaga manusia.

Status universiti awam akan kekal sebagai institusi awam yang bertaraf badan berkanun serta ditadbir di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Dalam proses pengkorporatan ini, pemindahan milik aset ke pihak lain tidak akan

berlaku. Universiti akan terus memiliki dan menguruskan sendiri harta-hartanya.

Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas, bolehlah dirumuskan bahawa pengkorporatan universiti-universiti awam adalah untuk membolehkan diwujudkan satu sistem governan yang mengikut landas-landas lembaga pengarah di sektor korporat yang boleh bertindak dengan cepat serta bebas daripada kongkongan peratusan dan prosedur perkhidmatan awam. Universiti-universiti awam hanya perlu tertakluk kepada garis panduan dan strategi kerajaan yang akan dibuat melalui Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN).

Melalui pengkorporatan universiti-universiti awam akan dibenar memperoleh pendapatan daripada sumber-sumber yang lebih luas di samping terus menerima bantuan daripada kerajaan dengan adanya punca-punca pendapatan yang lain pergantungan universiti awam kepada kerajaan akan dapat dikurangkan secara berperingkat-peringkat.

Autonomi kewangan yang diberikan kepada universiti awam ini akan membolehkan pihak universiti melakukan perbelanjaan mengikut keperluannya dan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi memastikan viability program-program yang dijalankan olehnya.

Pelaksanaan empowerment, sebagai sebahagian daripada strategi Kementerian Pendidikan untuk memantapkan pengurusan universiti-universiti awam diharap akan dapat melahirkan suatu sistem pengurusan yang dinamik dan proaktif serta mempunyai daya saing dan daya maju yang tinggi.

Antara pindaan-pindaan penting yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

(i) **Sistem Governan dan Pengurusan.**

Majlis Universiti yang akan digantikan dengan Lembaga Pengarah Universiti. Pada masa ini Majlis Universiti mempunyai seramai 16 orang di mana terdapat ahli-ahlinya yang dilantik sama ada oleh menteri, Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, Sultan atau Yang di-Pertuan Negeri, selain daripada itu terdapat juga ahli-ahli yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan yang terdiri daripada agensi pusat seperti Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Keahlian mereka sebagai ahli Majlis Universiti adalah di atas nama kementerian atau jabatan masing-masing.

Rang Undang-undang ini mencadangkan Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh 8 orang ahli sahaja yang terdiri daripada:

- (a) Pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) 2 orang yang mewakili kerajaan;
- (d) seorang yang mewakili rakyat tempatan di mana universiti tersebut ditubuhkan; dan
- (e) tidak lebih daripada 3 orang yang pada pendapat

menteri mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang dapat disumbangkan kepada lembaga di mana salah seorang daripadanya hendaklah daripada sektor swasta.

Dengan komposisi dan saiz anggota yang dicadangkan ini, diharap Lembaga Pengarah Universiti akan berkeupayaan untuk membuat keputusan mengenai pengurusan universiti dengan pantas tanpa perlu merujuk kepada pihak-pihak yang lain

Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya institusi jemaah yang merupakan salah satu daripada pihak berkuasa universiti dimansuhkan. Institusi ini tidak mempunyai peranan secara langsung di dalam pembangunan dan kemajuan universiti kecuali yang bersifat istiadat. Ianya tidak lagi berfungsi di hampir kesemua universiti. Juga selaras dengan hasrat bagi memantapkan pengurusan universiti, rang undang-undang ini mencadangkan supaya keanggotaan Senat universiti dikecilkan bagi menjamin keberkesanannya.

Keanggotaan Senat pada masa ini adalah terlalu ramai dan tidak praktikal. Di sesetengah universiti keanggotaannya adalah lebih daripada 200 orang. Di bawah rang undang-undang ini dicadangkan supaya keanggotaannya dihadkan kepada yang berikut:-

- (a) Naib Canselor selaku Pengerusi;
- (b) Timbalan-timbalan Naib Canselor;
- (c) Dekan-dekan Fakulti, Ketua-ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut; dan
- (d) tidak lebih daripada 20 orang profesor yang akan dilantik oleh Naib Canselor.

(ii) **Sistem Pengurusan Kewangan.**

Bagi mengurangkan pergantungan universiti kepada kerajaan sebagai sumber kewangannya, rang undang-undang ini memperuntukkan kuasa tambahan kepada universiti yang akan membolehkannya menyertai dalam ekuiti perkongsian atau usahasama dalam mana-mana organisasi perniagaan, menubuhkan syarikat atau perbadanan, membuat pelaburan serta membuat pinjaman bagi memenuhi tanggungannya serta menjalankan program-program kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi di dalam dan di luar negara.

Walau bagaimanapun, kuasa ini diperuntukkan dengan tertakluk kepada kelulusan daripada Menteri Kewangan.

(iii) **Sistem Akauntabiliti.**

Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya sistem akauntabiliti di peringkat universiti ditingkatkan supaya selaras

dengan penambahan kuasa yang diberikan kepada universiti dalam pengurusan dan governan serta kewangan. Satu peruntukan baru dimasukkan yang memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk mengambil tindakan surcaj ke atas pegawai dan kakitangan universiti yang cuai di dalam menjalankan tugas berhubung dengan kewangan universiti.

Sejajar dengan matlamat bagi meningkatkan akauntabiliti awam, satu jadual baru iaitu Jadual Kedua kepada Perlembagaan dicadang dimasukkan. Jadual ini bertujuan memastikan mana-mana ahli kepada pihak berkuasa universiti adalah bersih daripada hukuman mahkamah kerana kesalahan menipu, tidak jujur, bankrap dan sebagainya.

Ahi-ahli yang tidak hadir mesyuarat melebihi tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran daripada Pengerusi, pihak berkuasa berkenaan juga boleh dilucutkan keahlian mereka sebagai ahli pihak berkuasa universiti. Ini bererti bahawa hanya mereka yang dapat memberikan komitmen sepenuhnya bagi memajukan universiti sahaja yang wajar dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya cadangan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang bertunjang kepada konsep 'let managers manage' akan mengurangkan kawalan secara langsung kerajaan ke atas

pengurusan dan pentadbiran universiti serta memberikan keluwesan ataupun flexibility kepada pengurusan universiti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Kawalan daripada kerajaan hanya akan dilaksanakan melalui Majlis Pendidikan Tinggi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 30 Fasal, maka dengan ini saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca untuk kali yang kedua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kamilia.

7.28 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa mengkorporatkan universiti ini adalah berdasarkan kepada 'let managers manage'. Di sini kita dapati bahawa pentadbiran universiti ini akan diambil alih sepertimana yang dinyatakan oleh

Yang Berhormat tadi, oleh Lembaga Pengarah dan Senat yang akan diperkecilkan.

Kebimbangan yang dilahirkan di sini ialah kita tahu bahawa bila akta ini atau rang undang-undang ini akan diluluskan, Senat yang akan dianggotai oleh apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah merupakan badan yang akan membuat keputusan-keputusan mengenai pentadbiran ataupun polisi-polisi dan dasar-dasar universiti dan dasar-dasar universiti ini akan, harap Yang Berhormat akan dapat membetulkan saya apa yang saya dapat tafsirkan di sini akan dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah.

Soalannya yang saya perlukan penjelasan ialah, contohnya, di Universiti Malaya, kita perlu berhati-hati bahawa Ahli-ahli Senate yang disebutkan tadi adalah terdiri daripada mereka yang di peringkat tinggi. Jadi, adakah kemungkinan bahawa pengendalian dan pengurusan universiti ini akan dimonopoli atau akan di 'control' oleh mereka yang telah tiba kepada tahap professor, tahap Ketua-ketua Dekan dan Ketua-ketua Sekolah bagi pusat-pusat akademik bagi universiti yang berkenaan kerana kita takut jikalau ianya akan menjadi satu monopoli, ini akan menimbulkan dasar-dasar yang mungkin akan menimbulkan perkara-perkara yang dikhuatiri seperti kenaikan fees, kuota kemasukan penuntut-penuntut yang mana antara lain akan berdasarkan kepada merit. Yang kita khuatiri di sini ialah mungkin ada kumpulan penuntut-penuntut yang mungkin tidak akan berkeupayaan diterima masuk ke universiti. Kita juga tahu bahawa contoh satu universiti yang akan dikorporatkan ialah Universiti Malaysia, iaitu sebuah universiti yang telah lama

‘established’), dengan izin, dan kita tahu juga bahawa tahap pencapaian universiti ini, degree-degreenya diberi pengiktirafan antarabangsa. Jadi, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah kawalselia atau ‘control’ yang boleh di laksanakan oleh pihak kementerian. Walaupun mungkin di sini Lembaga Pengarahnya ada dua orang yang mewakili pihak kerajaan dan 3 orang yang dilantik oleh menteri. Itu saja, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ding Seling.

7.33 mlm.

Tuan Ding Seling: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan suatu Akta untuk meminda akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertama sekali ingin menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya berpendapat bahawa ianya tepat pada masa tahap pembangunan sosio-ekonomi dan politik kita sekarang. Di masa Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 diadakan dahulu, negara kita pada masa itu mungkin boleh dikatakan menjadi satu bahan ketawa oleh orang-orang barat oleh kerana masa itu kita masih lagi, dengan izin, struggling, dari semua aspek, baik dari segi sosio-ekonomi dan juga kita baru sahaja, beberapa tahun sebelum itu mengalami satu pengalaman yang pahit di negara kita.

Dalam tujuan am rang undang- undang ini, saya rasa sudah sampai

masanya, walau bagaimanapun, saya ingin mengemukakan satu pandangan di sini untuk perhatian pihak kementerian dan pihak kerajaan, iaitu walaupun kita sudah mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang begitu tinggi dan dari segi universiti iaitu institusi-institusi pengajian tinggi kita boleh di ubahsuaikan sehingga secanggih seperti negara-negara di luar negeri iaitu negara-negara Barat yang begitu membangun. Saya ingin mengingatkan bahawa di dalam negara kita masih lagi ada golongan-golongan yang masih ketinggalan, bukan sahaja dari segi pendidikan, tetapi juga dari segi sosio-ekonominya. Kita, dalam mengubahsuaikan Akta Universiti untuk menentukan bahawa, dengan izin, let managers manage the institution, kita menganggap bahawa semua ataupun sebahagian besar rakyat kita itu boleh mengambil bahagian yang berkesan ataupun boleh memahami apa yang berlaku.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangkan sekali lagi, ada aspek-aspek ataupun sebahagian rakyat negara kita yang masih lagi ketinggalan jauh, bukan sahaja mereka tidak memahami apa yang berlaku, yang secanggih dalam universiti, tetapi, dalam keadaan sosio-ekonomi mereka sendiri, mereka bersusah payah untuk hidup.

Jadi, dalam perkara sebegini, saya ingin mengingatkan pihak kerajaan supaya apa-apa perkara yang berlaku dalam perubahan seperti ini kita mengambil perhatian agar mereka yang tidak boleh memahami atau tidak boleh mengambil bahagian ataupun tidak boleh bersaing dalam mengambil tempat di universiti-

universiti mahupun juga di sekolah-sekolah menengah supaya mereka boleh masuk ke universiti, mereka itu boleh diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya ingin juga meminta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah dari segi kawalan cawangan-cawangan universiti dari luar negeri yang semakin banyak di negara kita ini. Kita sedia maklum banyak institusi-institusi yang, dengan izin, twinning, di negara kita ini. Adakah akta ini mencukupi untuk menentukan ada kawal selia yang cukup yang menentukan taraf atau standard yang sepatutnya dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin juga bahawa Akta ini adalah memang difikirkan dengan begitu baik agar menentukan bahawa tenaga-tenaga manusia yang berkualiti akan dihasilkan oleh universiti-universiti di negara kita untuk membolehkan kita mencapai Wawasan 2020 yang telah diawasi oleh kerajaan kita. Dengan kata-kata itu, saya sekalai lagi menyatakan sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput pihak Menteri Pendidikan menjawab.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada kedua-dua.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:*[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya sudah mula menjawab ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya ada kesilapan teknik sedikit. Yang Berhormat bangun terlambat sedikit sahaja. Menteri pun nampaknya tidak sabar-sabar bangun. *[Ketawa]* Silakan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sekarang hendak buat macam mana?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya ingat saya hendak buat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat macam inilah. Menteri menjawab, kemudian Yang Berhormat mencelah dengan minta penjelasan. Itu satu cara yang baik. Sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang baik sekali, orang kata - perundingan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana tidak dapat hendak berhujah dengan begitu panjang mengenai akta ini iaitu Rang Undang-undang untuk meminda Akta

Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua, tiga perkara yang saya musykil sedikit, kalau tidak mendapat jawapan yang jelas daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu daripadanya ialah saya harap Lembaga Pengarah yang hendak dilantik oleh menteri nanti benar-benar terdiri daripada orang-orang yang berkaitan dengan universiti dan terpelajar dan seorang yang betul-betul boleh menjalankan tanggungjawab mengikut Akta ini. Sebabnya, kalau kita lihat Fasal 24 (c) - tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan di dalam mana-mana mahkamah - maknanya mahkamah yang ada di negara kita ini, termasuk Magistrate Court, Session Court, High Court dan Court of Appeal.....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah termasuk mahkamah dunia, Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, termasuk mahkamah dunia pun, termasuk mahkamah antarabangsa pun tidak boleh, untuk menghukum atau membicarakan.

“.....mahkamah terhadap - Lembaga, ahli Lembaga, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Senat, ahli Senat.....’ - di sini ahli jemaah tidak ada. Dahulu ada ahli jemaah yang diwakili oleh negeri-negeri. Jadi, saya dahulu berkesempatan mewakili negeri Pahang selama 16 tahun di Jemaah Universiti Malaya. Sekarang ini tidak adalah. Walau bagaimanapun, saya tidak menjadi wakil rakyat Pahang, jadi tidak dapatlah. Jadi, di sini tidak ada.

“.....kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti; dan seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak mana-mana.....” Bermakna delegated powers given, dengan izin, “.....badan

atau orang di bawah perenggan (a) hingga (g).....”, tidak boleh ambil tindakan undang-undang “.....bagi apa juga perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati pada menunaikan kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini dengan kepercayaan munasabah bahawa tindakan itu adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya”.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak akan menghadapi nasib bekas Presiden Korea, macam itu?

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan. Pada masa itu, yang baik dibuat dalam suci hati dia untuk mengelakkan dari segi penuntut-penuntut dan orang ramai mendesak dan berkumpul untuk menjalankan satu kaedah yang difikirkan pada masa itu, tidaklah patut dijalankan, ditembak kerana hendak meredakan keadaan untuk menyelamatkan negara.

Jadi, boleh jadi suci hati, bak kata Tuan Yang di-Pertua tadi, betul. Jadi, di sini, saya hendak tanya “dengan suci hati” ini, dari segi suci hati macam mana gayanya? Kalau yang dilakukan itu daripada pemikiran dia adalah baik, in good faith, dalam bahasa Inggerisnya. What is “in good faith”, Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, “in good faith” ini, pada satu masa “in good faith”. Pada hari esok, dia sudah tidak “in good faith”. Jadi, ini keterlaluan sangat, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, apa juga kesilapan, walaupun dengan suci hati, patutkanlah dihakamkan di mahkamah.

Kita tidak boleh tolak mahkamah ini. Kalau ada perenggan ataupun dengan izin, saving clause ini saya percaya. Saya bersetuju tetapi saya tidak nampak saving clause, kalau ada Timbalan Menteri boleh mendapatkan saya seksyen mana, fasal mana yang boleh ada saving clause itu sedikit, bermaknanya itu saya puas hatilah.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, yang lain itu tidak ada apa sangat hanya dalam akta ini pun ataupun dalam rang undang-undang ini, diberi kuasa untuk membuat perniagaan dan sebagainya. Jadi, adakah ahli lembaga pengarah ini nanti terdiri dari orang yang tahu dari segi business ataupun adakah ahli-ahli lembaga ini terdiri dari orang-orang yang berilmu tinggi, profesor-profesor misalannya? Jadi, dari segi bentuk lembaga pengarah ini, patutlah difikir habis-habisan oleh menteri dan pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita membincangkan dalam Jawatankuasa nanti, kemungkinan kalau ada, Tuan Yang di-Pertua, saya akan bangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, pihak _____ menteri menjawab.

7.46 mlm.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan ke atas pindaan rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Suka saya jelaskan terutama sekali ini soal sama ada lembaga pengarah universiti ini nanti akan dimonopoli ataupun tidak dan bagaimana kawalseliana dari segi Kementerian Pendidikan sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Kamalia sebentar tadi. Suka saya jelaskan bahawa ini soal perlantikan profesor-profesor ini yang kita akan buat ini, insya-Allah, adalah berdasarkan kepada kecemerlangan akademik. Bukan kepada seniority, dengan izin, profesor-profesor itu.

Oleh itu, ahli senat tidak semestinya dimonopoli oleh mereka yang lama. Juga dengan pengkorporatan ini nanti, proses naik pangkat akan berdasarkan kepada prestasi ataupun yang berorientasikan kepada keputusan ataupun result dan tidak terikat kepada usia ataupun umur seseorang pensyarah itu. Jadi, dengan ini keanggotaan senat boleh kita katakan berbentuk pelbagai.

Ini mengenai soal dasar. Suka saya jelaskan bahawa walaupun kita ada lembaga pengarah dan susunan yang lain di bawah pengkorporatan ini nanti, saya suka hendak menegaskan melalui rang undang-undang ini, kita akan uruskan melalui MPPN termasuk yang berkait dengan kuota ini.

Tetapi saya boleh simpul dengan mengatakan bahawa walaupun universiti-universiti di negara kita ini dikorporatkan tetapi hak kerajaan, kuasa kerajaan untuk memastikan misalnya soal-soal kemampuan anak-anak orang yang kurang mampu ataupun yang miskin dapat mengambil bahagian dalam pendidikan tinggi, ini akan diberikan penekanan yang cukup kuat oleh Kementerian Pendidikan.

Begitu juga dengan ketinggian yuran yang akan dikenakan oleh universiti ini apabila dikorporatkan nanti pun akan diambil peranan juga oleh pihak Kementerian Pendidikan kerana kita sedar dan insaf akan pentingnya pelajar-pelajar yang patut mendapat peluang dalam pendidikan tinggi di negara kita ini dapat menikmati peluang itu di masa-masa yang akan datang walaupun universiti-universiti kita telah dikorporatkan.

Ini mengenai soal pengawal seliaan terhadap universiti-universiti ataupun cawangan-cawangan universiti luar negeri dan juga twinning programme yang dibangkitkan sebentar tadi. Suka saya jelaskan dalam sidang khas Dewan Rakyat dan Dewan

Negara yang akan diadakan pada minggu pertama

bulan hadapan, salah satu daripada akta ataupun rang undang-undang yang akan kita bentangkan ialah Akta Pendidikan Institusi Swasta ataupun IPTS.

Jadi, IPTS ini dalam rang undang-undang itu nanti akan digariskan segala-gala panduan yang ada hubung kait dengan soal-soal kawal selia yang dikendalikan oleh pihak swasta dan kita harap, dengan adanya akta itu nanti, semua pihak terutama sekali pihak swasta yang menguruskan ataupun mengendalikan kolej masing-masing dan mungkin pada masa yang akan datang, ada pula cawangan-cawangan universiti luar negara yang ditubuhkan di sini, maka akta itulah yang akan monitor ataupun memantau setiap perkembangan yang berlaku di dalam kolej-kolej swasta, sekolah-sekolah swasta yang ada di negara kita ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menjelaskan sedikit lagi tentang ahli lembaga pengarah universiti ini. Jadi, seperti yang dibangkitkan oleh rakan saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, saya mengucapkan terima kasih. Pemerhatian itu adalah satu pemerhatian yang baik dan sememangnya kementerian akan memastikan mereka yang berpengalaman dalam bidang pendidikan tinggi dan juga bidang korporat akan dilantik untuk menganggotai lembaga pengarah universiti itu nanti.

Saya rasa itu sahajalah yang suka saya jelaskan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Saya mengucapkan banyak terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Dato' Haji Mohd. Zukibin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjelaskan berkenaan dengan 24(c) tadi, keraguan saya berkenaan dengan tindakan undang-undang yang tidak boleh diambil, melainkan.....saya tidak tahu melainkan apa, Tuan Yang di-Peruta.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal tindakan undang-undang yang ada di hadapan kita ini ialah soal pendidikan. Dalam Akta induk kita ini atau Akta Pendidikan yang baru kita luluskan sebentar tadi pun, apa juga yang akan berlaku diuruskan mengikut kehendak-kehendak Akta

Pendidikan itu dan sama ada perkara ini boleh dibawa sampai ke mahkamah, banyak bergantung kepada penyiasatan yang kita buat.

Perkara-perkara yang perlu sampai ke mahkamah merupakan perkara-perkara yang sudah ada pertuduhannya dan lain-lain. Tetapi ini soal urusan pendidikan dalam negara kita ini yang pada hemat kita memadai dengan kawalan dan kawalselia yang ada dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Itu sebabnya, bukan dikatakan kita hendak mengetepikan mahkamah, tidak. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang sah dan perlu kepada tindakan-tindakan sampai ke peringkat mahkamah, kita boleh mengambil tindakan berdasarkan kepada undang-undang lain yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 30 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dato' Zuki.

7.53 mlm.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaludin: Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan balik 24(c) tadi yang diberi kekebalan kepada ahli Lembaga berkaitan dengan urusan yang boleh dibuat di bawah 4(a)(i), "Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan menubuhkan syarikat swasta masuk campur sama menubuhkan dan menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan". Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau misalannya seorang ahli Lembaga Pengarah ataupun Ketua Lembaga Pengarah itu membuat satu urusan perniagaan dengan suci hatinya dia jatuh bankrap sebab dari segi perniagaan itu, pada mulanya, suci hati betullah, tetapi apabila dari segi ekonomi dan sebagainya, timbang sini, timbang sana, dia tidak berjaya.

Tuan Pengerusi: Jadi tidak suci lagi?

Dato' Haji Zuki bin Kamaluddin: Jadi tak suci pula. Bolehkah kita gunakan 24(c), maknanya Lembaga Pengarah akan gunakan 24(c) ini sebabnya ini di bawah Akta Syarikat. Akta Syarikat ini, satu Akta lain pula. Tak payahlah kita bincangkan di sini. Bolehkah 24(c) ini mengatasi Akta Syarikat ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki. Sebenarnya, peruntukan dan kuasa yang ada dalam Akta kita ini

boleh mengatasi masalah ini. Ringkas sahaja saya jawab, boleh mengatasi masalah ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Akta Syarikat, kita mengikut Akta Syarikat, tidak payah mengikut 24(c) College Act ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Dengan Akta ini pun cukup, saya kata.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, Akta ini tidak boleh kita sabitkan sebabnya tidak ada tindakan undang-undang atau guaman boleh dilakukan kepada ahli Lembaga.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, kalau sekiranya kita dapati ada di antara ahli Lembaga Pengurus universiti itu mengalami satu-satu perkara yang boleh menjejaskan kewibawaannya, kita boleh ambil tindakan melalui undang-undang yang ada ini. Itu sahaja.

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.58 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Suruhanjaya Sekuriti telah dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia aktiviti institusi-institusi pasaran modal seperti Bursa Saham, Rumah Penjelasan dan Depositori Pusat serta untuk melindungi para pelabur.

Rangka kawalselia yang sedia ada di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 tidak memberikan kepada Suruhanjaya Sekuriti kuasa-kuasa pengawalseliaan, pemeriksaan dan penyiasatan yang sepenuhnya ke atas institusi dan peserta pasaran modal. Akibat dari kekurangan kuasa undang-undang ini, Suruhanjaya tidak dapat menjalankan aktiviti audit dan pengawasan ke atas institusi-institusi pasaran modal dengan cekap dan berkesan. Dengan itu, pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat ke atas Akta itu bagi memperluaskan dan memperlengkapkan bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti.

Selain daripada itu, pindaan-pindaan ini juga bertujuan untuk memindahkan kuasa-kuasa pelesenan berkaitan industri sekuriti daripada pegawai pelesen di Kementerian Kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Ini adalah selaras dengan

pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang telah diluluskan di Dewan ini dalam sesi bulan Ogos lalu di mana kuasa-kuasa pelesenan berkaitan industri niaga hadapan telahpun dipindahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Di samping itu, pindaan kali ini juga bertujuan untuk membolehkan tabung kesetiaan disusun semula bagi menjadikannya lebih mudah dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian-bahagian utama yang terlibat dalam pindaan ini adalah seperti berikut:

Bahagian III - Beberapa peruntukan dalam Bahagian III Akta adalah dipinda bagi menyelaraskan dan memperkemas kuasa-kuasa Menteri dan Suruhanjaya Sekuriti ke atas institusi-institusi timbangtara seperti Bursa Saham dan Rumah Penjelasan. Beberapa peruntukan baru juga diperkenalkan bagi tujuan yang sama. Di antara peruntukan baru yang dipinda termasuklah peruntukan di bawah seksyen 7 yang memberi kepada Menteri kuasa untuk mengecualikan orang-orang tertentu dari larangan mengenai penubuhan dan penyelenggaraan Bursa Saham.

Kuasa pengecualian ini perlu diberikan kepada Menteri untuk memastikan bahawa peruntukan dalam bahagian ini boleh diberi kelonggaran jika timbul keperluan yang tidak dapat dielakkan. Menteri juga diberi kuasa menggunakan kuasa pengecualian ini untuk mengenakan sebarang syarat dan sekatan yang dianggap sesuai.

Seksyen baru 8A dan 9A telah dimasukkan dengan tujuan meletakkan

Rumah Penjelasan di bawah kuasa pengawalseliaan suruhanjaya dan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti mengisytiharkan sesebuah rumah penjelasan sebagai rumah penjelasan yang diiktiraf.

Seksyen baru 9C dimasukkan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menutup selama jangka tertentu sesebuah bursa saham jika berlaku keadaan darurat. Peruntukan ini perlu untuk membolehkan Menteri bertindak secara segera dan dengan tegas dalam keadaan-keadaan tertentu misalnya apabila berlaku kegagalan operasi secara menyeluruh, jika berlaku bencana alam ataupun krisis kewangan di dalam ataupun di luar negeri yang berkemungkinan akan menggugat aktiviti dagangan secara teratur di bursa saham.

Seksyen 11 dipinda untuk memberi kuasa kepada bursa saham dan rumah penjelasan yang diiktiraf untuk menguatkuasakan kaedah-kaedah ini. Antara lainnya, mereka boleh mengarahkan orang yang engkar supaya mematuhi kaedah-kaedah yang berkenaan. Seksyen ini juga mengatakan bahawa ahli bursa saham, syarikat bursa saham, badan korporat yang tersenarai serta pengarah atau pegawainya adalah dianggap bertanggungjawab untuk mematuhi kaedah-kaedah bursa saham dan rumah penjelasan yang diiktiraf. Suruhanjaya Sekuriti juga diberi peranan untuk mengambil tindakan ke atas orang yang engkar sekiranya bursa saham atau rumah penjelasan yang diiktiraf gagal mengambil sebarang tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan kepada bahagian (iv) iaitu mengenai pelesenan, pindaan-pindaan utama yang dibuat ialah untuk memindahkan kuasa

pelesenan daripada pegawai pelesen di bawah Kementerian Kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Di samping itu, pindaan ini juga memperkenalkan satu kategori lesen yang baru bagi pengurus dana. Ini adalah selaras dengan peruntukan dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 sebagaimana yang telah dipinda baru-baru ini. Peruntukan mengenai kategori lesen baru ini terdapat dalam seksyen 15(a).

Bahagian VII yang mengandungi peruntukan mengenai audit dan akaun adalah dipinda untuk menjelaskan mengenai akaun dan rekod yang perlu disimpan oleh peniaga dan orang-orang yang menjalankan aktiviti pengurusan dana. Pindaan tersebut adalah bertujuan untuk memperkemaskan aspek pengawalseliaan ke atas mereka yang menjalankan aktiviti pengurusan dana.

Dalam Bahagian VIII akta, beberapa perkara penting mengenai tabung kesetiaan telah dipinda sewajarnya. Pindaan-pindaan yang agak menyeluruh ini adalah perlu untuk menggantikan tabung kesetiaan yang sedia ada sekarang dengan satu dana pampasan yang baru. Ini adalah kerana tabung kesetiaan yang sedia ada sekarang ini terdapat banyak kelemahan dan kekurangan di mana ianya tidak dapat mengambil kira keseluruhan peranan dan fungsi tabung ini dalam memberi pampasan kepada pelabur akibat kecurangan broker saham.

Pindaan kepada seksyen lain kebanyakannya adalah bersifat sampingan jadi adalah berkait dari pindaan-pindaan utama yang telah dijelaskan tadi. Di antara seksyen yang dipinda ialah seksyen 127 iaitu mengenai kuasa Menteri untuk

membuat peraturan mengenai pelbagai urusan niaga sekuriti yang bertujuan untuk memberikan kelunturan yang sangat-sangat diperlukan dalam undang-undang dan pengawalseliaan industri sekuriti. Ini adalah untuk membolehkan pihak berkuasa bertindak balas secara tepat dan cepat kepada kehendak-kehendak pasaran.

Secara keseluruhannya, pindaan yang dicadangkan adalah wajar dan perlu untuk menyelaraskan, memperkemas dan memperkenalkan serta memperkukuhkan pengawalseliaan dan pengawasan ke atas industri sekuriti di negara kita. Pindaan ini juga selaras dengan tanggungjawab yang diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi dan memajukan pasaran sekuriti negara.

Kementerian Kewangan yakin bahawa dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini pasaran sekuriti di Malaysia akan menjadi lebih kukuh, lebih efisien dan lebih teratur lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

8.05 mlm.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun

untuk membahas dan juga seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, tiga ciri utama di dalam pindaan ini. Pertamanya ialah untuk memindahkan kuasa pelesenan dari Kementerian Kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Keduanya untuk memperjelaskan lagi peranan yang dimainkan oleh tabung kesetiaan yang sekarang ini ditukar kepada tabung pampasan dan yang ketiganya, memberi kuasa ataupun penyeliaan terhadap lesen-lesen kepada pengurus-pengurus dana.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Suruhanjaya Sekuriti ditubuhkan pada 1hb. Mac 1993, suruhanjaya ini telah pun mengambil alih Jawatankuasa Terbitan Modal dan semasa suruhanjaya ini ditubuhkan dulu, adalah menjadi harapan kita supaya Suruhanjaya Sekuriti akan menjadi sebagai satu one stop agency kepada aktiviti pasaran modal dan juga pasaran sekuriti dan setelah dua tahun setengah Suruhanjaya Sekuriti ditubuhkan, dari pengamatan dan juga pengalaman saya ialah Suruhanjaya Sekuriti yang ada sekarang ini tidak lebih daripada berfungsi sebagai pejabat pos kepada badan-badan lain seperti FIC, kepada MITI, kepada Bank Negara Malaysia, kepada Pendaftar Syarikat dan juga kepada Kuala Lumpur Stock Exchange.

Jadi, bermakna setakat ini peranan yang sepatutnya dimainkan oleh Suruhanjaya Sekuriti belum lagi mencapai matlamatnya dan sekarang pula

dibebankan lagi dengan penambahan-pertambahan tanggungjawab-tanggungjawab yang dipindahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Saya berharap kepada pihak Kementerian Kewangan dapat memastikan supaya Suruhanjaya Sekuriti yang telah pun kita tubuhkan itu benar-benar menjadi one-stop-agency kepada pasaran modal ke dalam negara ini. Kita tidak mahu hanya kita pindahkan kalau dulunya kepada Jawatankuasa Terbitan Modal di Kementerian Kewangan, kita tubuhkan satu Suruhanjaya Sekuriti dan selepas itu kita mengharap atau memberitahu kepada dunia luar bahawa ianya akan menjadi satu one-stop-agency tetapi pada hakikatnya dan saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju dengan saya bahawa setakat ini Suruhanjaya Sekuriti masih belum lagi merupakan sebagai satu one-stop-agency kepada aktiviti pasaran modal di negara kita ini.

Tetapi walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan ataupun tekanan-tekanan kekurangan-kekurangan yang dihadapi, kita sepatutnya mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Suruhanjaya Sekuriti yang telah pun berjaya memainkan peranannya sebagai satu badan yang mengawal selia pasaran modal dan juga pasaran saham negara kita setakat ini.

Dan dengan tambahan tugas yang telah pun dibebankan ini, saya dimaklumkan setakat ini Suruhanjaya Sekuriti hanya mempunyai kakitangan yang terbatas dengan 270 orang kakitangan, itupun termasuk pemandu, termasuk semua dalam sebuah organisasi yang terpaksa menjaga satu pelaburan, satu dana yang lebih kurang RM560 bilion yang terdapat di pasaran saham. Itu tidak termasuk lagi pasaran KLOFFE yang baru dilancarkan dan juga pasaran-pasaran lain.

Saya percaya Suruhanjaya Sekuriti akan short-handed untuk

mengawasi pasaran saham kalau perkara ini tidak diawasi kerana dengan 270 orang kakitangan dan terpaksa menjaga lebih daripada 500 syarikat dan lebih daripada 560 bilion modal pasaran yang ada di pasaran, tentulah Suruhanjaya Sekuriti, saya kluatir dan bimbang tentang keupayaan Suruhanjaya Sekuriti. Jadi, saya berharap pada pihak kementerian kalau kita benar-benar serius untuk menjadikan Suruhanjaya Sekuriti sebagai satu badan yang benar-benar disegani, satu badan yang benar-benar dihormati, satu badan yang boleh menjalankan tugas dan juga tanggungjawabnya. Kita mengharapkan supaya peruntukan-peruntukan yang lebih hendaklah diberi agar Suruhanjaya Sekuriti boleh memainkan peranannya.

Saya menimbulkan ini kerana saya kluatir kalau Suruhanjaya Sekuriti tidak berhati-hati, kerana untuk menaikkan satu pasaran itu adalah mudah, tetapi kalau berlaku sesuatu untuk mendapatkan keyakinan semula adalah lebih sukar lagi. Kalau berlaku sesuatu yang tidak diinginkan tentang pasaran kewangan kita ataupun ketidakyakinan pihak-pihak pelaburan kepada pasaran kewangan, ini akan lebih susah daripada untuk membangunkan sesuatu pasaran saham ataupun pasaran kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai rang undang-undang ini dan juga rang undang-undang asal Akta Suruhanjaya Perindustrian Sekuriti iaitu dari segi pengawalseliaan, di mana di bawah Fasal 34(1) bukan di dalam rang undang-undang ini, tetapi di bawah Fasal 34(1). Di

dalam fasal ini apabila berlaku pertukaran ownership syarikat yang dipasarkan di pasaran saham, minority shareholders, dengan izin, maknanya mereka yang mengambil alih kena membuat general offer kepada minority shareholders ini seperti di Fasal 34(1). Maknanya kalau seorang itu mengambil alih lebih daripada 33% daripada sesuatu syarikat dan berganti kepada management yang baru atau pengurusan yang baru, satu general offer kepada pemegang-pemegang saham minority hendaklah diberi.

Tetapi saya fikir terdapat loophole di dalam fasal ini, kerana kita lihat dari pengamatan saya, sejak akhir-akhir ini kebanyakan pihak-pihak yang cuba mengelakkan the trigger point 33% itu, diambil 32%, jadi dia tidak payah buat general offer. Kes yang terdekat ialah seperti HICOM shares cuma 32%, kalau Dato' Seri Yahya ambil 33% dia kena buat general offer kepada pemegang-pemegang saham minority yang lain. Tetapi pada hakikatnya pengurusan syarikat ini berubah tangan dan saya tahu spirit Fasal 34(1) ini dahulu ialah kalau berlaku perubahan pengurusan syarikat, bermakna pemegang-pemegang saham minority juga akan dibuatkan general offer ataupun diberikan tawaran umum untuk mendapatkan harga yang terbaik sepertimana yang telah pun dibeli oleh pengurusan baru yang mengambil syarikat ini. Tetapi dalam corporate exercise yang kita dapati, kebanyakannya cuma mengelakkan daripada 33%, tetapi pada masa yang sama pengurusan syarikat bertukar kepada group yang lain dan kerana trigger point ini ialah 33%, jadi mereka ini tidak dikehendaki membuat general

offer kepada pemegang-pemegang saham minoriti.

Saya berharap pihak Security Commission dapat melihat tentang fasal ini supaya tidak ada pihak yang menyalahgunakan fasal ini, hanya mengambil sesuatu syarikat hanya setakat 32%, selepas itu tidak payah membuat general offer dan yang menanggung kerugian, yang tidak mendapat hak ialah pemegang-pemegang saham minoriti yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga di bawah seksyen 32(b) di mana ianya adalah menjadi kesalahan jika seseorang itu membuat kenyataan ataupun Lembaga Pengarah membuat kenyataan yang misleading. Perkataan 'misleading' ini walaupun susah hendak dibuktikan, tetapi saya percaya dari pengalaman kita di pasaran saham banyak kenyataan yang kadangkala itu berapa banyak Memorandum of Understanding (MoU) yang telah pun ditandatangani, tetapi tidak dilaksanakan. Ini saya anggap adalah sebagai satu kenyataan yang misleading kepada public.

Setakat ini belum ada lagi syarikat-syarikat ataupun ahli-ahli lembaga yang telah pun dikenakan tindakan kerana membuat kenyataan yang misleading kepada public ini. Saya berharap kemungkinannya sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, oleh kerana Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission) kita tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengawal selia satu pasaran yang besar, pasaran yang berkembang dengan sebegitu pesat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Security Commission, saya juga

berharap sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, Security Commission adalah kalau bank itu adalah seperti Bank Negara kepada kumpulan bank, pada 30 atau 37 bank yang terdapat di negara kita ini. Kita boleh lihat bagaimana sofistikatednya organisasi Bank Negara kita, kita harap juga organisasi Security Commission juga akan menjadi sofistikated seperti juga Bank Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai lesen-lesen yang diberikan kepada pengurus-pengurus dana, kerana saya lihat dalam rang undang-undang yang dibentangkan ini banyak menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh pengurus kumpulan wang ataupun pengurus-pengurus dana. Jadi, apa yang ingin saya timbulkan di sini ialah beberapa perkara yang patut difikirkan secara mendalam oleh pihak kementerian, pertamanya ialah tentang peranan yang dimainkan oleh wartawan kewangan, yang menulis tentang soal-soal kewangan di dalam surat-surat khabar yang diberikan information kepada public. Adakah mereka ini tidak dilesenkan, adakah mereka ini dikecualikan? Maksudnya siapa pun boleh menulis dalam surat khabar mengenai soal-soal kewangan ini. Jadi, saya berharap supaya wartawan-wartawan kewangan ini juga dilesenkan, hanya orang yang tertentu sahaja yang boleh, yang ada kredibiliti, yang ada latar belakang yang baik dari segi kewangan, yang tahu yang boleh misleadkan public supaya kita hendak apa yang dapat kepada orang ramai itu adalah sesuatu berita yang benar, bukan ada sesuatu pihak yang mengambil kesempatan, kerana apa yang dituliskan di akhbar-akhbar oleh wartawan-wartawan kewangan ini boleh menyentuh

pasaran kewangan kita.

Begitu juga kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh tokoh-tokoh korporat. Saya masih ingat lagi satu masa dahulu seorang tokoh korporat membuatkan kenyataan, dia kata 'time to sell' besok itu pasaran menjunam sampai 100 point. Tidak payahlah saya katakan siapa yang mengatakan, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen lebih maklum perkara ini. Jadi, kenyataan-kenyataan yang boleh dibuat oleh tokoh-tokoh korporat ini pun patut diawasi, bukannya semua orang boleh mengeluarkan kenyataan. Begitu juga pihak-pihak akhbar supaya lebih berhati-hati mengeluarkan kenyataan-kenyataan ini, kerana dalam peruntukan-peruntukan ini tidak ada mereka ini dilesenkan, baik wartawan kewangan ataupun kebanyakannya pengurus dana ataupun sebagainya yang terpaksa mempunyai lesen-lesen dan juga yang terpaksa patuh peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan di bawah pindaan yang memperjelaskan lagi tugas-tugas ataupun jawatankuasa pelesenan yang dipindahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti ini.

Begitu juga bagaimana caranya kita hendak control information yang kadangkala sekarang ini boleh melalui E-mail dan boleh juga melalui Internet. Jadi bagaimana pihak kementerian hendak kontrol mereka ini, adakah ada mekanisme pihak kementerian ataupun pihak Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi apa-apa berita yang disalurkan melalui E-mail ataupun melalui Internet?

Saya percaya Suruhanjaya Sekuriti akan short-handed untuk mengawasi pasaran saham kalau perkara ini tidak diawasi kerana dengan 270 orang kakitangan dan terpaksa menjaga lebih daripada 500 syarikat dan lebih daripada 560 bilion modal pasaran yang ada di pasaran, tentulah Suruhanjaya Sekuriti, saya khuatir dan bimbang tentang keupayaan Suruhanjaya Sekuriti. Jadi, saya berharap pada pihak kementerian kalau kita benar-benar serius untuk menjadikan Suruhanjaya Sekuriti sebagai satu badan yang benar-benar disegani, satu badan yang benar-benar dihormati, satu badan yang boleh menjalankan tugas dan juga tanggungjawabnya. Kita mengharapkan supaya peruntukan-peruntukan yang lebih hendaklah diberi agar Suruhanjaya Sekuriti boleh memainkan peranannya.

Saya menimbulkan ini kerana saya khuatir kalau Suruhanjaya Sekuriti tidak berhati-hati, kerana untuk menaikkan satu pasaran itu adalah mudah, tetapi kalau berlaku sesuatu untuk mendapatkan keyakinan semula adalah lebih sukar lagi. Kalau berlaku sesuatu yang tidak diingini tentang pasaran kewangan kita ataupun ketidakpercayaan pihak-pihak pelaburan kepada pasaran kewangan, ini akan lebih susah daripada untuk membangunkan sesuatu pasaran saham ataupun pasaran kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai rang undang-undang ini dan juga rang undang-undang asal Akta Suruhanjaya Perindustrian Sekuriti iaitu dari segi pengawalseliaan, di mana di bawah Fasal 34(1) bukan di dalam rang undang-undang ini, tetapi di bawah Fasal 34(1). Di

dalam fasal ini apabila berlaku pertukaran ownership syarikat yang dipasarkan di pasaran saham, minority shareholders, dengan izin, maknanya mereka yang mengambil alih kena membuat general offer kepada minority shareholders ini seperti di Fasal 34(1). Maknanya kalau seorang itu mengambil alih lebih daripada 33% daripada sesuatu syarikat dan berganti kepada management yang baru atau pengurusan yang baru, satu general offer kepada pemegang-pemegang saham minority hendaklah diberi.

Tetapi saya fikir terdapat loophole di dalam fasal ini, kerana kita lihat dari pengamatan saya, sejak akhir-akhir ini kebanyakkan pihak-pihak yang cuba mengelakkan the trigger point 33% itu, diambil 32%, jadi dia tidak payah buat general offer. Kes yang terdekat ialah seperti HICOM shares cuma 32%, kalau Dato' Seri Yahya ambil 33% dia kena buat general offer kepada pemegang-pemegang saham minority yang lain. Tetapi pada hakikatnya pengurusan syarikat ini berubah tangan dan saya tahu spirit Fasal 34(1) ini dahulu ialah kalau berlaku perubahan pengurusan syarikat, bermakna pemegang-pemegang saham minority juga akan dibuatkan general offer ataupun diberikan tawaran umum untuk mendapatkan harga yang terbaik sepertimana yang telah pun dibeli oleh pengurusan baru yang mengambil syarikat ini. Tetapi dalam corporate exercise yang kita dapati, kebanyakannya cuma mengelakkan daripada 33%, tetapi pada masa yang sama pengurusan syarikat bertukar kepada group yang lain dan kerana trigger point ini ialah 33%, jadi mereka ini tidak dikehendaki membuat general

offer kepada pemegang-pemegang saham minoriti.

Saya berharap pihak Security Commission dapat melihat tentang fasal ini supaya tidak ada pihak yang menyalahgunakan fasal ini, hanya mengambil sesuatu syarikat hanya setakat 32%, selepas itu tidak payah membuat general offer dan yang menanggung kerugian, yang tidak mendapat hak ialah pemegang-pemegang saham minoriti yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga di bawah seksyen 32(b) di mana ianya adalah menjadi kesalahan jika seseorang itu membuat kenyataan ataupun Lembaga Pengarah membuat kenyataan yang misleading. Perkataan 'misleading' ini walaupun susah hendak dibuktikan, tetapi saya percaya dari pengalaman kita di pasaran saham banyak kenyataan yang kadangkala itu berapa banyak Memorandum of Understanding (MoU) yang telah pun ditandatangani, tetapi tidak dilaksanakan. Ini saya anggap adalah sebagai satu kenyataan yang misleading kepada public.

Setakat ini belum ada lagi syarikat-syarikat ataupun ahli-ahli lembaga yang telah pun dikenakan tindakan kerana membuat kenyataan yang misleading kepada public ini. Saya berharap kemungkinannya sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, oleh kerana Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission) kita tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengawal selia satu pasaran yang besar, pasaran yang berkembang dengan sebegitu pesat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Security Commission, saya juga

berharap sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, Security Commission adalah kalau bank itu adalah seperti Bank Negara kepada kumpulan bank, pada 30 atau 37 bank yang terdapat di negara kita ini. Kita boleh lihat bagaimana sofistikatednya organisasi Bank Negara kita, kita harap juga organisasi Security Commission juga akan menjadi sofistikated seperti juga Bank Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai lesen-lesen yang diberikan kepada pengurus-pengurus dana, kerana saya lihat dalam rang undang-undang yang dibentangkan ini banyak menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh pengurus kumpulan wang ataupun pengurus-pengurus dana. Jadi, apa yang ingin saya timbulkan di sini ialah beberapa perkara yang patut difikirkan secara mendalam oleh pihak kementerian, pertamanya ialah tentang peranan yang dimainkan oleh wartawan kewangan, yang menulis tentang soal-soal kewangan di dalam surat-surat khabar yang diberikan information kepada public. Adakah mereka ini tidak dilesenkan, adakah mereka ini dikecualikan? Maksudnya siapa pun boleh menulis dalam surat khabar mengenai soal-soal kewangan ini. Jadi, saya berharap supaya wartawan-wartawan kewangan ini juga dilesenkan, hanya orang yang tertentu sahaja yang boleh, yang ada kredibiliti, yang ada latar belakang yang baik dari segi kewangan, yang tahu yang boleh misleadkan public supaya kita hendak apa yang dapat kepada orang ramai itu adalah sesuatu berita yang benar, bukan ada sesuatu pihak yang mengambil kesempatan, kerana apa yang dituliskan di akhbar-akhbar oleh wartawan-wartawan kewangan ini boleh menyentuh

pasaran kewangan kita.

Begitu juga kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh tokoh-tokoh korporat. Saya masih ingat lagi satu masa dahulu seorang tokoh korporat membuatkan kenyataan, dia kata 'time to sell' besok itu pasaran menjunam sampai 100 point. Tidak payahlah saya katakan siapa yang mengatakan, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen lebih maklum perkara ini. Jadi, kenyataan-kenyataan yang boleh dibuat oleh tokoh-tokoh korporat ini pun patut diawasi, bukannya semua orang boleh mengeluarkan kenyataan. Begitu juga pihak-pihak akhbar supaya lebih berhati-hati mengeluarkan kenyataan-kenyataan ini, kerana dalam peruntukan-peruntukan ini tidak ada mereka ini dilesenkan, baik wartawan kewangan ataupun kebanyakannya pengurus dana ataupun sebagainya yang terpaksa mempunyai lesen-lesen dan juga yang terpaksa patuh peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan di bawah pindaan yang memperjelaskan lagi tugas-tugas ataupun jawatankuasa pelesenan yang dipindahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti ini.

Begitu juga bagaimana caranya kita hendak control information yang kadangkala sekarang ini boleh melalui E-mail dan boleh juga melalui Internet. Jadi bagaimana pihak kementerian hendak kontrol mereka ini, adakah ada mekanisme pihak kementerian ataupun pihak Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi apa-apa berita yang disalurkan melalui E-mail ataupun melalui Internet?

Sekarang ini saya lihat satu saham yang paling ketara ialah Repco. Pada awal tahun ini RM4.00, sekarang sudah lebih RM65.00, sudah berapa kali ganda entah. Seribu kali ganda naik, tetapi saya tak nampak ada tindakan daripada Security Commission. 'There is no investigation at all being carried on,' dengan izin, tidak ada apa-apa penyelidikan ataupun tindakan yang diambil ataupun penyiasatan yang dibuat. Kita tak mahu esok apabila telah pun apa yang berlaku kepada Union Paper akan berlaku pula kepada Syarikat Repco ini. Jadi, saya harap pihak Security Commission akan dapat melihat, khasnya syarikat-syarikat yang second board yang diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak lagi yang hendak saya cakap, tetapi oleh kerana banyak lagi bill yang hendak dibentangkan pada hari ini, jadi dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Mustaffa.

8.32 mlm.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun pada petang ini menyokong Rang Undang-undang Sekuriti yang telah dibentangkan jauh malam, minta maaf, yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa ini, kita lihat sering syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam pasaran saham mengambil alih satu-satu harta yang tidak ada guideline.

Sebagai contoh, satu bangunan hotel yang dibina lebih kurang RM70 juta akan dinilai dengan tiga kali ganda. Maksudnya, apabila diambil alih, nilainya RM210 juta dan sebagainya. Apakah pihak kementerian peka terhadap ini. Perkara ini bukan satu kes, banyak lagi. Sebagai contohnya, Lot 10 dan sebagainya. Kita melihat sekarang salah satu hotel yang besar baru-baru ini juga nilai yang begitu tinggi. Jadi, dari situ apakah penilaian ini tepat dengan nilai yang sepatutnya diberikan. Kerana kita menjalankan korporat ini, di samping itu juga kita melindungi 'minority shareholders,' dengan izin. Terutamanya pemegang-pemegang saham yang 1,000 unit perlu kita lindung. Kerajaan harus peka terhadap ini.

Bagi yang mempunyai saham yang banyak, yang mempunyai 50%-60%, macam Yang Berhormat Rahim Baba dia senang boleh jual. Tetapi bagaimana yang taraf 2,000-3,000. Yang banyak saya rasa - kita bumiputera terlibat, kerana kita tidak mampu membeli saham yang lebih banyak. Jadi, ini harus diambil tindakan yang segera. Saya harap juga Suruhanjaya Sekuriti ini apabila diberi kuasa, menilai dengan teliti dari akar umbi, jangan diambil nilai di atas kertas sahaja tanpa pergi ke tempat yang sebenarnya. Ini

berlaku. Maklumlah ahli perniagaan memang cerdik-cerdik semuanya, ahli korporat memang bijak-bijak. Buat RM1.00 jual RM20.00, tetapi yang menderita adalah pemegang saham yang kecilan. Apabila mereka dispose sahaja majority, syer itu, yang menderita adalah pemegang saham yang kecilan. Betul bak kata 'Yang Amat Berhormat' Senator tadi.

Tuan Yang di-Pertua: 'Yang Amat Berhormat.'

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Minta maaf, 'Yang Berhormat.'

Tuan Yang di-Pertua: Itu dari negeri mana? [*Ketawa*]

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Satu lagi, baru-baru ini kita dikejutkan oleh, kalau tak silap saya satu Syarikat Clearing House, yang mana kita memohon saham - saham ini dipohon oleh segenap, boleh dikatakan orang-orang awam memohon. Apabila aga general offer, ataupun penjualan saham, semua orang berminat. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun mungkin sama juga memohon. Apabila sampai sahaja sampul surat ini diterima oleh syarikat berkenaan, dipilih dan disimpan ke satu tempat, dan mana konco-konco dia atau mana cliques dia, dengan izin, dibubuh ke satu tempat. Buatlah pemilihan. Apakah kita merelakan perkara ini berlaku seterusnya? Suruhanjaya Sekuriti seharusnya mengambil tindakan yang wajar. Saya rasa RM1 juta penalti itu tidak begitu mencukupi. Kita harus meminda satu rang undang-undang lagi, kalau ada Clearing House yang membuat penipuan macam ini, kita bubuh 10 kali ganda lebih baik. Kalau mereka tak boleh bayar, mereka masuk penjara. Ini adalah pengajaran yang paling tepat saya rasakan.

Banyak lagi yang saya hendak sebutkan tadi, tetapi Yang Berhormat Rahim Baba sudah sentuh. Macam-macam masalah, macam revise took over, dengan izin, pada saat ini banyak yang ditolak oleh Suruhanjaya Sekuriti. Saya dapati tiga syarikat awam telah ditolak. Pada halnya syarikat ini telah mengalami kerugian hampir RM10 juta. Jadi, untuk menyelamatkan syarikat ini adalah baik menginjekkan, dengan izin, satu harta yang lebih manfaat atau syarikat yang lebih membuat keuntungan supaya syarikat yang rugi ini boleh survive, dengan izin.

Tetapi di saat-saat akhir ini, saya nampak tiga syarikat yang telah ditolak. Umpamanya, Syarikat Cash sebagai contoh, Feel Incor Bhd. dan ada lagi saya lupa. Tetapi yang dua itu sudah tentu. Boleh check dengan Suruhanjaya Sekuriti.

Banyak lagi yang harus kita perbincangkan, tetapi memandangkan hari pun

sudah malam, yang hendak balik jauh pun ada, saya rasa setakat itulah hujah-hujah saya. Dengan ini saya bangun menyokong Rang Undang-undang Sekuriti ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila pihak Menteri menjawab.

8.37 mlm.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Rahim Baba dan Yang Berhormat Senator Mustaffa yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba bahawa Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995 ini ialah untuk menukarkan daripada pegawai pelesen kepada HC, dan melihat kembali Tabung Kesetiaan yang telah lama terbenkakai dan tidak dapat digunakan oleh orang-orang yang berhak kerana peraturan yang terlalu ketat, dan ketiganya ialah mengenai kawal selia pengurusan dana.

Teguran pertama yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Rahim Baba ialah mengenai pengawalseliaan pasaran dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu. Pada asasnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah untuk mempertingkatkan kuasa-kuasa HC di bawah Akta Perindustrian Sekuriti, di mana dasarnya adalah untuk menyelenggarakan kawal selia sendiri di masa akan datang. Dan yang diperkatakan tadi bahawa kakitangan kita tidak mencukupi untuk melihat gagasan-gagasan kerja-kerja yang akan dilakukan oleh kakitangan HC pada masa ini seramai 27 orang sahaja. Tetapi apa yang kita harapkan pada tahun hadapan kakitangan HC akan bertambah kepada 390 orang. Saya percaya dengan penambahan pegawai-pegawai ini buat masa ini juga saya yakin bahawa HC juga berkemampuan untuk mengawal selia pasaran modal negara dan melihat dan meneliti agar kakitangan-kakitangan yang menjadi anggota HC ini betul-betul profesional yang boleh bertindak ke atas sebarang tugas-tugas tambahan yang akan diberi.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba mengenai Suruhanjaya Sekuriti sebagai Pejabat Pos sahaja, kita akan melipatgandakan tugas-tugas ini di bawah Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) di mana ROC dan Bank Negara, tugas-tugas mereka ini akan ditempatkan di bawah Perindustrian Sekuriti sendiri supaya

dapat memberikan lebih banyak taring dan banyak perkara yang dulu dibuat oleh dua, tiga kementerian ataupun jabatan akan diletakkan di bawah satu bumbung.

Mengenai Fasal 34.1 di dalam quote take over dan mergers memperuntukkan bahawa jika seorang bersama-sama dengan orang lain bertindak bersama memperoleh lebih dari 33% sepertimana yang dikatakan oleh Senator Tuan Rahim bin Baba tadi bahawa tiga pointnya ialah 33% dan selalunya apa yang dilakukan ialah cuma mengambil 32% dan terlepas daripada Fasal 34.1.

Jadi, apa yang kita harapkan nanti supaya dapat kita menyasat perkara ini dan memperketatkan lagi undang-undang dari masa ke semasa. Kerana sepertimana yang dikatakan tadi, bahawa sekuriti kita SC kita ialah masih muda yang bermula pada tahun 1993 dan kini akan diperketatkan sedikit demi sedikit diperkuatkan, diperkukuhkan dan dipertambahkan tugas-tugasannya bersama dengan pegawai-pegawai yang profesional.

Satu lagi yang diperkatakan tadi ialah mengenai usaha-usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan pelaburan melalui Amanah Saham dan telah diperkatakan bahawa gambaran-gambarannya amat cantik tetapi permasalahannya selalu yang kita dapati bahawa mereka tidak profesional dalam menjalankan tugas-tugas itu. Ini telah pun ditegur oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan tempoh hari di Sabah mengatakan bahawa jika negeri-negeri hendak melabur dalam saham amanah, hendak mengambil dan menjual saham-saham kepada mereka yang berpendapatan rendah kepada rakyat,

mereka hendaklah patuh kepada etika dan profesionalisme aktiviti pengurusan dana wang ini. Kalau tidak, kita hendaklah memperhatikan bahawa mereka diberi nasihat supaya aktiviti pengurusan dana wang amanah ini tidak akan diadakan oleh negeri-negeri tanpa mengikut etika dan aturan-aturan yang profesional.

Satu lagi yang diperkatakan tadi ialah mengenai wartawan-wartawan kewangan yang tidak qualified di dalam pasaran, suka saya menyatakan di sini baru-baru ini KLSE telah mengadakan, menganjurkan kursus profesional dalam membuat analisa marketing dan management dan ada di antara wartawan-wartawan kewangan telah pun mengambil kursus ini. Kursus ini dijalankan oleh KLSE bersama-sama dengan Universiti Australia dan kita berharap nanti banyak kursus seperti ini akan dijalankan tidak lama lagi di Sabah dan juga di Sarawak dan kita harapkan wartawan-wartawan kewangan yang begitu banyak menulis berita-berita mengenai kewangan negara akan dapat memasuki kursus ini dan boleh meningkatkan lagi profesional mereka terhadap kewangan.

Mengenai bahawa MOU banyak dilakukan dan ini kadangkala merupakan satu penyelewengan untuk mislead the public, suka saya menyatakan di sini bahawa banyak MOU telah dijalankan apabila Perdana Menteri kita keluar negeri, tetapi apa yang perlu dilihat ialah apabila MOU ini telah ditandatangani dan pihak swasta cuba menjalankan MOU-MOU itu maka banyaklah halangan-halangan pentadbiran yang telah dikenakan oleh sesuatu negeri. Oleh kerana itu, MOU itu terbengkalai begitu sahaja.

Jadi, di sini saya rasakan apabila MOU itu ditandatangani, mereka telah membuatnya dengan sepertimana yang dikatakan tadi 'good faith' tetapi apabila hendak diimplementkan banyaklah halangan, rintangan, prosedur pentadbiran yang telah melembabkan perkara ini. Ini tidak dapat kita nafikan dan perkara ini telah pun kita awasi dan kita harapkan nanti, bahawa MOU-MOU yang telah ditandatangani begitu banyak bukan sahaja di luar negeri seperti di Negeri China, Vietnam dan sebagainya, begitu juga MKGT, EAGA dan Sijjouri kebanyakan daripada MOU itu tidak dapat dilaksanakan oleh kerana halangan-halangan begini.

Tuan Yang di-Pertua: Penilaian yang extravagant sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Satu lagi yang dikaitkan ialah mengenai masalah Internet yang telah pun diperkatakan tadi dan di bawah pindaan yang dicadangkan ke atas SIA seseorang yang bukan orang berlesen dan memberi nasihat atau menerbitkan apa-apa mengenai sekuriti melalui apa-apa cara seperti penyiaran melalui siri maklumat atau information services seperti Internet, seseorang itu adalah tertakluk kepada pelbagai kehendak pengawalseliaan di bawah Bahagian V di dalam SIA. Sebagai contoh, dia mesti menzahirkan pemilikannya di dalam bidang sekuriti dan dalam buku daftar.

Mengenai pandangan dan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Mustaffa Kamal, cadangan untuk kriteria minimum telah diletakkan ke dalam pindaan akta ini yang dijadualkan rang undang-undang tersebut dan merangkumi

fit and proper criteria dan pengarah serta CEO perlu dilesenkan. Kriteria ini menentukan sikap kejujuran individu dan orang-orang yang mencagar ataupun menerokai peraturan atau terlibat dalam fraud atau kajian jualan yang tidak layak mengandungi kajian tersebut. Syarikat Clean House yang dikejutkan oleh kerana pemilikan palsu dan sebagainya, pihak Security Commission mengucapkan terima kasih di atas pandangan berkenaan dan kita akan meneliti perkara-perkara yang ditegurkan tadi.

Saya berjanji akan melihat semua teguran-teguran ini dan kita akan cuba dari semasa ke semasa untuk memperkukuhkan lagi dan memperketatkan lagi SC kita supaya dapat ia terkenal di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustaffa, macam mana? Ada tentang penilaian tadi atau sudah cukup?

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kalau begitu kita terima. Sila, sudah habis?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Fasal 1 hingga 88 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI
(DEPOSITORI PUSAT) (Pindaan) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.50 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya di bacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 adalah merupakan Akta yang mentadbir hal ehwal penubuhan dan pengawalseliaan depositori pusat serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti pendepositan, pemegangan dan pengesahan sekuriti serta urusan niaga

sekuriti yang telah didepositkan. Akta ini juga mengandungi peruntukan yang mengenakan tugas dan obligasi khusus ke atas semua pihak yang fungsi mereka adalah berkaitan dengan peranan depositori pusat termasuk agen depositori yang diberi kuasa.

Pengwujudan persekitaran pasaran modal tanpa skrip merupakan salah satu langkah penting dalam usaha memantap dan mematangkan lagi pasaran modal negara. Dengan demikian, peranan dan fungsi depositori pusat perlu diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan pelaksanaan pasaran modal tanpa skrip dapat berjalan dengan cekap dan sempurna. Dalam usaha memperkemas dan mempertingkatkan lagi fungsi depositori pusat, beberapa pindaan adalah perlu dibuat ke atas Akta Perindustri Sekuriti atau pun Depositori Pusat, 1991 khususnya bagi memperkemas dan memperkukuhkan lagi aset pentadbiran dan pengawalseliaannya. Pada amnya pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Pindaan Perindustrian Sekuriti Depositori Pusat 1991 adalah berbangkit daripada pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang telah dibentang dan di luluskan di dalam Dewan ini dalam sesi yang lepas.

Pindaan itu di antara lain memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti adalah bertanggungjawab untuk memaju dan menggalakkan perilaku yang baik di kalangan anggota bursa pusat penjelasan, depositori pusat dan semua orang yang diberikan lesen. Selain daripada itu pindaan ini menjadikan Suruhanjaya Sekuriti sebagai pengawal selia utama depositori pusat. Pindaan-pindaan yang dicadangkan

itu juga bertujuan untuk memperkemaskan lagi aspek-aspek pentadbiran bagi depositori pusat. Ini adalah untuk memastikan bahawa urusan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan kemas serta memastikan kepentingan pihak-pihak berkenaan adalah lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara utama yang dipinda melalui rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 2 Akta ini bertujuan untuk meminda dan memasukkan beberapa takrif dalam Akta itu supaya ianya lebih jelas dan tepat.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 3 Akta Ibu dengan tujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan orang-orang atau golongan tertentu yang terlibat dalam penyediaan kemudahan perkhidmatan depositori daripada keperluan mendapatkan kelulusan menteri untuk menubuhkan sebuah depositori pusat.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 7 Akta ibu dengan tujuan memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menguruskan pindaan kepada peraturan-peraturan depositori pusat. Konsep ini adalah selaras dengan kuasa Suruhanjaya ke atas peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Bursa Saham dan Bursa Niaga Hadapan di mana mengikut Akta Perindustrian Sekuriti, 1993 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan, 1993, Suruhanjaya Sekuriti mempunyai kuasa meluluskan peraturan bagi kedua-dua bursa tersebut.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 35 akta ibu untuk memberi

perlindungan kepada syarikat broker saham yang dikehendaki menjelaskan pembayaran bagi sekuriti yang dibeli tetapi belum mendapat bayaran daripada pelanggan.

Fasal 30 bertujuan meminda seksyen 29 Akta Ibu untuk menjelaskan mengenai jenis-jenis rekod yang perlu disimpan oleh depository pusat dan agen mereka.

Fasal 31 bertujuan meminda seksyen 60 Akta ibu untuk menjelaskan mengenai peraturan-peraturan mengkompaun dan pendakwaan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah akta itu.

Fasal 22, 24, 26, 27 dan 29 bertujuan meminda seksyen 51, 53, 55, 56 dan 58 Akta ibu bagi menyelaraskan penalti-penalti yang diperuntukkan di bawah Akta itu agar sama dengan penalti-penalti yang dikenakan ke atas kesalahan yang serupa di bawah Akta Perindustrian Sekuriti, 1983.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan menyebabkan perpindahan kuasa pengawalseliaan yang berkaitan dengan depository pusat daripada pendaftar syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti. Beberapa tugas dan kuasa menteri di bawah Akta itu yang boleh dikategorikan sebagai tugas-tugas dan kuasa-kuasa pentadbiran adalah juga dipindahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti ataupun kepada depository pusat. Bagaimanapun kuasa-kuasa yang melibatkan perkara-perkara dasar masih berada di tangan Menteri, umpamanya kuasa untuk meneruskan depository pusat dan kuasa untuk melantik

badan penasihat kepada depositori pusat di bawah seksyen 6 akta itu.

Pindaan-pindaan yang melibatkan pemindahan kuasa pengawal selia depositori pusat daripada pendaftar syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti adalah wajar dan selaras dengan matlamat penubuhan Suruhanjaya Sekuriti sebagai badan yang mentadbir dan mengawal selia industri sekuriti. Kementerian Kewangan yakin bahawa selepas hampir 3 tahun penubuhannya Suruhanjaya Sekuriti ini bersedia dan mampu untuk memikul tanggungjawab tersebut dengan sempurna.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan itu juga akan membolehkan depositori pusat akan berjalan dengan baik dan pengawalseliaan ke atasnya akan dibuat dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamed bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.
Puan Kian Sit Har.

8.57 mlm.

Puan Kian Sit Har: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk memberikan sedikit pandangan tentang Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1995. Penubuhan Amanah Saham di negara ini telah mencatat hampir 20 tahun. Saham negara ini terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama adalah diasaskan oleh pihak kerajaan yang mana ia dibuka untuk pelaburan kaum bumiputera sahaja, sementara kumpulan yang kedua yang diterbitkan oleh pihak swasta. Kumpulan saham seumpama ini dibuka kepada semua golongan rakyat di negara ini iaitu kumpulan bumiputera dan bukan bumiputera.

Sejak akhir-akhir ini banyak kerajaan negeri, syarikat-syarikat kewangan mahupun pihak bank-bank telah menubuhkan saham-saham di peringkat negeri ataupun bon-bonnya yang tersendiri. Pelaburan di dalam bentuk saham adalah merupakan satu bentuk simpanan di samping pulangan faedah yang agak lumayan. Di samping itu ia menggalakkan rakyat untuk melabur di waktu berada dan menggunakan simpanannya diwaktu kecemasan, maka pelaburan saham dan pemberian bon mendapat sokongan yang meluas di kalangan rakyat.

Menyentuh tentang pelaburan saham dan memberi bon, saya hendak memberi pandangan saya. Pertama, oleh kerana pelaburan jenis ini adalah sebahagian daripada amalan simpanan disamping dapat mengatasi dan mengawal kadar inflasi.

Saya mengusulkan pihak kerajaan supaya semua jenis terbitan saham harus dibuka kepada semua golongan rakyat dan tidak terhad kepada satu golongan sahaja.

Yang kedua, pihak Bank Negara harus dipertanggungjawabkan bagi menubuhkan sebuah jawatankuasa yang profesional bagi mengawal segala aktiviti dan perkembangan urusan pembelian dan jualan saham dijalankan dengan sempurna demi kepentingan orang ramai. Itulah pandangan saya. Saya harap pihak kerajaan ambil perhatian.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pindaan) 1995. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Rahim.

9.01 mlm.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberikan pandangan dan juga seterusnya menyokong Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, di bawah akta ini, di bawah pindaan yang dicadangkan depositori pusat akan diletakkan di bawah Suruhanjaya Sekuriti.

Memanglah kita mengalu-alukan di mana diharapkan sedikit demi sedikit, sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, Security Commission akan menjadi sebagai satu one stop agency untuk pasaran saham kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan depositori pusat ini, sepertimana yang telah pun kita ketahui, kita telah pun dapat mengenal pasti sijil-sijil palsu dan juga kepada pemegang-pemegang saham, kita tidak lagi perlu menyimpan sijil-sijil saham kerana ianya akan disimpan melalui depositori pusat ini. Tetapi walau bagaimanapun, saya mempunyai beberapa persoalan yang saya harapkan dapat diperjelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Membuka akaun CDS dengan broker-broker saham ini adalah seperti juga membuka bank account di mana-mana bank ataupun cawangan-cawangan bank. Apa yang ingin saya tanyakan ialah apakah akan berlaku kalau keadaan di mana syarikat broker saham ataupun stockbroking firm yang mana kita meletakkan saham-saham kita ini, digantung perniagaannya oleh pihak Security Commission oleh sebab-sebab yang tertentu?

Adakah penyimpan yang mempunyai akaun CDS yang diletakkan di bawah sesuatu syarikat broker saham itu boleh menjalankan perniagaannya atau adakah mereka ini tidak boleh menjalankan

perniagaannya selagi penggantungan saham syarikat broker saham yang berkenaan kerana perkara ini, mungkin saya telah bertanya kepada beberapa syarikat broker saham. Mereka kata, mereka pun tidak memikirkan soal itu. Belum pernah terfikir, dia pun kata broker saham dia tidak akan tutup, tidak akan digantung oleh pihak Security Commission kerana kita sebuah broker saham yang kuat.

Tetapi dari sejarah kita, telah pun banyak berlaku pada satu ketika dahulu, banyak syarikat-syarikat broker saham yang telah pun digantung dari perniagaan. Jadi, persoalan saya ialah apakah dengan penggantungan syarikat-syarikat broker saham ini, bermakna juga mereka yang membuat deposit share mereka, yang membuka akaun CDS dengan syarikat broker saham yang berkenaan akan terjejas sama daripada boleh ataupun tidak untuk menjalankan perniagaan.

Kalau di bank, soalnya lain. Kalau bank umpamanya, kalau sebuah bank itu diambil alih, dengan mudah Bank Negara akan mengambil alih. Lepas itu, interest kita akan berjalan juga. Faedah duit kita yang ada di dalam itu akan berjalan juga dan kalau bank itu insolvent pun, Bank Negara akan mengambil alih tugasnya. Tetapi dalam soal perniagaan saham ini, hari ini syarikat itu digantung, kalau pelanggan tidak dapat menggunakan kesempatan untuk menjual/membeli kerana tahulah harga saham ini turun naik. Kadang-kadang dalam masa lima minit ataupun sepuluh minit pun berlaku perbezaan yang ketara.

Jadi, adakah maknanya mereka yang mempunyai akaun di dalam syarikat-syarikat broker saham ini akan deprived daripada menjalankan perniagaan. Saya berharap ini akan dapat diperjelaskan ataupun difikirkan oleh pihak Security Commission yang akan mengambil alih tugas depository pusat ini.

Perkara ini belum berlaku lagi dan saya percaya ianya kemungkinannya satu hari esok akan berlaku. Jadi, saya fikir elok kita memikirkan perkara-perkara yang ada kemungkinannya akan berlaku.

Yang keduanya ialah soal access kepada akaun kita yang di dalam CDS ini. Kita buka akaun CDS ini sebagai satu perkara yang rahsia. Kita tidak hendak orang tahu berapa banyak saham kita. Begitu juga kalau di bank, kita dilindungi oleh Akta Rahsia Bank. Jadi, orang tidak tahu berapa banyak duit Tuan Yang di-Pertua di dalam bank, duit saya dan sebagainya.

RM3,000,000 ya?

Tuan Yang di-Pertua: Kosong.

Tuan Rahim bin Baba: Oh, kosong. Tetapi di dalam sistem yang ada sekarang ini, bagaimana jaminan tentang kerahsiaan? Saya pun terperanjat juga Yang Berhormat Mustafa kata saya banyak

saham. Macam mana dia tahu? Adakah ini maknanya ada orang boleh access kepada akaun kita? Jadi, ini pun kena difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia pakai Internet.

Tuan Rahim bin Baba: Ya, pakai Internet. Adakah ada akta yang melindungi supaya dilindungi kerahsiaan ini? Kalau di bank memang ada akta. Bank tidak boleh mendedahkan, kita boleh sue bank kalau dia beritahu orang berapa banyak duit kita ada dalam bank. Jadi, dia tidak boleh hendak reveal tetapi adakah di CDS ini, dari segi kerahsiaan dijaga ataupun diawasi?

Begitu juga mengenai access kepada akaun kita. Walaupun perkara ini perkara detail, perkara yang teknikal, ini dari segi pengalaman. Kalau kita hendak tahu berapa banyak syer kita yang ada di dalam akaun kita, kita kena pergi sendiri kepada broker saham itu dan berikan account number kita, barulah kita boleh dapatkan seberapa banyak syer kita walaupun laporan dihantar tiap-tiap bulan.

Tetapi saya lebih memikirkan kalau dapat satu mekanisme bagaimana seorang pelanggan itu boleh hanya menelefon. Lepas itu masing-masing ada PIN number ataupun code number, kalau diberi sahaja code number yang rahsia, dia boleh dapat access kepada berapa banyak lagi syer dia yang ada di dalam simpanan CDS ataupun depository pusat yang telah pun dinyatakan tadi.

Jadi, tidak payah seorang pelanggan itu pergi. Kalau dia ada 10 broker saham, dia kena pergi ke 10 tempat. Kalau dia hendak buat urusan saham, dia hendak jual, kadang-kadang dia pun tidak tahu berapa banyak saham dia yang ada, berapa banyak trading yang boleh dia buat. Jadi, kalau ada mekanisme, dia boleh check melalui telefon. Jadi, perkara itu boleh diatasi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma agaknya banyak sangat saham itukah?

Tuan Rahim bin Baba: Tidak, saya bercakap ini bagi pihak Tuan Yang di-Pertua juga. Saya tahu....

Tuan Yang di-Pertua: Saya cakap umum, saya tidak kata Tuan Rahim.

Tuan Rahim bin Baba: Oh, I see.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Rahim bin Baba: Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah mengenai Fasal 3(1) iaitu, "Tidak seorang pun boleh menubuhkan, menyenggara, mengendali atau mengemukakan dirinya

sebagai mengadakan, menyanggara atau mengendalikan sesuatu sistem bagi pengendalian pusat sekuriti”.

Saya faham tentang akta ini, cuma apa yang ingin saya tanyakan ialah mengenai bagaimana dengan peranan syarikat-syarikat nominee. Bank pun ada syarikat nominee. Jadi, adakah mereka ini boleh menyimpan saham-saham ini? Adakah mereka ini termasuk sebagai satu lagi depositori pusat kerana syarikat-syarikat nominee ini juga akan buka akaun dengan depositori pusat tetapi pelanggan-pelanggan ini tidak ada sendiri. Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham apa maksud saya itu.

Jadi, maknanya apakah peranan syarikat-syarikat nominee yang ditubuhkan oleh bank-bank ini? Adakah tidak bercanggah dengan akta ini?

Perkara yang terakhir yang ingin saya sentuh ialah mengenai Fasal 30 di mana sesuatu Depositori Pusat dan agen-agensya hendaklah menyimpan rekod untuk tempoh selama 7 tahun. Saya ingin mencadangkan supaya tempoh ini dilanjutkan kepada 12 tahun. Bukannya kerana apa kerana di bawah Akta Cukai Pendapatan, pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh menyiasat seseorang itu untuk tempoh 12 tahun kebelakangan. Jadi, kalau ini pun diselaraskan supaya dari segi dividen yang dikutip ataupun sebagainya, ada penyesuaian dengan Akta Cukai Pendapatan kerana kita pakai komputer, saya fikir tidak menjadi masalah untuk menyimpan data-data ini untuk 12 tahun diselaraskan dengan apa yang terdapat di bawah Akta Cukai Pendapatan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila pihak kementerian menjawab.

9.12 mlm.

Dr. Haji Safie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan kita pada kali ini iaitu Yang Berhormat

Puan Kian Sit Har dan juga Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Mengenai apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Puan Kian Sit Har iaitu pelabur dalam saham dan bon mesti dibuka kepada semua orang yang bukan daripada satu kaum dan bukan kepada satu kaum sahaja. Ingin saya menyatakan di sini bahawa apabila sesuatu syarikat menjadi syarikat awam, sekurang-kurangnya 25% dari saham yang diterbitkan mesti diberi kepada orang ramai.

Dalam hal ini, tidak terdapat sebarang had ke atas sesuatu kumpulan yang boleh melabur di dalam saham. Pada masa yang sama - pihak kerajaan baru-baru ini juga telah mengumumkan perancangan satu dana amanah saham kepada semua rakyat Malaysia yang akan ditadbirkan oleh PNB.

Mengenai saham yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Puan Kian Sit Har, seperti apa yang telah kita tahu, umpamanya saham Petronas Gas, saham ini diberi bukan kepada individu tetapi kepada koperasi seperti LTAT, Tabung Haji dan sebagainya untuk memajukan lagi perniagaan-perniagaan koperasi dalam arena perniagaan keseluruhannya.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah meminta supaya akaun yang dibuka tidak dapat diketahui oleh orang lain iaitu accessibility kepada akaun CDS mesti ada confidentiality akaun yang berkenaan. Ingin saya menyatakan di sini, perkara ini diambil berat oleh pihak Security Commission (SC) dan kita sedang mengadakan beberapa mekanisme mengenai perkara confidentiality atau kerahsiaan ini supaya access kepada akaun-akaun dalam CDS tidak dapat

diperolehi oleh orang-orang lain. Begitu juga seperti mana yang dikatakan tadi, bahawa perkara-perkara ini akan dilihat dengan begitu mendalam supaya Internet dan sebagainya tidak dapat diketahui oleh orang lain selain daripada pemunya akaun yang berkenaan.

Mengenai Fasal 30, saya telah pun menanyakan perkara ini dahulu mengenai mengapa 7 tahun dan tidak 6 tahun atau tidak 12; tahun kerana Fasal 30 menyatakan mereka mengikut apa yang selalu dibuat oleh fail-fail sulit yang ada di dalam kerajaan, yang selalunya selepas 7 tahun jika perkara itu tidak penting, fail-fail yang berkenaan akan dibakar dan kalau perkara itu penting, ia akan diberi kepada pihak Arkib Negara.

Mengenai tempoh 12 tahun supaya ia sejajar dengan income tax, kita akan melihat perkara ini sama ada bersesuaian atau tidak. Oleh kerana kita sekarang ini, dalam Isra' Mikraj, dahulu ada kawan-kawan berseloroh, 7 tahun ini kerana kita ada 7 petala langit dan 7 petala bumi dan satu minggu 7 hari. Jadi, item 7 ini amat significant dalam kerja-kerja kita.

Teguran Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mengenai apakah akan berlaku dalam keadaan di mana sebuah syarikat broker saham digantung dan apa yang akan berlaku kepada seorang yang telah membuka akaun CDS dengan syarikat berkenaan sama ada terjejas atau tidak. Di bawah undang-undang, saham-saham yang disimpan di syarikat broker saham oleh seorang pelabur adalah disimpan secara amanah di bawah Bahagian VIII SIA. Oleh yang demikian,

apabila sebuah syarikat broker saham digantung dari menjalankan perniagaannya, saham-saham seorang pelabur dalam akaun CDS itu tidak dilibatkan dan tidak boleh diambil ataupun dikendalikan oleh pihak pemegang harta ataupun pemintang syarikat tersebut. Ini dijelaskan lagi dalam cadangan-cadangan di bawah rang undang-undang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah teguran-teguran yang telah dibuat dan jawapan-jawapan yang telah kita berikan dan apa-apa pindaan dan teguran yang bernas, kita akan mengambil kira di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.19 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Dalam usaha memajukan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau ringkasnya IOFC yang maju dan terkenal, kerajaan berpendapat penubuhan sebuah badan khas yang akan menjadi pusat serenti bagi mentadbir dan mengawal selia institusi luar pesisir adalah sesuai dan berfaedah bagi menarik minat institusi-institusi luar pesisir menyertai IOFC Labuan.

Ia akan memberi kemudahan kepada institusi-institusi asing untuk mendapatkan maklumat dan menguruskan hal ehwal berkaitan dengan institusi mereka di bawah satu bumbung. Badan khas itu ditubuhkan sebagai sebuah lembaga yang mempunyai semua kuasa untuk mentadbir dan mengawal selia institusi-institusi yang menjalankan perkhidmatan kewangan di IOFC Labuan.

Badan ini akan diwujudkan berasingan dan seiringan dengan Lembaga Pembangunan Labuan atau ringkasnya LDA tetapi mempunyai peranan dan bidang kuasa yang berbeza. LDA akan terus memainkan peranan sebagai badan yang mengendalikan kemajuan fizikal Labuan. Manakala badan yang baru ini akan menjadi sebagai pihak berkuasa hal ehwal institusi luar pesisir.

Pada masa ini terdapat empat akta yang berasingan bagi institusi-institusi luar pesisir iaitu Akta Bank Luar Pesisir 1990, Akta Insurans Luar Pesisir 1990, Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 dan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Keempat-empat akta itu adalah ditadbir oleh badan-badan yang berasingan iaitu Bank Negara Malaysia dan Pejabat Pendaftar Syarikat yang berpusat di Kuala Lumpur. Peraturan yang sedia ada sekarang ini dirasakan tidak sesuai lagi kerana ia boleh menimbulkan kelambatan dalam proses permohonan yang dikemukakan oleh institusi-institusi asing. Selain daripada itu, pihak institusi asing yang ingin mendapatkan berbagai maklumat mengenai hal ehwal kewangan luar pesisir terpaksa berhubung dengan beberapa pihak yang berasingan. Ini akan menyusahkan dan melambatkan urusan mereka.

Dengan hal yang demikian, badan baru yang dicadangkan itu akan mengambil alih kuasa mentadbir seperti yang termaktub dalam keempat-empat Akta Luar Pesisir yang sedia ada sekarang ini iaitu daripada Bank Negara Malaysia dan Pendaftar Syarikat. Badan-badan itu akan berpusat di Labuan dan ia bertanggungjawab ke atas semua aspek berkaitan dengan institusi luar pesisir di

Labuan termasuk soal penubuhan syarikat dan pengawalseliaannya. Penubuhan badan ini akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada institusi-institusi luar pesisir dalam melaksanakan urusan pentadbiran syarikat mereka.

Badan yang dicadangkan itu akan dikenali sebagai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan yang ditubuhkan di bawah aktanya yang tersendiri. Badan itu akan mempunyai sebuah lembaga yang dianggotai oleh mereka yang dilantik oleh Menteri Kewangan seperti berikut: Pengerusi Bukan Eksekutif, Ketua Pengarah dan tidak kurang dari dua dan tidak lebih daripada tujuh anggota lain di mana sekurang-kurangnya dua daripada mereka hendaklah daripada sektor awam. Secara keseluruhannya, akta baru yang dicadangkan itu adalah hampir sama dengan akta badan-badan lain dari segi kandungannya. Ia mempunyai empat bahagian yang berikut:-

- (i) Menjelaskan mengenai pelbagai tafsiran yang berkaitan dengan aktiviti luar pesisir;
- (ii) Menjelaskan mengenai fungsi lembaga, keahlian lembaga dan aktiviti serta skop lembaga;
- (iii) Menjelaskan mengenai hal ehwal kewangan lembaga termasuk bayaran-barayan yang boleh dikutip dan dibelanjakan oleh lembaga; dan
- (iv) Menjelaskan mengenai perkara-perkara am berkaitan dengan akta itu.

Pengwujudan lembaga yang akan bertindak sebagai pusat serenti bagi mentadbir dan mengawasi hal ehwal kewangan IOFC Labuan dirasakan perlu dan kena pada masanya. Ia dirasakan boleh membantu mempercepatkan lagi pembangunan dan kepesatan aktiviti kewangan IOFC Labuan.

Rang undang-undang bagi mewujudkan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan itu dirasakan mencukupi dan mampu untuk membolehkan badan itu berfungsi dengan cekap dan berkesan. Cadangan penubuhan badan khas itu adalah bagi memastikan bahawa semua urusan dengan penubuhan dan pentadbiran institusi-institusi luar pesisir yang memberi perkhidmatan kewangan di IOFC Labuan dapat dibuat dengan mudah dan cepat. Ia juga dijangka dapat melaksanakan aktiviti promosi IOFC Labuan dengan lebih berkesan.

Dengan penubuhan badan khas yang saya syorkan itu, Kementerian Kewangan yakin bahawa usaha untuk memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa dapat dicapai dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada

lagi. Baik, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

9.25 mlm.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dulu Tuan Yang di-Pertua juga yang beritahu saya, jangan ada bil yang tidak dibahas langsung. *[Ketawa]* Jadi, saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertualah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini termakan dirilah nampaknya. *[Ketawa]* Sila.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995 dan saya membahas dan menyokong rang undang-undang ini bukanlah semata-mata untuk memastikan supaya tiada rang undang-undang yang tidak dibahas tetapi saya telah pun meneliti rang undang-undang ini dan saya percaya dalam masa yang singkat, kita akan terpaksa mengemaskini dan membuat pindaan-pindaan baru ataupun peruntukan-peruntukan baru kepada rang undang-undang ini.

Saya katakan demikian kerana rang undang-undang ini sebagai satu rang undang-undang yang sebegitu besar, rang undang-undang yang bolehlah kita anggapkan lebih besar daripada Bank Negara sendiri di peringkat Labuan. Jadi, banyak lagi saya percaya, tambahan-tambahan dan huraian-huraian yang akan

terpaksa kita buat dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara terutamanya tentang hubungan rang undang-undang ini ataupun Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dengan Labuan Development Authority. Saya berharap tidak berlaku pertindihan ataupun tidak berlaku pergeseran di antara Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ini dengan Labuan Development Authority kerana di peringkat LDA kita ada pengerusinya sendiri tetapi nampaknya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ini akan melapor (report) terus kepada Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal 5 mengenai keanggotaan ahli-ahli lembaga iaitu seorang Pengerusi, seorang Ketua Pengarah dan tidak kurang daripada tiga, bukan dua; tadi Setiausaha Parlimen baca, dia baca "dua". Sebenarnya tiga. Tidak tahulah, mungkin dia tersilap sebut ataupun sebagainya, saya tidak tahulah. Tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada tujuh orang dan dua daripadanya hendaklah daripada sektor awam.

Saya ingin menyentuh mengenai Fasal 5(2) iaitu anggota yang dilantik di bawah Perenggan 1(c) hendaklah daripada kalangan orang yang mempunyai pengalaman yang relevan dalam perkara kewangan, komersil dan undang-undang. Memang kita alu-alukan fasal ini tentang pengalaman dan juga kebolehan anggota yang dilantik di dalam bidang kewangan, komersil dan juga undang-undang. Tetapi malangnya tidak ada disebut langsung mengenai qualification ataupun

mengenai pengalaman mereka yang dilantik sebagai Pengerusi ataupun sebagai Ketua Pengarah.

Kita tidak menafikan hak Menteri untuk melantik siapa sahaja sebagai Pengerusi, siapa sahaja sebagai Ketua Pengarah tetapi adalah lebih baik kalau dapat diletakkan, kerana ini satu badan yang akan berdampingan dengan kewangan, khasnya dengan dari segi kewangan pesisir luar. Jadi, biarlah ditentukan (specified) Pengerusi dan juga Ketua Pengarah lembaga ini juga mempunyai pengalaman yang relevan dalam perkara kewangan, komersil ataupun undang-undang. Adalah agak janggal kalau ahli lembaganya yang dilantik tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada tujuh mempunyai pengalaman yang lebih daripada Pengerusi ataupun daripada Ketua Pengarah sendiri.

Saya tidak mengatakan bahawa pihak kementerian akan melantik mereka yang tidak berkebolehan, tetapi perkara ini hendaklah diawasi, hendaklah diambil ingatan supaya mereka yang dilantik sebagai ketua pengarah dan juga sebagai pengerusi khasnya hendaklah mereka juga yang mempunyai keupayaan ataupun mempunyai pengalaman yang setimpal dengan ahli-ahli lembaga yang lain.

Yang keduanya ialah mengenai Fasal 7(2), seorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan dengan notis bertulis yang ditujukan kepada menteri. Ini adalah satu akta atau rang undang-undang yang baru dan saya lihat biasanya apabila rang undang-undang baru yang lain dibentangkan ianya cukup detail, cukup terperinci, tetapi dalam soal ini saya lihat lembaga ini bukanlah satu

lembaga yang kecil, tetapi seolah-olahnya anggota lembaga. Apabila dikatakan seorang anggota lembaga, maknanya ketua pengarah ataupun pengerusi dan juga ahli-ahli lembaga yang lain boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa, biasanya kena beri notis tiga bulan ataupun sebagainya supaya tidaklah dengan sesenang hati seorang itu berhenti dari jawatannya, kerana ini adalah satu badan yang sungguh besar, satu badan yang mempunyai tanggungjawab yang sungguh bermakna kepada Labuan.

Saya percaya kalau di Bank Negara agaknya, jika seorang itu hendak meletakkan jawatan, dia hendaklah meletakkan jawatan dengan memberi notis 3 bulan ataupun 6 bulan dan selepas 6 bulan meletakkan jawatan dia tidak boleh bekerja dengan bank lain kerana ada Akta-akta Kerahsiaan mengenai bank dan sebagainya. Jadi, itulah sebabnya tadi saya katakan saya percaya selepas ini besok banyak lagi, apabila lembaga ini mula beroperasi akan banyak lagi pindaan yang terpaksa kita buat.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak kementerian menjawab.

9.35 mlm.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba yang telah membahaskan rang undang-undang ini.

Mengenai concern beliau sama ada ada pergeseran ataupun tidak di antara LDA dengan LOFINSA. Fasal 3 memperuntukkan bahawa salah satu objektif LOFINSA ialah untuk memajukan dan membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat untuk perkhidmatan kewangan pesisiran, sedangkan LDA masih lagi akan berfungsi sebagai pihak berkuasa yang akan membangunkan kerangka infrastruktur dan kemudahan-kemudahan fizikal di Labuan termasuk di dalam IOFC untuk memastikan bahawa Labuan akan berjaya sebagai IOFC. Di sini, kita lihat bahawa LDA seperti yang ada di tempat-tempat kita sebagai salah satu badan Local Government yang melibatkan infrastruktur dan kerangka infrastruktur itu dapat dijalankan, dibuat dan dibangunkan manakala LOFINSA itu sendiri ialah sebagai pusat perkhidmatan kewangan. Kita rasakan bahawa kegeseran LDA dan LOFINSA insya-Allah tidak akan timbul.

Fasal 5, keanggotaan ahli lembaga sebagaimana dikatakan sendiri oleh Yang Berhormat bahawa orang-orang yang revert, yang berpengalaman dalam bidang kewangan dan komersil serta undang-undang akan diberikan tempat.

Saya berterima kasih di atas concern Yang Amat Berhormat bahawa Menteri Kewangan akan meneliti perkara ini dengan sedetailnya supaya orang yang relevan sahaja akan ditempatkan kepada tempat itu.

Fasal 7(2) yang membolehkan bahawa mereka boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa sahaja, saya juga bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini kita akan pergi dalam beberapa peringkat secara

‘incremental’ dan kita akan mengubahsuai apabila perkara ini berlaku.

Sekian, sahaja Tuan Yang di-Pertua, tentang teguran-teguran dan jawapan-jawapan yang telah diberikan dalam perbahasan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.39 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan

Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada 27hb. Oktober yang lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan Negara 1996 di Dewan Rakyat telah mengumumkan bahawa levi sebanyak RM100,000 akan dikenakan oleh pihak berkuasa negeri bagi setiap pemerolehan tanah oleh kepentingan asing. Kepentingan asing yang dimasukkan ialah orang bukan warganegara atau syarikat asing atau syarikat tempatan yang dikuasai oleh mereka itu.

Semenjak tahun 1993 orang bukan warganegara dan syarikat asing tidak boleh memiliki tanah selain dari tanah industri tanpa kebenaran pihak berkuasa negeri. Semasa kelulusan diberi pihak berkuasa negeri boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi peruntukan bagi membolehkan levi dikenakan apabila kelulusan diberi kepada orang yang bukan warganegara atau syarikat asing untuk memperolehi tanah bermilik atau berkepentingan atau kepentingan mengenainya melalui urus niaga dan pendaftaran di bawah Kanun Tanah Negara. Levi yang dikenakan perlu dibayar dalam tempoh tidak melebihi satu bulan, jika tidak, kelulusan akan luput dan urusniaga itu tidak akan didaftarkan.

Peruntukan juga diadakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan denda sebanyak tidak kurang dari RM100,000 jika orang yang bukan warganegara atau syarikat asing memperolehi tanah bermilik atau kepentingan mengenainya secara kontrak tanpa kelulusan pihak berkuasa

negeri. Jika sesiapa sahaja membuat kontrak memindah milik atau melupuskan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya kepada orang yang bukan warganegara ataupun syarikat asing tanpa kebenaran pihak berkuasa negeri, kontrak tersebut adalah tidak sah.

Walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah untuk tanah yang digunakan bukan untuk industri. Semasa memberi kelulusan untuk pemerolehan tanah bermilik, atau kepentingan mengenainya oleh orang yang bukan warganegara atau syarikat asing secara kontrak, pihak berkuasa negeri juga boleh mengenakan levi yang perlu dibayar dalam tempoh masa tidak melebihi satu bulan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan material, dengan izin, yang lain ialah melanjutkan pemakaian sekatan kepada perkataan syarikat asing dan juga syarikat tempatan yang dimiliki 30% atau lebih daripada sahamnya oleh orang yang bukan warganegara, syarikat asing atau syarikat tempatan yang dimiliki 30% atau lebih oleh orang yang bukan warganegara atau syarikat asing. Pindaan dibuat bagi memperkemas cara-cara pelaksanaan sekatan supaya kedudukan kepentingan tempatan lebih terjamin.

Satu lagi pindaan material ialah yang berkaitan dengan surat kuasa wakil, dengan izin, power of attorney. Di bawah peruntukan yang dicadangkan orang yang bukan warganegara atau syarikat asing tidak dibenarkan sama sekali menyempurnakan surat kuasa wakil apa-apa surat cara atau surat ikatan yang berkaitan dengan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya yang memindah atau melupuskan tanah atau kepentingan mengenainya kepada sesiapa sahaja. Ini, adalah untuk mengelak orang yang bukan warganegara atau syarikat asing daripada menggunakan surat kuasa wakil bagi mendapat hak ke atas tanah atau kepentingan mengenainya apabila ia tidak boleh mendapatkannya melalui cara-cara lain yang akan dilarang melalui pindaan-pindaan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan tindakan diambil ke atas sesebuah pertubuhan perbadanan seperti syarikat, apabila ia melakukan sesuatu kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara, peruntukan telah dimasukkan di dalam rang undang-undang ini dengan menyatakan bahawa pegawai-pegawai tertentu syarikat itu boleh didakwa dan jika syarikat itu disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduhkan, pegawai-pegawai itu disifatkan telah melakukan kesalahan melainkan mereka dapat membuktikan mereka tidak bertanggungjawab ke atas kesalahan yang berkenaan.

Apabila pihak berkuasa negeri meluluskan pemerolehan tanah ataupun kepentingan mengenainya di bawah seksyen 433B(1) Kanun Tanah Negara melalui pendaftaran di bawah Kanun Tanah

Negara, pihak berkuasa negeri bolehlah mengenakan levi sebanyak RM100,000 bagi setiap tanah bermilik atau setiap kepentingan mengenainya. Ini juga bermakna bahawa levi sebanyak RM100,000 akan dikenakan bagi setiap petak bangunan yang dipecah bahagi di bawah Akta Hakmilik Strata 1995.

Bagi pemerolehan di bawah seksyen 433E Kanun Tanah Negara pula, melalui pemindahan atau pelupusan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya yang tidak memerlukan pendaftaran di bawah Kanun Tanah Negara, levi RM100,000 boleh dikenakan untuk perkara-perkara berikut:

- (i) Setiap tanah bermilik bahagian yang tidak dipecahkan mengenai tanah bermilik atau kepentingan mengenai tanah bermilik;
- (ii) setiap bahagian tanah bermilik;
- (iii) setiap bahagian bangunan yang akan didirikan di atas tanah dibermilik seperti petak dalam bangunan berbilang tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa pindaan-pindaan kepada Kanun Tanah Negara seperti yang dinyatakan di atas dapat mengawal dengan lebih berkesan lagi pemerolehan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya yang bukan untuk maksud industri oleh orang yang bukan warganegara atau syarikat asing.

Selain daripada itu, penganan levi RM100,000 bagi setiap pemerolehan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya kecuali tanah industri akan memperketatkan lagi kawalan ke atas pemerolehan tanah. Levi juga dapat dikutip dengan teratur, langkah-langkah tersebut dijangka akan mengurangkan spekulasi ke atas hartanah dan menjamin kepentingan negara dan sekaligus memelihara kepentingan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada improvementlah. *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tuan Ding Seling.

9.46 mlm.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk

mengambil bahagian untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong rang undang-undang ini, saya hanya hendak minta penjelasan dari pihak kementerian beberapa perkara. Pertama sekali, dalam tujuannya yang berbunyi bahawasanya adalah suatu manfaat hanya bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dalam dasar untuk meminda Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, adakah ini hanya bermaksud tanah, dengan izin, mixed zone dan tidak melibatkan tanah-tanah yang dipunyai oleh orang-orang tempatan misalnya seperti di Sarawak yang mempunyai tanah melalui adat yang diterokai oleh mereka sebelum 1hb. Januari 1958.

Saya rasa begitulah tujuannya tetapi mengikut apa yang Yang Berhormat jelaskan tadi tetapi saya ingin penjelasan sama ada itu betul atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin minta penjelasan juga dalam rang undang-undang ini iaitu berkaitan dengan seksyen 5 iaitu dari segi takrif foreign company, dengan izin, di sini jelas tujuannya tetapi yang saya ingin tahu adakah tidak kemungkinan sesuatu syarikat tempatan yang kita dapat di ROC, dengan izin, seratus peratus kepunyaan orang tempatan tetapi sebenarnya ada orang luar ataupun foreigners, bukan warganegara maksud saya, yang mempunyai kuasa dalam syarikat itu melalui perkara seperti mungkin trustee, kalau saya boleh tanya Puan Kamilia binti Ibrahim, adakah perkara begitu dari orang lawyer ya. Bukan tanya dia, bukan tanya *[ditujukan kepada Puan Kamilia binti Ibrahim]* *[Ketawa]* Ini terminology trustee. Maksud saya tadi kemungkinan syarikat tempatan yang mempunyai nama dia tempatan tetapi dikuasai oleh orang luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini kerana terdapat beberapa perkara bukan tertulis tetapi ada amalan-amalan tertentu yang saya lihat di negeri saya Sarawak di mana kemungkinan besar orang luar yang mempunyai kuasa dalam sesuatu organisasi tertentu, walaupun bukan syarikat tetapi mempunyai kuasa yang begitu kuat yang susah kita kenal pasti, tetapi mereka juga ada aktiviti-aktiviti tertentu di mana mereka ada membangunkan tanah sekarang ini secara kecil-kecilan tetapi menghalang rancang-rancangan kerajaan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan juga, iaitu mengenai seksyen baru 7, di mana berbunyi dalam bahasa Inggeris, 433E (1) Subject to any written law.....minta maaf, "but only after prior approval of the State Authority" di mana tanah itu boleh ditukar milik.

Bagaimana kalau sekiranya kerajaan ataupun pihak-pihak tertentu hendak berurusan mengenai sebidang tanah, maksud saya disebaliknya bolehkah tidak orang-orang tempatan yang mempunyai hak terhadap tanah yang menjadi subjek itu dikonsultasikan, ditanya.

Perkara yang ke empat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya juga, iaitu mengenai seksyen 7(3) mengenai 'offence', di mana seksyen 3 berbunyi, "Any person or body conveying or disposing of, or any non-citizen or foreign company accepting that conveyance or disposal of, any alienated land or any interest therein contravention of sub-section (1) shall be guilty of an offence, and liable on conviction to a fine of no less than RM100,000."

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya di sini ialah sama ada RM100,000 itu untuk pertukaran ataupun billing yang kecil, seperti satu atau dua ekar ataupun juga untuk yang besar-besar, misalnya RM1,000-RM2,000 begitu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertanyaan-pertanyaan itu, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah membuat satu pindaan kepada Kanun Tanah Negara yang pada hemat saya ialah sangat rapi. Bukan sahaja pindaan ini memberikan takrif cara pembayaran levi, juga peraturan tentang pendaftaran hinggalah menentukan instrumen-instrumen yang dianggap sah untuk pendaftaran. Cuma di sini inginlah saya mengingatkan bahawa walaupun di sini kita menyebut peraturan-peraturan untuk pengenaan levi itu dibuat sebelum pendaftaran dibuat di Pejabat Tanah. Inginlah saya mengingatkan bahawa dalam kita membuat pendaftaran di Pejabat Tanah, kadangkala peraturan-peraturan yang begini boleh lepas, di mana pendaftaran dapat dibuat walaupun levi itu mungkin belum dibayar. Ini adalah daripada pengalaman kami, di mana pendaftaran pindah milik tanah yang memerlukan pembayaran 'quit rent' kadangkala dapat terlepas dan pendaftaran masih dilaksanakan.

Jadi, saya ingin mengingatkan jikalau perkara ini dalam pengenaan pembayaran levi, jika peraturan ini tidak diperketatkan di Pejabat Pendaftaran Tanah, ini akan merugikan kerajaan dan ini juga

akan menggagalkan matlamat dan tujuan penetapan levi kepada tuan punya pemilik asing.

Yang keduanya, ialah mengenai peraturan pendaftaran yang juga di mana memerlukan kelulusan dari pihak berkuasa negeri. Kita tahu bahawa tanah sebenarnya masuk di bawah bidang kuasa Negeri. Tetapi peraturan dan perundangan diselaraskan di bawah Kanun Tanah Negara. Tetapi adalah sepatutnya juga menjadi satu amalan atau peraturan yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara, satu panduan bagaimana pihak berkuasa negeri boleh memberi kebenaran untuk pindah milik tanah diluluskan bagi mereka yang dktakrifkan sebagai 'the foreigner' ataupun 'non-citizen foreign company.'

Dalam matlamat kita untuk menjaga kepentingan pemilikan dan juga kepentingan mengurangkan 'foreign ownership' ini, adalah wajar jikalau peraturan-peraturan atau terma-terma yang dikenakan oleh pihak berkuasa negeri itu merupakan terma-terma yang selaras.

Yang ketiganya, sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat Ding Seling tadi mengenai instrumen-instrumen untuk pendaftaran. Di sini pihak kementerian yang telah begitu teliti untuk menyebutkan bahawa jikalau instrumen yang hendak digunakan untuk memindah milik bagi foreign interest ini, ia perlu 'power attorney,' dengan izin, tidak boleh ada satu instrumen yang tidak sah.

Jadi, di sini berkemungkinan instrumen-instrumen lain boleh digunakan walaupun dalam pindaan ini ada disebut 'any bit or instrument,' dan kemungkinan boleh berlaku di mana pihak foreign company ataupun non-citizen tadi, dengan izin, menggunakan instrumen-instrumen yang tidak dapat dikesan secara undang-undang atau legal detection dan masih lagi boleh membuat pindah milik bagi tanah yang dimiliki oleh ataupun yang telah dibeli oleh non-citizen atau foreign company.

Jadi, mungkin pelbagai cara akan digunakan. Dan inilah dicadangkan bahawa satu garis panduan yang perlu dibuat ataupun perlu dijadikan regulation atau peraturan bagi Fasal 433F(2) ini, untuk memperketatkan kawalan bagi pendaftaran ataupun membolehkan pendaftaran atau pindah milik yang boleh dilakukan di Pejabat Tanah.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya proceeding atau tindakan untuk yang dibuat oleh peruntukan Fasal 8 adalah merupakan satu peruntukan yang baik yang mana membolehkan mereka yang didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini ditetapkan 'onus of proof' itu di atas pihak yang melakukan kesalahan. Kita sedar dan faham bahawa kesalahan yang begini adalah sukar untuk dibuktikan di mahkamah dan peruntukan ini saya percaya akan dapat membantu

pihak kerajaan mengesan dan menangkap mereka melakukan kesalahan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kian Sit Har.

9.58 mlm.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini untuk memberikan sedikit pandangan tentang Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995.

Isu pengambilan tanah seringkali menimbulkan masalah dan pertikaian di antara pihak kerajaan dan tuan tanah. Kedua-dua pihak ini sering menghadapi jalan buntu dalam soal menentukan kepentingan tuan tanah. Pengambilan tanah oleh kerajaan adalah bertujuan bagi pembangunan seperti pembinaan jalan raya, jabatan pembukaan penempatan-penempatan baru atau kemudahan-kemudahan asas yang lain. Setiap pengambilan harus diberikan pampasan kepada pihak tuan tanah. Masalah pampasanlah yang sering menimbulkan rasa tidak puas hati bagi pihak tuan tanah, dan ada di antaranya telah dibawa untuk penyelesaian di mahkamah.

Bagi mengatasi masalah yang timbul seperti di atas, akta tersebut telah dikaji dan dipinda pada tahun 1991 yang bertujuan memberikan kuasa yang lebih kepada pihak kerajaan negeri. Ekoran dari itu, pihak kerajaan negeri mempunyai kuasa mutlak dalam urusan pengambilan tanah. Pengambilan boleh dilakukan dengan alasan pembangunan oleh pihak kerajaan mahu pun pihak swasta.

Pindaan tersebut juga tidak membolehkan pihak tuan tanah membantah, keputusan kerajaan negeri adalah muktamad. Apabila sesuatu pengambilan yang hendak dilakukan, yang bakal disertakan dengan pembangunan yang disusuli kemudian. Sudah tentu harga tanah akan melambung tinggi. Seringkali, pihak tuan tanah meminta pampasan yang tinggi sedangkan pihak kerajaan hanya

bersedia untuk membayar pampasan yang difikirkan munasabah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengambilan tanah terpaksa dilakukan demi pembangunan dan kemajuan negara.

Namun, kepentingan pihak tuan tanah harus juga dilayan dan diambil kira. Maka saya mencadangkan kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa khasa atau mahkamah khas bagi menguruskan segala urusan pengambilan tanah dan pemindaan bayaran pampasan. Jawatankuasa ini haruslah dianggotai oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan yang profesional dan mahir dalam seluk beluk pengambilan tanah serta nilai harga tanah yang berpatutan.

Kesimpulannya negara harus bertapak maju lebih-lebih lagi Malaysia sedang mara bagi merealisasikan Wawasan 2020. Pengambilan tanah dan masalah-masalah yang timbul dapat diatasi jika kerajaan dan pihak tuan tanah dapat berbincang dan bertolak ansur serta memahami komitmen masing-masing dalam membangunkan negara yang tercinta ini. Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995 diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, sila.

10.03 mlm.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong rang undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi kerana ia merupakan satu rang undang-undang yang progresif. Tetapi saya ingin

memberikan sedikit pandangan memandangkan kita pesat membangun dari segi ekonomi dan dalam dasar globalisasi dan juga liberalisasi dana untuk melabur di kawasan kita ini, adakah ini merupakan satu mohon izin, a step backward, di dalam menentukan penarikan sumber kewangan asing untuk melabur di negara kita ini.

Setakat ini kita tahu bahawasanya dengan wujudnya satu keadaan yang lebih liberal, banyak punca kewangan mencurah ke kawasan kita ini sehinggakan dari segi pasaran saham sahaja, saya diberitahu market capitalisation sehingga meningkat kepada 202.8 bilion yang merupakan nombor dua hanya di belakang Hong Kong sahaja 246.6 bilion.

Jadi, dengan wujudnya satu rang undang-undang semacam ini mungkin ianya menyekat dari segi pengaliran pelaburan daripada luar negara terutama sekali apabila timbul usaha syarikat gergasi untuk hendak memperbesarkan lagi kegiatannya dengan menjual 30% daripada sahamnya misalnya kepada punca kewangan asing atau pelabur-pelabur asing.

Kalau sekiranya syarikat ini mempunyai khazanah seperti apartment, seperti ruang kedai dan sebagainya dengan hak milik-hak milik tertentu, adakah pihak kerajaan negeri yang berkuasa untuk menentukan perkara ini berjalan akan menentukan satu persatu aset ataupun harta di bawah syarikat besar ini yang kini diambil alih 30% oleh syarikat asing supaya mereka membayar tiap-tiap satu hak milik, apartment ataupun ruang kedai ini kepada kerajaan negeri tidak kurang

daripada RM100,000 dan sebagainya.

Kalau inilah spirit atau semangat rang undang-undang ini, saya yakin dan percaya amat sukar bagi pelabur-pelabur asing untuk hendak mengambil alih supaya dapat memperbesarkan syarikat-syarikat kita di negara ini kepada saham syarikat-syarikat yang mempunyai aset-aset yang sedemikian rupa.

Kita juga ingin tahu adakah rang undang-undang ini digubal kerana wujudnya satu keadaan yang amat kritikal di mana spekulasi telah pun membebankan rakyat negara kita untuk membeli rumah-rumah ataupun ruang-ruang apartment dan juga kedai-kedai ini kerana persaingan ataupun menempuhi satu saingan yang hebat dengan pembeli-pembeli asing.

Saya juga ingin menyentuh dari segi apa yang disebutkan tadi, trust deed ini tadi, adakah pihak kerajaan mempunyai satu rangka ataupun structure yang boleh mengawasi dengan senang hak milik-hak milik ataupun trust deed ini di mana ianya amat sulit untuk kita menyiasat.

Jadi, inilah perkara-perkara yang saya hendak kemukakan kepada pihak kerajaan semoga rang undang-undang ini bukan sahaja dapat digubal tetapi terlaksana dari segi undang-undang untuk hendak menentukan dari segi pasaran hartanah di negara kita ini tidak dibebankan dengan spekulasi yang melulu sehinggakan rakyat jelata kita tidak mampu lagi hendak bersaing dan tercicir dari segi memiliki unit-unit yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Frankie Chong Yu Chee.

10.08 mlm.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk menyokong rang undang-undang suatu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya cuma ingin meminta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu mengenai dengan Fasal 1(2) di mana adakah apabila kita meluluskan rang undang-undang ini dan setelah diwartakan menjadi wajib pada setiap negeri terus melaksanakan rang undang-undang ini.

Saya melihat di sini bahawa menteri mempunyai boleh memberi ketetapan pada tarikh-tarikh yang belainan dalam negeri. Jadi, saya minta penjelasan adakah ini mempunyai satu kelonggaran di mana oleh kerana kuasa tanah adalah kuasa negeri dan misal kata kepada negeri yang sedang giat untuk mempertingkatkan industri misal kata di Sabah yang baru sahaja mengambil alih pemerintahan di situ maka sekarang sedang kita membangun industri-industri, jadi, tidakkah setelah rang undang-undang ini diluluskan nanti, sekiranya ini menjadi mandatori pada setiap negeri, maka saya lihat kemungkinan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz di mana mungkin boleh tidak memberi insentif ataupun ruang untuk pelabur-pelabur asing untuk datang ke negeri Sabah untuk melabur sedangkan kita memerlukan banyak pelaburan asing masuk ke negeri kita untuk membangunkan industri-industri kita.

Di samping itu juga, kita lihat sekiranya pelabur-pelabur asing dapat

melabur lebih banyak pelaburan mereka di samping itu juga mungkin boleh menjadi kos subsidi kepada hartanah yang ada di negeri Sabah. Jadi, saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah tarikh-tarikh kepada negeri-negeri tertentu boleh dilonggarkan dan sekiranya ada, berapa lamakah tarikh-tarikh ataupun masa yang boleh ditetapkan bagi setiap negeri yang masih memerlukan foreign investor, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak menteri, sila menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Di minta pihak Menteri, sila menjawab.

10.10 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih, walaupun jam kita telah menunjukkan lebih daripada pukul 10.00 malam.

Pertama saya hendak mengucapkan tahniah kepada Speaker dan juga kepada semua Ahli Dewan Negara di Dewan ini. Sesungguhnya kalau ada yang dikatakan anggota Senate 'mithali', yang hadir di dalam mesyuarat ini sampai pukul 10.00 lebih, adalah anggota 'mithali'. Saya mengucapkan tahniah. *[Tepuk]*

Kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah mengemukakan beberapa perkara iaitu Yang Berhormat Senator Ding Seling, Yang Berhormat Senator Kamilia, Yang Berhormat Dato' Aziz, Yang Berhormat Senator Kian Sit Har dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain seperti Yang Berhormat Senator Frankie

dan pada pandangan saya boleh dikatakan pandangan daripada Yang Berhormat Ding umpamanya, yang bertanyakan sama ada tanah ini tanah adat, Malay Reserve dan sebagainya, adalah tertakluk kepada pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawasanya mengikut Kanun Tanah Negara iaitu dalam Seksyen 4, ianya tidak tertakluk kepada pindaan ini. Semua tanah-tanah seperti, izinkan saya membaca secara ringkas, iaitu “any law for the time being enforce relating to customary tenure, Malay Reservation, relating to mining, sultanic land” dan sebagainya, seperti tanah wakaf, tanah baitulmal, Trengganu Settlement Enactment” dan lain-lain adalah tidak tertakluk kepada pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah nyatakan tadi, bahawasanya semua bentuk assignment, instrument atau deeds dan juga power of attorney adalah secara automatik tidak dizinkan. Walau bagaimanapun di atas cadangan beberapa Ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli Yang Berhormat Ding dan juga Yang Berhormat Senator Kamilia, setelah diteliti memang tidak ada sekatan dalam Kanun Tanah Negara sekarang mengenai penyempurnaan “trust deed” bagi saham syarikat tempatan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perkara ini dan perkara ini akan dibawa untuk pemerhatian dan tindakan kementerian.

Yang Berhormat Senator Tuan Ding juga telah bertanya berkenaan dengan State Authority Approval, yang mana adakah ianya perlu kita bertanya pula kepada

rakyat tempatan? Saya percaya, kerajaan-kerajaan negeri apabila hendak melaksanakan sesuatu tentunya mengambil kira sensitiviti ataupun kepentingan masyarakat setempat, oleh itu kerajaan pusat, khususnya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mempunyai keyakinan bahawasanya kerajaan-kerajaan negeri akan melaksanakan perkara ini dengan sebijak mungkin dan tidak akan menjejaskan kepentingan masyarakat tempatan.

Perkara keempat, Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Ding telah bertanya iaitu apakah denda yang dikenakan kepada mereka yang dibuktikan melakukan kesalahan, itu tidak kurang daripada RM100,000 dan denda ini hanya dikenakan kepada syarikat kecil ataupun tanah-tanah yang saiznya kecil ataupun besar.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengambil kira tentang saiz tanah dan denda ini diserahkan kepada budi bicara mahkamah, maka sebab itulah kita menyatakan di dalam pindaan akta ini denda tidak kurang dari RM100,000 yang bererti bahawasanya boleh didenda lebih daripada itu. Saya mengambil kesempatan bagi pihak kementerian juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Kamalia di atas beberapa teguran dan pandangan dan dinyatakan ingatan bagi pendaftaran di pejabat-pejabat tanah. Memang kita sedar bahawasanya, kadang-kadang pentadbir-pentadbir, sama ada kerana kelalaian dan sebagainya melepasi perkara-perkara yang tidak seharusnya dilepasi. Dalam hal ini di atas cadangan Yang Berhormat pihak kementerian akan memberi taklimat

yang sewajarnya kepada pihak pentadbir tanah agar perkara seperti ini tidak dipandang ringan dan mudah-mudahan tidak ada yang terlepas daripada pengenaan levi yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kamalia di atas pandangan agar terma-terma yang hendak di adakan hendaklah uniform atau selaras dan dalam hal ini, pihak kementerian juga akan memberitahu makluman ini kepada semua kerajaan-kerajaan negeri khususnya pentadbir-pentadbir tanah yang berkaitan. Sepertimana yang telah saya katakan tadi, bahawasanya memang power of attorney adalah tidak sah dan 'deed' ataupun instrument di mana saya telah nyatakan tadi d dalam ayat saya di bawah peruntukan yang dicadangkan, orang yang bukan warganegara atau syarikat asing tidak dibenarkan sama sekali menyempurnakan surat kuasa wakil, apa-apa suratcara iaitu instrumen atau surat ikatan iaitu 'deed', yang berkaitan dengan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya yang memindah atau melupuskan tanah atau kepentingan mengenainya. Jadi, dalam hal ini walau bagaimanapun, di atas beberapa pandangan yang merasakan di bimbangi pihak-pihak dan pegawai yang hadir di Dewan pada malam ini akan mengambil catatan dan ingatan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Yang Berhormat Kamalia juga telah mengucapkan tahniah - saya mengucapkan terima kasih, bahawasanya "the onus of proof" adalah di atas yang tertuduh. Memang dirasakan bahawa ini adalah cara yang sebaik mungkin bagi kita mengelakkan penyelewengan berlaku, kerana

kadang-kadang kita bukan sahaja mempunyai orang yang tidak onus, dengan izin, tetapi juga mempunyai 'means' dan juga boleh mencari pembela yang pakar dan akhirnya terlepas daripada undang-undang. Sebab itulah di katakan bahawa, the onus of proof, dengan izin, dikenakan kepada yang tertuduh sepertimana yang dikatakan di dalam pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Kian Sit Har, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat tetapi pada hari ini kita membicarakan masalah pengenaan levi dan masalah pindaan kepada akta pengambilan tanah yang akan kita bentangkan pada bulan April nanti, insya-Allah, dan Yang Berhormat bolehlah menyuarakan sekali lagi pandangan-pandangan Yang Berhormat. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz dan juga Yang Berhormat Senator Frankie. Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz telah menyuarakan kebimbangan mengenai pertentangan dengan arus liberalisasi yang kita lakukan pada ketika ini untuk menarik pelabur ke negara kita, kerana kita pula mengadakan satu sekatan bagi menentukan dalam hal ini dan Yang Berhormat bimbang sekatan ini akan menjejaskan dasar liberalisasi yang telah membawa banyak keuntungan dalam pelaburan di negara kita.

Saya ingin menyatakan bahawasanya Akta ini ataupun pindaan akta ini adalah bertujuan untuk menyekat spekulasi dan tentunya mesti wujud perimbangan di antara liberalisasi dan perlindungan kepada rakyat tempatan dalam mengharungi masalah spekulasi. Buat masa ini perkara ini tidaklah begitu ketara sehingga kita

merasakan ianya akan menjejaskan dasar liberalisation yang diamalkan oleh negara kita pada hari ini, tetapi izinkan saya menyatakan bahawasanya kerajaan-kerajaan negeri akan mengenakan levi kepada tanah yang bernilai, kalau mengikut panduan kepada Majlis Tanah Negara, ialah RM250,000 ke atas dan ada negeri-negeri seperti Pulau Pinang telah meletakkan nilai RM750,000 ke atas. Bererti, bahawasanya kita telah mengenakan sekatan ini kepada kawasan-kawasan yang dirasakan berkemungkinan besar spekulasi berlaku.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, masa ini telah dirasai bahang wang panas daripada Singapura di mana harta tanah di Johor Bharu, khususnya, di Kuala Lumpur dan juga di Pulau Pinang telah merasakan kenaikan yang sedikit ketara yang berkemungkinan jikalau tidak disekat dan dikawal akan mengakibatkan masyarakat tempatan terjejas di dalam hak untuk memiliki rumah bagi mereka. Walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang saya kira adalah juga pakar dalam bidang ekonomi akan diambil kira oleh kerajaan dan kita akan pastikan satu panduan, umpamanya dari segi guideline harga-harga (cost) rumah yang tertentu sahaja yang akan terlibat dengan pengenaan levi ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Frankie telah menyuarakan apakah kemungkinannya boleh dilonggarkan agar negeri-negeri seperti Sabah dan yang memerlukan perlindungan dan yang memerlukan penggalakan pelaburan tidak dipaksa untuk melaksanakan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan bahawasanya pindaan ini telah diambil kira oleh semua menteri besar dan kerajaan negeri termasuk Sabah dan Sarawak dan kesemuanya telah bersetuju dengan pindaan ini.

Walaupun bagaimanapun, sepertimana yang saya nyatakan tadi, levi ini tentunya akan dikenakan dan kalau ditanya sama ada tarikh ini boleh dilonggarkan atau tidak, saya rasa penggubalan, the way the amendment has been worded, dengan izin, adalah membayangkan bahawa ada fleksibiliti dan kalau

ditanyakan, saya ingin menyatakan bahawasanya kita bertujuan untuk menyekat spekulasi dan melindungi rakyat dan masyarakat tempatan.

Kiranya kerajaan-kerajaan negeri merasakan ianya mahu melengahkan atau menunda, defer, dengan izin, tarikh pelaksanaannya, tentunya kita akan membolehkan fleksibiliti. Sebab itulah kalau kita tengok Fasal 1(2) memberi peruntukan bagi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menyuarakan pandangan. Kebanyakan sepertimana saya nyatakan tadi merupakan pandangan yang cukup berharga dan kita akan mengambil kira di mana yang saya tidak sempat memberi jawapan. Dan oleh itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tangguh sidang sebentar kerana ada seruan alam di belakang. Menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Hanipah mempengerusikan Majlis sebentar.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Majlis*]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 8

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Fasal 8 tadi, dia hendak masuk mencelah. Jadi, boleh Tuan Pengerusi benarkan?

Tuan Pengerusi: Ini di peringkat Jawatankuasa ya? Boleh. Di peringkat Jawatankuasa, boleh. Puan Kamalia.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu mengapakah 30% yang dikatakan sebagai foreign ownership ataupun pemilikan asing ataupun voting shares itu oleh non- citizen? Itu sahaja. Mengapa 30%? Apakah asasnya?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, pindaan ini sebenarnya menyelaraskan, kalau mengikut Akta Syarikat, syarikat yang ditubuh dalam negara Malaysia yang sahamnya dimiliki oleh rakyat asing, dianggap sebagai masih lagi syarikat negara kita dan tidak diistilahkan sebagai syarikat asing.

Kita telah meluaskan definisi ini kepada syarikat yang dikatakan syarikat asing. Yang dikatakan syarikat asing adalah syarikat yang pertama ditubuhkan di luar negara. Yang kedua, yang ditubuhkan dalam negara kita tetapi sahamnya dimiliki 30% atau ke atas oleh sama ada warganegara asing ataupun syarikat asing.

Ditanya soalan mengapa 30%? Kita merasakan bahawasanya kalau kita katakan 51%, ianya terlalu banyak dan kalau dikatakan kurang daripada itu terlalu sedikit. Ianya adalah arbitrary dan kementerian berpendapat bahawasanya 30% adalah meaningful shares, dengan izin.

Oleh itu, kita merasakan sekiranya ada syarikat yang ditubuhkan dalam negara kita yang dimiliki saham dan kepentingannya lebih dari 30% dianggap sebagai foreign ownership, dengan izin, dan oleh itu, ianya memberi perlindungan yang lebih kepada rakyat tempatan. Itu adalah bertujuan untuk memberi safe margin, dengan izin, kepada syarikat-syarikat tempatan. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Dato' Zuki.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, minta maaf kalau hendak tunggu, biarlah larut malam betul. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sedikit sahaja kepada pihak Dato' Fauzi, sahabat saya iaitu berkenaan dengan tanah. Tanah ini ada banyak jenis dari segi milikannya. Satu, adalah tanah pajak dan satu lagi adalah tanah milik kekal. Adakah yang boleh kita pindah milik kedua-dua ini? Jadi, adakah levi yang dikenakan RM100,000 tadi dikenakan ke atas kedua-dua jenis tanah ini?

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, tadi tidak dijawab dengan sepenuhnya soalan Yang Berhormat Ding Seling tadi berkenaan dengan levi RM100,000 tadi dikenakan kepada tanah yang kecil, yang besar,

yang harga tanahnya berjuta-juta. Adakah patut dikenakan levi RM100,000 sahaja. Mengapa hadkan RM100,000 ini? Ia tidak mengikut keluasan tanah? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Zuki ini dia sudah gaharu cendana pula. Sebenarnya dia pakar undang-undang, dia tahu tetapi tidak apalah. Dia sengaja hendak mengusik saya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, tanah yang hendak dikenakan milik kekal atau milik lease, freehold, leasehold atau perpetuity. Sebenarnya dua-dua. Apa yang tidak tertakluk kepada akta ini adalah tanah seperti tanah industri.

Tanah pertanian, Majlis Tindakan Negara telah membuat keputusan tanah pertanian, kecuali untuk tujuan-tujuan tertentu, iaitu kalau dia dia ada membawa sophisticated industry yang berkaitan dengan pertanian, bolehlah diizinkan. Selain daripada itu, tidak boleh dan tidak digalakkan. Yang dimaksudkan di dalam akta ini ialah hartanah, tidak kira sama ada ianya 99- year lease ataupun tanah pajakan perpetuity.

Berkenaan dengan soal levi tadi, sebenarnya saya sudah jawab semuanya iaitu dikenakan

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Pajakan in perpetuity, Tuan Pengerusi. Pajakan ada hak 99 year lease sahaja, maksima.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Pajakan ataupun tanah alienated secara perpetuality, tidak ada pajakan. Minta maaf, saya tersilap

perkataan. Saya bercakap dengan lawyer ini, Tuan Pengerusi. Kita ini bukan lawyer. Tetapi saya faham bahawasanya tanah pajakan, sama ada pajakan 99 tahun, 60 tahun, 33 tahun ataupun tanah yang diberimilik secara perpetuity.

Yang kedua tadi, masalah levi. Sebab itu levi ini adalah tidak kurang daripada RM100,000. Tuan Pengerusi, pindaan ini adalah mengadakan peruntukan bagi pengutipan levi. Levi itu boleh ditetapkan, kalau Kerajaan Negeri merasakan dia hendak lebih, dia pun boleh tetapkan lebih. Jadi, ini adalah tertakluk kepada budi bicara kerajaan negeri.

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saudara-saudara Yang Berhormat, sebelum kita tangguhkan sidang kita, saya ingat elok saya sebutkan di sini bahawa Setiausaha Dewan Negara iaitu Tuan Haji Mohamed Salleh, ada di sini? *[Beberapa Ahli: Tidak ada]* Inilah ketikanya yang terakhir bagi beliau berkhidmat untuk Dewan ini dan juga berkhidmat untuk kita semua. Jadi, saya rasa sesuaiilah kita memberikan satu apresiasi kerana beliau telah bertugas di Parlimen selama 27 tahun dan sejak beberapa tahun yang lepas, beliau berkhidmat sebagai Setiausaha Dewan Negara. Tentu sekali Ahli-ahli Yang Berhormat semua berkongsi pendapat dengan saya bahawa kita akan merasa satu suasana yang ‘missing’, dengan izin,

dengan bersarannya beliau dengan rasminya mulai pada 1hb Januari tahun 1996.

Untuk itu, untuk merekodkan penghayatan kita kepada Tuan Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, maka saya menjemput saudara-saudara Yang Berhormat

untuk membuat ritual biasa iaitu degan menepuk meja. [*Tepuk*]

Satu lagi, kita akan menghadapi 1hb Januari, jadi, kepada sesiapa yang akan merayakan 1hb Januari, kita ucapkan 'Happy New Year' dan sesiapa ada azam baru dan segala-galanya baru, begitu juga kita mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.15 malam.

